

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 13 MEI 2016 (JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
33	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
38	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
39	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Doa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

Setiausaha Dewan:

Pengumuman oleh YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada sesi ini kita akan menimbangankan 73 soalan lisan, 662 soalan bertulis dan 7 usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha Dewan:

Pembentangan risalah-risalah.

Y.A.B Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan Risalah Bilangan 1 dan 2 tahun 2016 seperti yang tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

Setiausaha Dewan:

Soalan-soalan. Soalan bertulis.

Y.A.B Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja Ahli yang bertanya selaras dengan Sub Peraturan 15 (1)(h) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, soalan saya adalah soalan pertama.

No. 1. Adakah Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang memerintah Pulau Pinang sebelum 2998 benar-benar berhasrat untuk membina rumah PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin) di atas tanah lapang di Taman Manggis?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dengan izin YB. Dato' Speaker, saya memohon kebenaran untuk menggabungkan jawapan saya kepada soalan pertama bersama-sama dengan soalan yang kelima daripada Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar yang adalah hampir sama, *will be overlapping* so saya minta kebenaran, Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Berkenaan dengan soalan pertama daripada Ahli Kawasan Seri Delima iaitu apakah ataupun adakah Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang memerintah Pulau Pinang sebelum 2008 benar-benar berhasrat untuk membina rumah PPRT ataupun Projek Perumahan Rakyat Termiskin di atas tanah lapang di Taman Manggis. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri pimpinan Barisan Nasional pernah mencadangkan sebuah lagi blok bangunan projek perumahan rakyat PPR di atas lot 305, 306, 307, 308, 309, 311, 312, 313, 314, 964 dan 115 di Lorong Selamat, Jalan Zainal Abidin, Seksyen 16, George Town, Pulau Pinang bersebelahan bangunan PPR Taman Manggis yang sedia ada di dalam satu mesyuarat Jawatankuasa MMK Perumahan yang bertarikh 29 April 2003 dan juga 24 Jun 2003.

Pada tarikh tersebut mereka ada buat cadangan tersebut supaya satu lagi blok PPRT dibangunkan di baki tanah lapang di Taman Manggis. Dato' Speaker, walau bagaimanapun cadangan ini terbukti merupakan satu cadangan sahaja semata-mata di mana Kerajaan Negeri terdahulu di bawah pimpinan Barisan Nasional sememangnya tiada hasrat untuk membangunkan PPR di atas tanah tersebut di mana, Dato' Speaker, pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 35/2005 yang berlangsung pada 28 September 2005, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terdahulu di bawah pimpinan Barisan Nasional telah menggantikan cadangan asal untuk membangunkan PPR di baki tanah Taman Manggis tersebut dengan satu cadangan baru iaitu dengan projek campuran iaitu rumah kedai dan kuarters kerajaan. Di peringkat ini Dato' Speaker, saya memohon izin Dato' Speaker untuk mengemukakan butir-butir mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang tersebut bertarikh 28 September sebagai bahan bukti untuk disimpan oleh Dewan yang mulia ini.

Jelas Dato' Speaker, kalau kita rujuk kepada butir-butir mesyuarat ini, cadangan pembangunan baki tapak tanah Kerajaan Negeri di persimpangan Jalan Burmah, Jalan Zainal Abidin, perenggan 16.3 butir-butir ataupun minit mesyuarat EXCO bertarikh 28 September 2005 dan penting saya hendak baca kerana ini telah menjadi satu isu yang hangat dan telah diutarakan oleh rakan-rakan saya di sebelah sana dan kita hendak perjelaskan apakah fakta dan hakikat sebenarnya.

Saya baca Dato' Speaker. YB. Encik Teng Chang Yeow memaklumkan Majlis bahawa satu blok perumahan kos rendah telah dibangunkan di atas sebahagian tapak tanah yang berkenaan merujuk kepada tapak tanah di Jalan Zainal Abidin dan ini penting adalah dicadangkan supaya baki tapak tanah yang menghala Jalan Burmah dibangunkan dengan projek campuran iaitu rumah kedai dan kuarters kerajaan di belakang. Saya baca seterusnya. Y.A.B. Tan Sri Ketua Menteri berpandangan bahawa memandangkan lokasinya yang agak strategik tapak tanah itu boleh ditawarkan ataupun *tender out* kepada pemaju swasta untuk tujuan tersebut supaya pihak Kerajaan Negeri tidak perlu menanggung kos pembinaan yang tinggi. Ini adalah minit mesyuarat bertarikh 28 September 2005 yang secara jelas menunjukkan cadangan asal agar satu blok lagi tambahan PPR dibina atas baki tanah di Taman Manggis sememangnya tidak diniatkan untuk diteruskan kerana ada satu cadangan ganti yang jelas mencadangkan agar pembangunan projek campuran iaitu kuarters kerajaan dan rumah kedai dibina di atas tapak tersebut.

Maka Dato' Speaker, selepas 2005 juga ada perkembangan yang menunjukkan bahawa memang Kerajaan Negeri terdahulu di bawah pimpinan Barisan Nasional memang tiada hasrat, objektif ataupun niat untuk meneruskan dengan pembangunan PPR di atas tanah tersebut. Ini berlaku apabila Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Barisan Nasional menolak secara langsung permohonan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk membangunkan PPR di baki tanah Taman Manggis tersebut di dalam Mesyuarat EXCO pada 28 Mac 2007 yang mana disahkan pada 4 April 2007. Dato' Speaker, Kerajaan Pusat, sekejap, *let me finish*. Kerajaan Pusat memohon kepada Kerajaan Negeri pada waktu itu 2007 agar dapat

diteruskan PPR di atas tanah Taman Manggis tersebut tetapi Kerajaan Negeri Barisan Nasional Pulau Pinang menolak permohonan Kerajaan Pusat, itu apa yang berlaku. Kali kedua menunjukkan dengan jelas, tiada hasrat, objektif atau niat di bawah kerajaan terdahulu untuk membina PPR di atas tanah Taman Manggis tersebut. Ya silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih. YB. Dato' Yang di-Pertua. Saya hendak merujuk kepada minit mesyuarat MMK, yang pengesahan 4 April 2007, merujuk kepada permohonan asal di mana permohonan oleh Persekutuan untuk memberi milik kepada keseluruhan empat (4) ekar tanah Taman Manggis. Sebenarnya memang menjadi dasar Kerajaan Negeri sebelum ini, saya tidak tahulah sekarang ini, semua projek-projek yang menggunakan Peruntukan Persekutuan tidak diberi milik tapak.

Ini sama yang berlaku di Projek PPR Jalan Tambi Kechik, projek PPR Mak Mandin dan ini dasarnya bahawa tidak diserahkan tapak permohonan oleh Persekutuan pada masa itu adalah untuk menyerahkan ke semua tapak. Dan sebenarnya pada 28 September 2005 yang ini, arkitek Farid Kamal telah pun menyediakan perancangan untuk membina 272 unit, 17 tingkat atas tapak itu. Jadi oleh kerana tidak mendapat peruntukan untuk membina itu, Kerajaan Negeri pada masa itu berbincang di peringkat perbincangan harus diingat, minit itu adalah minit perbincangan dan soalan saya yang Yang Berhormat jawab tadi sama dengan soalan nombor satu (1) sama ada minit itu telah diambil tindakan sebab ada arahan untuk Setiausaha Kerajaan Negeri menyediakan kertas. Saya tanya adakah kertas kerja disediakan? Apakah tindakan selepas itu dan harus juga diingat bahawa cadangan itu adalah untuk rumah ataupun kuarters kerajaan. Lot-lot ini adalah asalnya kuarters kerajaan. Ini hakikat, kita tidak boleh sangkal dan ia adalah untuk kakitangan kerajaan dan pada masa itu juga pelaksanaan yang dicadangkan kepada Akta Kawalan Sewa menyebabkan banyak kedai-kedai dalam Bandaraya George Town, penyewa-penyewa menghadapi masalah untuk berniaga di kawasan-kawasan yang mampu disewa jadi ini adalah hasrat pada masa itu, jadi soalan saya minta dijawab. Terima kasih.

Ahli Kawan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

First of all, kertas yang dikemukakan pada EXCO pada 28 Mac yang disahkan 4 April yang dirujuk Yang Berhormat tadi berkenaan permohonan Pemberi Milikan juga merangkumi cadangan supaya baki tanah tersebut dibina PPR. Tetapi permohonan daripada Pusat ditolak oleh Kerajaan Negeri keseluruhannya, bukan sebahagian ditolak sebahagian tidak ditolak, keseluruhannya ditolak termasuk cadangan untuk membina PPR, itu nombor satu (1) tidak boleh dinafikan. Nombor dua (2) dan itu yang penting. Saya balik kepada Mesyuarat 28 September 2005, kali pertama ada cadangan ganti oleh Kerajaan terdahulu agar tidak diteruskan pembangunan PPR di baki tanah Taman Manggis tersebut. Soalan saya kepada Y.B. Dato' Teluk Ayer Tawar sama ada pada tarikh mesyuarat kemudian EXCO apabila minit disahkan, minit yang saya baca tadi Dato' Speaker, perenggan 16.3 yang secara jelas merujuk kepada YB. Teng Chang Yeow cadangan supaya baki tapak tanah tersebut dibangunkan dengan projek campuran. Cadangan ganti keseluruhan tiada lagi PPR oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Soalan saya YB. Dato' Telok Ayer Tawar, yang pertama adakah Dato' Yang Berhormat merupakan seorang ahli EXCO pada waktu itu? Setuju? Setuju? Dan pada tarikh khusus, apabila minit ini disahkan 25 haribulan Oktober 2005 masih ingat atau tidak, Dato'? Ada hadir dalam Mesyuarat EXCO itu atau tidak? Saya bagi peluang untuk ingat kembali, saya tahu sudah lama, sebelas tahun dahulu. Tapi ingat baik-baik 5 Oktober 2005 antara jam 10.20 pagi hingga 2.00 petang di bilik mesyuarat Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, adakah Dato' YB. Telok Ayer Tawar hadir bersama-sama Ahli-ahli EXCO lain dalam Mesyuarat EXCO itu? Hadir atau tidak? Saya beri peluang....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nanti sekejap.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No.. No.. Answer my question. Answer my question.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ahli Mesyuarat PDC.....(gangguan).

Ahli Kawan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Answer my question.. Saya ada dokumen....(gangguan). Saya ada dokumen....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

This is not the Court Of Law you know....(gangguan) Tolonglah.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

EXCO boleh dipengerusikan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mana boleh saya ingat semua itu....(gangguan).

Ahli Kawan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

EXCO boleh dipengerusikan bukan sahaja di KOMTAR, di lain tempat pun boleh. Saya ada butir-butir disini.. *I give you a chance.* Dato' boleh ingat atau tidak?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun tanya soalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Refresh, Refresh, Your memory.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun tanya soalan Yang Berhormat tidak jawab. Apa jadi pada minit? Apa jadi pada Arahan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' YB. Chaw....(gangguan)). *Let me answer, let me speak, idea, asking your question,* Dato'.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa jadi pada arahan dalam minit itu, kalau saya ingat saya tidak tanyala.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya tanya, *first of all.* Saya belum sampai lagi. *One by one..* So, setuju atau tidak?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okay sampai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So, setuju atau tidak?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa nak setuju.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You are a lawyer also, lawyer sama lawyer.....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Apa boleh jawab, jawab. Apa yang ditanya, tanya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal):

Lawyer sama Lawyer.. No!.. I'm giving you a chance.. If you can't remember, I will help you, I will assist you, because, first of all you must remember whether you are there because it made a big different. So, my next question. Ingat atau tidak pada jam....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya, saya, sekejap, sekejap. Saya ulangi, saya ulangi.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Honestly saya tidak ingat..Jadi saya nak minta kalau ada bukti tunjuklah.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So, tidak ingat....(sambungan)

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So, tidak ingat? Kalau saya buktikan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bukti je lah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Bahawasanya antara jam 10.20 pagi hingga 2.00 petang, pada 5 haribulan Oktober 2005, di Bilik Mesyuarat Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, di dalam satu mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang Ke-35/2005, adakah Telok Ayer Tawar hadir bersama Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri, YB. Dato' Abdul Rashid bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Menteri, YB. DatO' Dr. Teng Hock Nan, YB. Dato' Azhar bin Ibrahim, YB. Dato' Dr. Toh Kin Woon, YB. Encik Lau Cheik Tuan, YB. Encik Subbaiyah Palaniappan, YB. Encik Teng Chang Yeow dan YB. Tuan Syed Amirudin Syed Ahmad. Ada atau tidak? *Just make it simple.* Ada atau tidak? Ada?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau sudah ada, ada la. Saya mana nak ingat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So, setuju ya? Sekarang setuju? Okay, thank you. Tadi tidak setuju, sekarang setuju. Make it easy la. Simple. One by one, okay I go to my next . I'm going to my next.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak setuju. Jangan putar.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tadi *you* cakap setuju.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan putar belitkan fakta.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Lepas saya baca sudah takut. Setuju.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan putar belitkan fakta. Pagi-pagi lagi sudah nak pusing-pusing.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So, setuju teruslah. Setuju ada hadir.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak ingat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tidak ingat?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ha.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Macam mana *you* tidak ingat?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

You yang *refresh my mind*. *So*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Macam mana *you* boleh tidak ingat ini, walhal *you* boleh ingat dan tipu muslihat rakyat Negeri Pulau Pinang dengan kata.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bila saya tipu muslihat?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You listen to me now. You listen. You are asking for it.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan putar belit fakta.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You are asking for it.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan tipu muslihat. Fakta pula.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya nak kata...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya kata saya tidak ingat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Kalau *you* tidak boleh ingat 2005.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. Duduk dulu. Yang tanya, tanya. Yang jawab, jawab elok-elok. Yang lain jangan masuk pula faktor-faktor yang tidak berkaitan. Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker. Jangan lupa Seri Delima, soalan pertama, soalan saya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak tunjukkan bukti ini. Ada bukti ini. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya nak sebut di sini Dato' Speaker, senang hendak tidak ingat itu senang. Tapi kalau kita hendak tidak ingat, kita mesti tidak ingat semua. Tidak boleh tidak ingat satu, tapi ingat yang lain. Tidak boleh. 2005 ini tidak ingat, Dato', *listen la. You see here. Listen to me. Listen to me.* Tapi pada 2016, 24 Mac boleh ingat satu Memo 2003, 1 Julai 2003 boleh ingat ada satu Memo. Kononnya cadangan asal untuk bangunkan PPR, ingat jelas. Ada ingat tidak sekarang?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No. Answer my question.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Y.B. tanya. Y.B. tanya saya kena jawab.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No. Listen Dato'. Its relevan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya ingat sebab saya rujuk. Kita ni bukannya robot.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So, you rujuk 2003. Tapi tidak mahu rujuk 2005? The answer you boleh rujuk satu (1) tidak boleh rujuk yang lain. Answer the question. Don't look at me like that. Don't look at me like that.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Don't use that intonation here.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I said answer my question! I can use that intonation here to get the truth out of you.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Terus dengan jawapan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

2005 tidak ingat betul, tapi 2003 ingat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya perlu rujuk tadi saya cakap.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya. *So, you* ada.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dan jangan jadikan Dewan ini Mahkamah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You tadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

You are practicing Lawyer go ahead and practice somewhere and not here.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I'm not in practice anymore. I'm EXCO's so that's why I'm using my time here to drill you a little bit. You cakap tadi 2005 tidak ingat, 2003 ingat. Kerana 2003, ingat kerana rujuk. Mengapa soalan saya tidak rujuk 2005? That's why I'm ask you tadi setuju atau tidak ada dalam Mesyuarat?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Substantive issue is not whether I'm here or there. Go back to the substance.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

*Why? Why? Why? Am I listen this, Dato' Speaker? Why? Because on the 24th of March this year, di Barisan Nasional Administration ataupun Barisan Nasional di Pulau Pinang ini ada Pentadbiran di sini telah adakan satu sidang media, Dato' Speaker. Dalam sidang media itu, dirujuk kepada satu Memo bertarikh 1 Julai 2003 yang menyatakan ada cadangan daripada Kerajaan terdahulu untuk membangunkan PPR di baki tanah Taman Manggis tersebut. Ini disebarkan secara luas di dalam Media oleh UMNO, oleh Gerakan Pemuda dan pelbagai pihak yang lain. Yang menyebabkan pada hari yang kemudian 25 March *Friday*, terdapatnya satu *Flash Mob* dan Demo di Taman Manggis oleh pihak-pihak yang tertentu. Dan dikeluarkan pula pada malam 24 Mac di dalam TV, kata-kata bahawasanya kononnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini tidak mahu membangunkan PPR di atas tanah tersebut. Jual kepada pihak swasta, walhal sudah tahu sekarang saya buktikan. Sudah tahu, hadir dalam mesyuarat tersebut saya tanya tadi sudah setuju. Mesyuarat tersebut mengesahkan minit yang saya telah kemukakan sebagai bukti, Dato' Speaker. *That's the reason why I'm doing this, I'm laying the foundation.* Ini menunjukkan ada niat yang tidak baik, tidak boleh buat begitu, tidak bertanggungjawab Dato' Telok Ayer Tawar. *There was a Flash Mob cross by you in sighting them, by saying that this Government does not want to build PPR there, but infact the old Government of which you are the part already did not want to proceed with PPR on that exist land. Infact...(gangguan).**

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Wait, Let me finish it. Let me finish....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, sudah ada tuduhan yang mengata saya *insight Flash Mob*. Boleh bukti?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya kata dengan menyatakan bahawa tuduh Kerajaan Negeri ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Siapa tuduh?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Kerajaan Negeri ini tidak teruskan dengan PPR.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Siapa yang tuduh? Tidak ada dalam Dewan ini. Tidak ada kami dalam Dewan ini yang buat tuduhan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No. No. You don't remember. I boleh.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dan Dato' Speaker, memang dalam....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ingat atau tidak sekarang ini. Baru ka ini bukan. Ini bukan sebelas tahun punya, ini baru.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Memang faktanya. Memang faktanya ada perancangan hendak buat semula atas tanah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Listen. Don't run away. Don't run away. You asking the question, be yourself. Ada bukti? You mahu bukti?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan terlalu lebih...(gangguan). Satu demi satu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ingat atau tidak? Ingat atau tidak Telok Ayer Tawar ada keluar di TV3.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Then patah balik atas tuduhan mengatakan kami telah mencetuskan *insight Flash Mob* tanpa sebarang bukti. Ini satu tuduhan yang liar yang tidak boleh diterima.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ingat atau tidak. *I am going to improve it, if you want. I will giving you a chance, do you remember. You want me to refresh your memory.*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan cerita *remember-remember*, kita ini manusia. Kita bukan robot.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Yes. Kalau tidak boleh ingat 2003 *okay*, tapi ingat kerana rujuk. Kalau tidak boleh ingat 2005, *okay*. Sebelas tahun tapi tidak boleh ingat 24 Mac malam apa yang keluar atas TV3.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta ditarik balik perkataan bahawa kami *insight Flash Mob* Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No. No. I'm talking to you. I'm talking to you.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, saya *insist*. Nak cakap, cakaplah. Tapi jangan menuduh yang bukan-bukan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

No. I'm saying.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Datok Keramat, dengar sini. Adakah Datok Keramat tadi mengatakan Telok Ayer Tawar *insight*?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

True I said, kata-kata apabila *you* kata kononnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukanlah...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, I said. That insighted the Flash Mob the next day. The next day there was a Flash Mob because of this irresponsible statement because of this irresponsible statement it happen Dato'. It happen. I'm here trying to...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tuduhan tadi mengatakan saya yang *insight* Dato' Speaker. Saya dengar dan semua orang dalam Dewan ini dengar.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You were involved together with Oh Tong Kiong and Barisan Nasional and Gerakan when out to spread the 2003 Memo.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mana you ada bukti kami yang buat?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya ada bukti, *you* ada keluar atas TV3. Tahu atau tidak? Tidak ingat?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Itu komen.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ingat tidak ingat?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Itu komen.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Now sudah jadi *fair comment*. Daripada Pulau Betong pula.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan hendak menuduh sembarangan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Oh, apa pasal *you* tidak *check* Memo itu betul atau tidak? Kalau *you* betul-betul *responsible*, bertanggungjawab, malam itu *you* akan kata Oh Tong Kiong ini salah, dia silap. 2003 sudah ada ganti cadangan baru. 2005 saya hadir di EXCO, mengapa Telok Ayer Tawar tidak buat begitu? Mengapa? Okey, kalau tiada jawapannya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tuduhan ini adalah mengenai perumahan PPR.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You just admit. Don't do that. Don't do that. What if somebody got injured?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jadi macam ini, apa yang dituduh itu tidak benar kerana memang ada perancangan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya memang sudah buktikan tadi lagi *you* cakap tidak benar..

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, memo tadi minit tadi hanya melibatkan arahan untuk membuat kertas.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Minit jelas.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta dijawab sama ada, ada atau tidak Kertas Kerja disediakan? Tidak dijawab pun.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You tanya Teng Chang Yeow, tanya Koh Tsu Koon la.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tanya sebab kita tidak ada.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Hey, itu *you* punya Kerajaan dulu, bukan saya punya Kerajaan. So, *you* tanya saya untuk tanya dia?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini di tangan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya tidak ada dia punya telefon nombor, *You* ada *you* telefon dia la.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak payah nak putar belit.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Apa macam ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Datok Keramat, kalau jawapan sudah siap saya nak masuk soalan tambahan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okay, okay. Actually that was my first question in relation to Seri Delima, sorry. And I think kepada Telok Ayer Tawar in fact your soalan yang terakhir adalah jawapan saya yang terakhirlah. Kalau hendak tahu apa yang berlaku selepas itu, tanyalah Teng Chang Yeow dan Koh Tsu Koon. Itu jawapan saya. Itu sahaja Dato' Speaker. Thank You.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, soalan tambahan saya. (*Memasang video melalui telefon bimbit*). Sebelum saya tanya soalan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tanya soalan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Selepas pada ini kami semua akan pakai video-video....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta izin Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terus kepada soalan, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini adalah berita TV3, yang melaporkan kenyataan YB. Ketua Pembangkang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan. Okey, dah. Tutuplah. Okey, cukuplah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak berhasrat untuk membela.... (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

The noise.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey, Minta maaf.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okay, you go straight to your question.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tadi YB. Telok Ayer Tawar tanya bukti, saya ada bukti lah, berpuas hati tidak? Saya minta Datok Keramat, tapi Seri Delima tunjuklah. Bukan nak jadi EXCO, saya nak buktikan kenyataan Yang Berhormat yang sebenarnya secara tidak langsung menghasut rakyat di Pulau Pinang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak prihatin kepada yang miskin.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sebentar, *my floor*....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya merujuk kepada rumah PPR yang diberi ganti itu, kononnya juga bukan rumah PPR... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tapi kenyataan Yang Berhormat telah menyebabkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jadi ini sebenarnya adalah memanipulasikan fakta.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tidak, tidak. Bukan memanipulasikan fakta. Jangan lari. Ini adalah bukti.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, go to the question.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya nak tanya Yang Berhormat Datok Keramat, sama ada tindakan YB. Ketua Pembangkang yang pada satu ketika dahulu juga menjadi EXCO dalam Kerajaan Negeri, yang sedar bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang tidak berhasrat dengan ikhlas untuk membina rumah PPRT di atas Taman Manggis dan selepas itu dengan niat tidak baik, memutar belitkan fakta ini, dan menyembunyikan fakta ini, dan menyebabkan rakyat di Pulau Pinang fikir serong terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kenyataan YB. Telok Ayer Tawar yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak berhasrat untuk membela rakyat miskin menyebabkan apa-apa masalah seperti selain daripada *flash mob* di tempat tersebut. Dan adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang terfikir pada bila-bila masa untuk mengambil apa-apa tindakan perundangan di atas faktor ini yang telah diputarbelitkan oleh YB. Telok

Ayer Tawar dengan sengaja, dengan niat yang tidak ikhlas, dengan niat jahat untuk memfitnah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih YB. Seri Delima atas pengemukaan bukti tersebut mungkin hendak beri telefon untuk Dewan simpan sebagai bukti atau hantar itu TV3 *message* kerana memang benar itulah bukti yang saya sebut tadi ada berlaku Dato' Telok Ayer Tawar dan ini semua secara keseluruhan mengundang apa yang berlaku pada pagi jumaat 25 Mac tersebut. Dan *of course*, berkenaan apa Seri Delima tanya dalam soalan beliau tadi samada ada apa-apa tindakan yang hendak dicadangkan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang *of course* itu boleh dipertimbangkan. Itu adalah satu kenyataan ataupun cadangan yang boleh kita ambil kira, tetapi itu kita perlu semak dengan lebih mendalam lagi lah. Itu saja jawapan saya Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Boleh minta penjelasan, Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penjelasan atau soalan tambahan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan. Apakah dibenarkan dalam Dewan ini untuk menggunakan media lain selain dari surat khabar, video-video?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kena dapat izin.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kena dapat izin, kemudian dibenarkan?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau saya izinkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/l Rajaji):

Yang Berhormat, itu saya nak bagi penjelasan. Sebab Yang Berhormat Telok Ayer Tawar mencabar untuk mengemukakan bukti. Kita kemukakan bukti...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan:

Seterusnya, soalan tambahan untuk Berapit. Soalan yang telahpun dijawab, 1 dengan 5. Tak nak? Sila, Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

No.2. Apakah peratusan kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang dari Januari hingga Mac 2016. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pengangguran negeri?

Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):

Terima kasih, Pengkalan Kota. Ini adalah soalan mengenai kadar pengangguran di Pulau Pinang. Statistik kadar pengangguran daripada Januari 2016 hingga Mac 2016 belum dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Namun begitu, kadar pengangguran terkini di Pulau Pinang yang dikeluarkan bagi tahun 2014 adalah hanya 1.6% berbanding dengan 2.9% untuk seluruh Malaysia. Bagi mengatasi masalah pengangguran di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah yang strategik seperti di bawah.

Pembangunan Bandar Cassia, Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk membangunkan bandar Cassia yang sedang melibatkan aktiviti perindustrian, perniagaan, perkhidmatan, pusat pentadbiran dan perumahan. Pembangunan bandar Cassia melibatkan penyertaan pelabur-pelabur dari luar dan dalam negara dan dijangka akan mewujudkan 30,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, *high pay job* selain daripada *BPO Prime* di Bayan Baru, pembangunan *international golf resort*, IKEA dan taman tema. Kesemua ini adalah rancangan yang akan menjurus kepada kewujudan peluang-peluang pekerjaan kepada bakal graduan pada masa akan datang.

Kedua, peningkatan pelaburan dalam bidang perindustrian, PDC pada tahun 2014 telah berjaya menjual sejumlah 173.89 ekar tanah kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing yang seterusnya melonjakkan nilai pelaburan kepada RM3.6 billion dengan sasaran tawaran pekerjaan sejumlah 12,000 jawatan pelbagai peringkat. Dengan kehadiran pelaburan syarikat asing (MNCs) seperti Sandisk Storage Sdn. Bhd., Penang Seagate Sdn. Bhd., Bose Systems (M) Sdn. Bhd., Classia Ind. (M) Sdn. Bhd., Vitrox Technology Sdn. Bhd. Dan Atotech (M) Sdn. Bhd. telah memberi impak besar kepada perkembangan ekonomi serta peluang pekerjaan untuk bakal graduan di Negeri Pulau Pinang.

Ketiga, mempelbagaikan jenis pekerjaan. Di samping meningkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan terutama pekerjaan bernilai tinggi, seperti *advanced manufacturing* dalam sektor pembuatan, reka bentuk dan pembangunan dari segi perniagaan, sektor perkhidmatan, perniagaan global, *global business services*, seperti kewangan, perkhidmatan penyumberan luar, teknologi maklumat dan sumber manusia merupakan sektor baru yang diperkenalkan. Ini dapat mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada bakal-bakal graduan.

Keempat, memperkenalkan program Penang ADTEC. Selain daripada itu, satu program baru dinamakan Penang Accelerator For Creative, Analytics and Technology (AFCAT) telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan seperti perintis pemula niaga, *entrepreneur*, program ini bertujuan membantu usahawan kecil yang terlibat dalam bidang *creative animation analysis* dan teknologi ataupun yang terlibat dalam sektor *Internet of Things*.

Kelima, Projek Titian Saksama Raya (PTSR). Kerajaan Negeri melalui PDC juga telah melaksanakan projek Titian Saksama Raya (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang merupakan program mikro kredit yang memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan. Ia diwujudkan untuk membantu usahawan kecil dan menggalakkan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi bidang perniagaan dan juga sebagai usaha membasmi kemiskinan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dato' Speaker, mungkin saya nak minta. Saya kurang jelas di sini. Kadar peratusan pengangguran. Berapa peratus, berapa ribu orang yang menganggur dan apakah sebab-sebab utama berlakunya pengangguran itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):

Sebenarnya mengikut angka ini, untuk tahun 2014 adalah 1.6%, tetapi saya tidak ada maklumat terperinci mengenai bilangannya dan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

1.6% daripada jumlah penduduk atau jumlah apa tu. 1.6% daripada jumlah apa tu?

Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):

Saya ingat dari jumlah penduduk. Jumlah penduduk Pulau Pinang. Sebab ini saya rasa satu pengangguran yang *relative*. Ini merupakan kalau ikut pakar-pakar ekonomi, mereka tidak rasa ini sebagai satu bilangan pekerjaan. Tak apalah, saya rasa soalan daripada Pulau Betong, kita boleh dapatkan bilangannya. Dan 1.6% adalah daripada bilangan pekerja. Kalau bilangan pekerja ini kita ambil *rule of thumb* ini, kita ambil dari jumlah penduduk dari mana-manalah di Pulau Pinang ataupun seluruh penduduk Malaysia. Tapi ini, kalau kita ambil bilangan penduduk, bilangan pekerja *is normally rule of thumb*, separuh daripada kependudukan. Sama ada di Pulau Pinang, di mana-mana. Ini *rule of thumb*. So, jadi kita mau dapat apa ini bilangan ini saya akan boleh dibekalkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang sebab-sebab pengangguran ini?

Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):

Sebab-sebab pengangguran ini saya sama ada angka atau bilangan ini, adakah mereka yang cari pekerjaan ataupun graduan ini menganggur dan belum mendapat peluang pekerjaan, itu satu yang kita rasa kita belum pastikan lah. Tapi angka yang begitu kecil ini tidak memberi satu gambaran bahawa pengangguran adalah serius di Pulau Pinang ataupun di peringkat nasional, jadi saya rasa bahawa kenapa mereka ini ada pengangguran ini. Saya tidak pasti. Tapi, kalau kita ambil pengangguran ini, angka ini saya rasa inilah mereka yang mungkin cari pekerjaan. Kita ambil contoh, kita ambil badan-badan Kerajaan Negeri di Pulau Pinang sama ada PDC, PBA ataupun kita ambil Kerajaan Tempatan. Kebanyakan mereka, saya ingat di peringkat 90% lebih, mereka yang mohon kerja adalah mereka yang ada kerja. Mereka yang mohon kerja, adalah untuk kenaikan pangkat ataupun *career advancement*. Saya ingat 90% adalah mereka yang sudah ada kerja. Bukan mereka penganggur. Ini memang suatu yang saya dapat daripada *interview* di PDC ataupun di PBA, ataupun mereka ada kerja dan mohon kerja untuk kenaikan, *career mobility*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dato' Speaker disebabkan Perai ada menyebut tentang 1.6%, jadi saya minta supaya bekalkan saya *basic* tu, *1.6% of what* dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Perai (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):

Boleh, kita boleh bekalkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Berapit. Maaf, Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Dato' Speaker, soalan saya soalan ketiga.

No. 3. Sila huraikan dengan jelas proses *Request For Proposal (RFP)* oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) terhadap pembangunan *sore thumb* di Tingkat Laut, Tanjung Bungah? Adakah pandangan penduduk sekitar di minta dalam cadangan pembangunan *sore thumb* tersebut? Adakah PDC berniat mengekalkan *sore thumb* sebagai *public coastal park* atau dibangunkan oleh pemaju swasta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan beliau. Proses RFP atau *Request For Proposal* bagi projek pembangunan *sore thumb* di Tingkat Laut, Tanjung Bungah, telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melalui dua (2) peringkat seperti berikut:

Satu peringkat Pre-Q atau *Pre-qualification*, di mana projek ini diiklankan di akhbar tempatan selama satu bulan yang berakhir pada 15 Mei 2015. Tujuan Pre-Q ini dilaksanakan adalah bagi memanggil syarikat yang berminat dan benar-benar layak untuk menyertai peringkat seterusnya. Sebanyak tiga (3) buah syarikat telah memohon dan didapati mempunyai kelayakan berdasarkan keupayaan kewangan dan teknikal yang dibuat melalui penilaian Pre-Q oleh PDC.

Dua, peringkat panggilan tender. Pada peringkat ini syarikat yang telah melepasi tahap Pre-Q akan melalui proses panggilan tender yang telah dilaksanakan pada 30 November 2015. Tarikh akhir bagi mengemukakan dokumen tender adalah pada 29 Februari 2016. Tempoh ini telah dilanjutkan oleh PDC sehingga 29 April 2016. Pihak PDC akan meneliti setiap cadangan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat berkenaan sebelum dibentangkan untuk dipertimbangan dan kelulusan Kerajaan Negeri.

Perlu ditegaskan bahawa semua permohonan dan proses dijalankan secara terbuka dan proses tender terbuka telah pun dipuji oleh *Transparency International* iaitu satu-satunya Kerajaan Negeri dalam sejarah Malaysia yang dapat kepujian daripada *Transparency International*.

Pihak PDC telah mengambil kira pandangan penduduk sekitar mengenai pembangunan Tanjung Marina yang disampaikan oleh Encik Michael Deeb sebagai wakil penduduk kondominium The Cove, Tanjung Bungah dan juga daripada Datuk Renji Sathiah yang mewakili penduduk Tanjung Bunga. Antara pandangan yang dikemukakan adalah:

Satu, pihak pemaju yang membangunkan Tanjung Marina perlu menjalankan kajian mengkaji hidrologi terperinci bagi memastikan kesesuaian pembangunan terhadap penduduk sekitar kawasan pantai dan juga hidupan marin.

Dua, reka bentuk pembangunan Tanjung Marina perlu mengekalkan dan memelihara keindahan alam semula jadi kawasan sekitarnya, pantai, ekosistem dan hidupan marin yang sedia ada.

Tiga, syarat penting pembangunan Tanjung Marina adalah bagi menyokong pelancongan pantai Marin dan memelihara alam sekitar serta menjernihkan laut untuk mencapai status bendera biru (*Blue Flag*) di Pulau Pinang.

Keempat, pihak PDC perlu mengkaji semula keluasan penambakan laut daripada 20 ekar maksima kepada jumlah keluasan tambakan laut lebih kecil supaya dapat mengurangkan kesan sampingan ke atas ekosistem di kawasan tersebut:

Dan kelima pemaju yang membangunkan projek ini perlu mematuhi konsep pembangunan mampan dan melindungi alam sekitar.

Semua pandangan dan cadangan yang dikemukakan ini telah diambil kira oleh pihak PDC dengan menjadikannya syarat-syarat RFP selain daripada pematuhan kepada prosedur perundangan dan syarat-syarat teknikal yang berkaitan. Syarat-syarat RFP ini juga telah perhalusi oleh Kerajaan Negeri sebagai bukti kepekaan terhadap pandangan yang telah dikemukakan oleh masyarakat setempat yang meliputi pertimbangan dalam aspek alam sekitar dan impak pembangunan. Semua ini dijalankan bagi memastikan pembangunan yang bakal dilaksanakan menepati keperluan serta kehendak rakyat di samping pelaksanaan pembangunan yang mampan.

Melalui cadangan RFP yang dikemukakan ini juga pihak syarikat yang berjaya telah disyaratkan untuk membangunkan dan menyediakan kemudahan sokongan pelancongan pantai dan *marine* dalam kawasan yang dicadangkan. Cadangan *marine* yang digariskan melalui RFP ini akan turut mengambil kira cadangan pusat rekreasi awam dan penginapan hotel serta lain-lain komponen yang membolehkan orang awam menikmati kemudahan pembangunan tersebut. Selain itu pembangunan marina ini juga tidak akan

menyekat akses awam ke pantai sedia ada dan dalam masa yang sama turut mengambil kira pembangunan eksklusif bagi pengguna serta pelancongan antarabangsa.

Perlu ditegaskan bahawa RFP bukanlah, sungguhpun dijalankan secara sistem tender terbuka, RFP bukanlah bermakna sekiranya diluluskan maka itu adalah muktamad kerana RFP lain sikit itu sebab RFP yang dijelaskan ataupun makna RFP *Request For Proposal* iaitu sekiranya ia diluluskan tentu terlebih dahulu daripada segi kewangan supaya Kerajaan Negeri tidak kerugian mendapat pulangan yang paling tinggi tapi selepas itu syarat-syarat yang dikenakan adalah tertakluk kepada pandangan ataupun budi bicara pihak PDC ataupun Kerajaan Negeri. Ini berlainan dengan sistem tender terbuka untuk kontrak, kalau nak buat jalan ditawarkan itulah yang muktamad, tapi RFP lain. Itulah sebabnya disebut *Request For Proposal* di mana syarat-syarat ini masih boleh diubah supaya aspek-aspek yang dibangkitkan boleh diambil kira tapi tentulah dari segi kewangan yang paling penting ialah pulangan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri mestilah maksima supaya Kerajaan Negeri tidak kerugian dan itulah memang norma ataupun amalan-amalan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya tujuan utama RFP adalah bagi meneroka dan meneliti jenis pembangunan yang komprehensif melalui syarikat-syarikat yang berpengalaman luas dalam bidang berkaitan pembangunan marina dan hal ini juga Kerajaan Negeri mempunyai hak untuk membatalkan projek yang dirancang ini sekiranya mendapati cadangan dikemukakan memberi impak negatif dari aspek sosial, alam sekitar serta ekonomi ke atas masyarakat sekitar rakyat dan juga Negeri Pulau Pinang secara khususnya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Soalan tambahan, kita memang faham bahawa projek penambakan laut di bahagian selatan Pulau Pinang adalah untuk tujuan pembiayaan kos projek Pelan Induk Pengangkutan Awam. Sementara dalam RFP untuk penambakan laut di bahagian utara Pulau Pinang ini dia hanya untuk tujuan membinakan Marina yang tidak melibatkan kos pembiayaan untuk pengangkutan awam. Jadi memandangkan isu sensitiviti terhadap penambakan laut dan saya pernah juga membaca di dalam surat khabar bahawa Penang Swimming Club pun pernah *express* kekhawatiran mereka terhadap projek I-green untuk penambakan laut sebanyak 20 ekar di Tanjung Bungah ini kepada YB. Padang Lalang, jadi saya harap bukan sahaja dari segi kesesuaian tempat ini sama ada sesuai untuk membina satu marina dan juga dari segi keperluan sama ada kita memerlukan satu lagi marina di mana kita sudah ada satu marina dekat Seri Tanjung Pinang dan juga tepi Jambatan Pulau Pinang, Sungai Dua. Jadi adakah pihak Kerajaan Negeri atau PDC bersedia untuk menarik balik memandangkan sensitiviti penambakan laut pada hari ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada YB. Paya Terubong, tentulah sekiranya pihak yang membuat tawaran dan cadangan ini tidak dapat memenuhi keperluan pihak Kerajaan Negeri termasuk juga kepekaan kepada alam sekitar maka Kerajaan Negeri sedia untuk membatalkan projek ini. Saya ingin menegaskan bahawa kalau kita lihat dari segi marina tujuannya ialah untuk mewujudkan satu keadaan atau satu kemudahan bertaraf antarabangsa, supaya ia dapat dinikmati bukan sahaja oleh mereka yang melabuh atau di mana bot-bot mereka dilabuh di kawasan itu tapi juga untuk dinikmati oleh orang awam. Saya rasa itulah hasrat bahawa kita dapat meningkatkan kedudukan dan juga prestasi Pulau Pinang.

Di sini kita boleh lihat apa yang berjaya dilakukan di Phuket dan juga di Langkawi tapi secara skala yang lebih kecil sekiranya kita dapat mengulangi apa yang telah dicapai di Phuket, saya rasa dapat menarik lebih banyak itu pelancong-pelancong khususnya untuk golongan-golongan yang berminat dalam sektor ini untuk masuk ke Pulau Pinang kerana kami boleh lihat bahawa permintaan untuk tempat-tempat meletak bot-bot mereka adalah amat tinggi. Marina yang sedia ada pun penuh dan *waiting list* agak panjang. So di sini kami menimbang cadangan-cadangan yang dibuat supaya kita dapat memberikan kemudahan untuk menawan pasaran ini yang ini sekarang agak besar dan agak lumayan dan oleh itu pihak Kerajaan Negeri mengambil kira dan menimbang cadangan-cadangan yang diberikan dan tapi ini belum lagi muktamad. Seperti yang saya sebut tadi ada beberapa RFP yang telahpun dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri tidak diteruskan akhirnya kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat ataupun

keperluan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan itulah sebabnya kita panggil dia sebagai RFP kerana memberikan kelonggaran untuk pihak Kerajaan Negeri membuat keputusan muktamad seperti yang saya sebut tadi ada beberapa RFP yang tak jadi akhirnya kerana sungguhpun kita *award*kan berdasarkan harga dahulu tapi dengan syarat-syarat yang lain ia tidak dapat dipenuhi dan akhirnya tidak diterima oleh itu RFP tidak jadi ini bukan macam tender biasa so saya harap kita dapat lihat perbezaan, tender untuk projek kita tawarkan dan diterima oleh kontraktor itu sudah menjadi muktamad kerana *spec* ini semua telah dinyatakan dengan jelas.

Tapi ini RFP di mana kita menjemput cadangan-cadangan so ada pelbagai cadangan-cadangan yang diutarakan tapi yang paling penting ialah tentu harga selepas harga yang paling lumayan diterima syarat-syarat yang ditetapkan ini akan dibincang dengan lebih lanjut lagi dan tidak semestinya selepas keputusan dibuat ianya akan jadi, masih ada satu proses untuk menentukan sama ada ia boleh jalan atau tidak. Tapi yang paling penting sekali ialah kalau kita lihat pembangunan Phuket saya rasa untuk mereka yang pergi ke Phuket kami boleh lihat pembangunan pelancongan di Phuket adalah secara menyeluruh dan holistik dan salah satu aspek yang penting yang membantu pembangunan pelancongan di Phuket ialah marina mereka yang begitu luas yang begitu banyak tempat-tempat untuk itu kapal-kapal berlabuh dan juga dapat mewujudkan satu pasaran sendirinya yang dapat tentulah menambahkan pulangan pelancongan.

So saya rasa saya ingin menyatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri amat peka tentang cadangan-cadangan yang diberikan itulah sebabnya kami menerima beberapa pandangan daripada pihak orang awam ia juga mengambil kira dalam RFP yang kita iklankan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan. Saya minta, saya ada kekeliruan sedikit saya nak tanya sama ada konsep *design* untuk pembangunan ini telah dibuat oleh pihak PDC.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa growings design?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Design dia reka bentuk dia.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Ini RFP kalau habis soalan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tanya tadi Yang Berhormat kata ada *Pre-Q* lepas tu tender betul jawapan tadi kepada soalan Paya Terubong Yang Berhormat kata ada *Pre-Q* lepas tu tender. Betul?.....(gangguan)

Y.A.B. Ketua Menteri :

Tanya soalan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan saya adalah kalau ada *Pre-Q* lepas tu tender RFP masuk dekat mana pulak? Adakah lepas *Pre-Q* RFP pula? Itu saya tak pasti. Minta penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat dari Pulau Betong saya ingin ulangi apa yang saya sebut tadi bahawa kita buat dua peringkat dan ini saya rasa bukanlah sesuatu yang istimewa ini lumrah dijalankan termasuk juga di projek-projek Kerajaan Persekutuan kerana kita nak pastikan yang di senarai pendekkan atau

short listed adalah pembida-pembida yang serius, pembida-pembida yang mempunyai sokongan kewangan yang kuat dan pembida-pembida yang mempunyai latar belakang yang boleh diyakini. So itulah sebabnya kita adakan *Pre-Q*, *Pre-Q* biasanya dari segi kewangan sama ada mereka ada sokongan kewangan yang kukuh yang kedua sama ada mereka ada *track record* dan latar belakang dan berpengalaman dan selepas ini barulah masuk ke peringkat panggilan tender iaitu RFP.

So ini untuk memastikan bahawa kita tak mahu syarikat-syarikat sebarang memasuki tender so saya rasa itulah proses mengapa ia disenarai pendekkan, saya rasa ia sama beberapa projek besar yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Pusat bukan sahaja MRT tapi juga beberapa projek lain yang di mana saya rasa dari segi kepakaran ia amat diperlukan. Sebagai satu contoh kalau sesebuah syarikat boleh ada pengalaman bina jalan raya tapi ia tak semestinya berpakaran ataupun mampu untuk membuat renovasi kerana renovasi adalah satu kerja yang agak terperinci. So di sini kita kena lihat latar belakang *track* rekod mereka itu sebabnya ia disenarai pendekkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sikit lagi, saya bertanya sebab RFP apa dia *Pre-Q* ini dia terlibat dua (2) benda satu *technical capability* dan kedua *financial capability*, keupayaan kewangan dan keupayaan teknikal jadi kalau *Pre-Q* boleh dibuat kenapa *Pre-Q* tidak dibuat projek yang besar-besar? Kenapa yang ini ada *Pre-Q* tapi kenapa yang lain tak ada *Pre-Q* trus RFP.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ada juga, bukan ini sahaja ada projek-projek lain ada *Pre-Q*....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Antaranya?...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri :

Terowong bawah dasar laut pun ada *Pre-Q*, memang ada beberapa projek yang ada *Pre-Q* kalau Yang Berhormat nak saya boleh dapat maklumat tentang kontrak-kontrak yang kita ada jalankan proses *Pre-Q*. Sekarang pihak Kerajaan Negeri mahukan syarat-syarat *Pre-Q* di terima pakai untuk projek-projek di mana ia tidak melebihi atau RM15 juta. Tapi ia tidak dipersetujui oleh pihak agensi Kerajaan Negeri kerana ia akan mengurangkan bilangan pembida-pembida. Itu masalahnya. Kalau boleh kita hendak *Pre-Q* semua kontrak yang ditawarkan tapi masalahnya ialah sekiranya kita buat demikian yang akan dapat pembidaan hanya satu bilangan kecil dan ia tidak akan memenuhi semangat dan juga maksud untuk membolehkan satu tawaran yang berdaya saing. Di sini pihak Kerajaan Negeri kena mendapat satu *balance* sungguh pun kita mahu *Pre-Q* tapi kita pun hendak memperbanyakkan bilangan syarikat-syarikat yang membuat pembidaan. Oleh sebab itu, seperti saya sebut tadi saya ingin mengulangi supaya bukan saja dapat difahami oleh pihak Pulau Betong tapi juga untuk manfaat Yang Berhormat lain. *Pre-Q* peringkat awal ialah untuk senarai pendekkan syarikat-syarikat yang dari segi teknikal dan kewangan kukuh dan selepas ini kita akan pergi secara terperinci. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berapit.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

No, minta laluan sikit saja. Dato', saya hendak rujuk kepada apa yang Yang Amat Berhormat sebut nampak kekeliruan. Saya menghayati, saya meneliti ungkapan jawapan daripada Yang Amat Berhormat Air Putih. Saya rasa Seri Delima boleh setuju dengan saya. Segala jawapan agak nampak *under value* jadi segala jawapan yang diberikan itu saya ingat Seri Delima setuju dengan saya... (gangguan). Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa soalan?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berapit...(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa soalan? Merapu lah pagi-pagi.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan Nombor 4.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Record already here.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dia *handsome*, Pinang Tunggal *hansome*. Dia nampak macam aktivis Hishamuddin Rais tapi malangnya bukan Hishamuddin Rais....(gangguan)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Sebut pasal *under value* itu saja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa pagi-pagi merepek. Soalan merepek apa?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tak ada merepek apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tidak ada soalan duduk. Jangan buang masa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti dua-dua saya hantar keluar. Berapit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Macam tin kosong saja.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berapit sila.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Saya ulang banyak kali. Soalan nombor 4.

No. 4. Pada masa kini adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah mencapai polisi dan slogan negeri CAT dan "*Cleaner, Greener, Safer & Healthier*".

Timbalan Ketua Menteri I:

Dato Yang di-Pertua, terima kasih Berapit atas soalan. Semasa dasar *Cleaner Greener Safer Healthier* dilancarkan pada 22 Mei 2010 Kerajaan Negeri selalunya tidak menetapkan apa-apa KPI ataupun sasaran kepada dasar ini. Walau bagaimanapun, pencapaian dasar ini boleh dilihat dalam pencapaian-pencapaian di peringkat Kebangsaan dan juga antarabangsa oleh khususnya kedua-dua pihak PBT dan *Penang Green Council*. Saya akan sebutkan antara pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi oleh mereka. Pencapaian Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pertama Anugerah Tandas Bersih 1 Malaysia Peringkat Kebangsaan 2013. Anugerah Perak bagi kategori tandas awam bagi kawasan pelancongan iaitu pencapaian Sambutan Hari Kejiranan Peringkat Persekutuan 2015 iaitu di KPKT Putrajaya mendapat tempat pertama kategori pengkomposan sisa makanan. Seterusnya pencapaian program *Magic Of The Night Colors Of Harmony 2014* di Putrajaya *overall* mendapat juara ataupun *overall champion* juga pencapaian Teamball Asia Lead Series di Bangkok, Thailand 2015 Naib Johan Division 3.

Seterusnya program *Magic Of The Night* pada Mei 2015 Marina Putrajaya Water Front Johan Kategori *Most Popular* dan *Most Creative*. Dalam bidang *Tourism Promotion Organisation* (TPO) di Sania, China pada 29 Mei 2015 The Best Website yang telah dicapai oleh MBPP, *36 Penang International Dragon Boat Festival 2015* di Teluk Bahang Mei 2015 tempat kedua dan ketiga kategori *International Senior 40 Open 100 Meter and 200 Meter*. Juga antara pencapaian *Teball Action Big Series Singapore 2015 The Rate Teamball Park* tempat kedua MBPP *Rasistant Divison Four* tempat ke 5 and MBPP untuk *Division Fifth* dan di *Korean International Dragon Boat Festival September 2015 Busan Korea* tempat ketiga kategori 12 pendayung 50 meter. Pencapaian lagi Teamball Workcup Asia 2015 di Langkawi Kedah Johan keseluruhan Divisyen 4.

Di Kerajaan Tempatan MPSP, saya juga senaraikan pencapaian inisiatif Kejiranan Hijau sempena Sambutan Hari Perancang Sedunia November 2015, KPKT Putrajaya tempat kedua dalam kategori pengkomposan sisa. Program Anugerah Inovasi pihak berkuasa tempatan KPKT 2015 *Safe Manage Recycle Center (SMRS)*. Anugerah Bandar Mampan pada November 2014 KPKT Putrajaya Sijil Bandar Mampan yang mendapat hadiah RM2,000. Juga program *Putrajaya Flowers and Garden Festival 2014 Deforminet* Presint 4 Putrajaya Anugerah *The President Garden Award* dan satu lagi daripada MPSP Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau melalui penyediaan Kebun Kejiranan 2013 KPKT Sijil Penghargaan. Dilihat juga pencapaian *Penang Green Council* Pejabat Penang Council telah memenangi *Green Building Index Gold Certificate* pada 2014. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya ialah saya rasa sangat susah hati sebab jawapan daripada YB. Pantai Jerejak ITU tidak memuaskan kepada soalan yang saya tanya. Okey, soalan tambahan, sampai hari ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang betul-betul ada mengimplikasikan slogan CAT dan *Cleaner, Greener, Safer, Healthier* yang diuar-uarkan selama lapan (8) tahun ini. Tadi soalan yang ditanya oleh Paya Terubong menambun tanah. Adakah menambun tanah itu membawa impak yang besar kepada rakyat jelata menikmatinya atau segolongan orang kaya mempunyai bot. Soalan tambahan saya ialah *Cleaner, Greener* itu dibuat dengan bagus sebab kalau membandingkan Pulau dengan Seberang Perai saya nampak *Cleaner Greener* ia tidak ada apa-apa perubahan di Seberang Perai. Kalau di Pulau kita nampak ada tambahan cantik dan bersih di Pulau tetapi di Seberang Perai itu lemahnya Kerajaan Tempatan di sana menjalankan tugas mereka. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

Slogan *Cleaner, Greener, Healthier, Safer* sememangnya telah diuar-uarkan sejak 2010 sebagaimana saya sebutkan tadi dan ia memang menambat hati rakyat. Tadi Berapit juga menyebutkan bahawa dalam kedua-dua PBT sebenarnya saya telah menyenaraikan program yang telah dijalankan walaupun saya sebut di peringkat awal memang tidak ada KPI yang tertentu. Apa yang dinyatakan mungkin boleh ditambah baik bagi pihak Seberang Perai oleh Kerajaan Tempatan. Dalam untuk penambahbaikan disentuh juga mengenai penambakan laut dalam konsep *Cleaner, Greener, Healthier, and Safer* kita mengambil kira segala tindakan yang kita rekodkan mengikut peraturan-peraturan semestinya di sana ada aspek contohnya *enviromental* yang perlu ditekankan dan kita mengikut peraturan yang sedia ada untuk memastikan bahawa konsep *Cleaner, Greener* akan tetap diambil kira bukan saja sekarang tapi pada masa-masa akan datang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan. Saya pun terkejut apabila Pantai Jerejak menjawab soalan Berapit. Pantai Jerejak mengemukakan *award-award* yang dimenangi oleh MPSP dan juga MBPP okey tapi *Cleaner, Greener, Safer, Healthier* ini bukan untuk Majlis ia untuk keseluruhan masyarakat Pulau Pinang. Saya hendak tanya apakah pencapaian masyarakat dalam keberkesanan mereka dalam polisi ini. Satu kampung kah mengamalkannya tidak nampak pun. Kalau Yang Berhormat nak kata MBPP, MPSP ada bajet dan sebagainya pegawai tetapi masyarakat yang paling penting keseluruhannya. Bagaimana mereka berperanan dalam sama-sama dalam *Cleaner, Greener, Safer, Healthier Penang*. Tidak nampak pun. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Pulau Betong, apabila disebutkan program *Cleaner, Greener* pada peringkat awal kita sebut *Cleaner, Greener, Penang* ini sebenarnya itu merupakan program melalui Kerajaan Tempatan ini mereka akan diminta Ahli Majlis, *Councillors* mereka akan buat program bersama dengan masyarakat. Banyak program telah dilakukan di peringkat kampung-kampung, taman-taman malah di peringkat komuniti sendiri. Kita telah melakukan ini sejak 2010 dahulu. Contohnya kalau kita lihat inisiatif untuk pengecatan semula contohnya, untuk memperbaiki lagi prasarana yang ada di kawasan flat-flat atau pun komuniti. Jadi ini sebenarnya merupakan yang saya sebutkan tadi hasil daripada *engagement* kita dengan komuniti sebab program *Cleaner, Greener* sememangnya akan *engagement* ataupun bersama dengan komuniti dan masyarakat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya sekali lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya iaitu mengenai slogan Kerajaan Negeri *Competency Accountability Transparency* (CAT). Sebagai wakil rakyat di Berapit dua (2) penggal semua permintaan daripada kawasan saya, rakyat saya tidak dijalankan dengan begitu memuaskan hati iaitu prestasi dan *mindset* penjawat awam di bawah slogan CAT. Misalnya dalam Berapit yang selalu berlaku kemalangan, kematian dari 2008 sampai hari ini 2016 dan kebersihan kawasan di KADUN Berapit di SPT tidak dijaga dengan begitu memuaskan. Soalan tambahan saya, adakah Negeri Pulau Pinang memang mencapai polisi CAT kalau dibandingkan dengan Pulau dan Seberang Perai? Sebab penduduk di kawasan saya selalu memberi banyak aduan kepada *service centre* saya dan saya kena menjawab kepada mereka tetapi di Seberang Perai JKR SPT memang tidak berprestasi dengan memuaskan. Apakah Kerajaan Negeri ada cara yang bagus untuk menambahbaikan prestasi JKR, JPS dan MPSP di Seberang Prai?

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Berapit. Berapit telah menyebutkan spesifik ataupun khusus di KADUN Yang Berhormat sendiri. Kita sebenarnya dalam dasar polisi *cleaner greener* ini kita mengambil pendekatan menyeluruh, kita tidak sebenarnya mengambil tempat-tempat yang spesifik sahaja. Seharusnya polisi dasar *Competence Accountable Transparent* juga merangkumi kawasan Berapit juga. Kita ambil maklum apa yang telah dinyatakan dan kita akan lihat mungkin ada projek-projek ataupun tempat-tempat yang khusus atau program yang perlu ditambahbaik di kawasan Berapit sendiri. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Selamat Pagi Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan 6.

No. 6. Sila berikan statistik kehadiran Peawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dari Kerajaan Persekutuan yang menghadiri mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Hal Ehwal Pengguna sejak tahun 2013.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan 5 dilangkau.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, saya dimaklumkan Datok Keramat menjawab bersama dengan soalan 1. Tapi hakikatnya dia tidak menjawab soalan saya sebenarnya yang saya tanya. Kalau boleh dimaklumkan. Menepati soalan saya tadi. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tadi gabung sekali, ada?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak ada.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa nanti ada *time* lain. Sila, KOMTAR.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Assalamualaikum wbt. Jawab....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tadi dipermulaan dia sudah mengatakan....(gangguan). Soalan...

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, soalan saya, adakah satu kertas kerja untuk pemajuan tersebut dibentangkan dalam mesyuarat EXCO selepas itu dan adakah kertas itu diluluskan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya sudah jawab. *Actually don't read the part of the question, the question is* merujuk Minit Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang 28 September 2000 tentang cadangan pemajuan telah panjang lebar saya jawab tadi, yang lagi satu ada 1 kertas dan saya minta Telok Ayer Tawar pergi semak, kerana itu kerajaan terdahulu. Sila semak dengan Koh Tsu Koon dan Teng Cheng Yeow....(gangguan) Itu jawapan saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada rekod. Kenapa nak mengelak? kenapa tak ikut? jawab aje lah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tak ada, tak ada. Jawapan adalah tak ada.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak ada, okey. Maknanya tak ada disediakan....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Maknanya kerajaan terdahulu tak mahu teruskan dengan PPR.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan pusing. Sebenarnya, ia hanya satu (1) cadangan. Dato' Speaker, ia hanya satu (1) cadangan dan ia tidak diteruskan(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Don't run away, sudah habis. PPR tidak ada hasrat di Kerajaan BN untuk teruskan dengan PPR. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Itu dia. Maknanya, masih lagi *open*. Masih lagi boleh buat macam-macam perancangan....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Please, please. You are (gangguan).Memang tak ada niat, jangan lari....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Duduk, duduk(gangguan). Saya terlalu manis (gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Kalau nak, saya boleh ulangi semula.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Cubalah jawab. Dato' Speaker, sila rujuk balik tadi apa Datok Keramat cakap bahawa saya *insight* demo tadi. Sebenar ucapan saya itu keluar malam di TV3. Demo tu siang. Macam mana saya *insight* selepas itu. Ini betul-betul putar belitkan fakta.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya nak kata, hari-hari. Hari-hari untuk sebulan. TV3 ada bukan itu malam sahaja....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Duduk, duduk. Batu Maung, lambat lagi nanti orang lain akan jawab.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Assalamualaikum wbt. Menjawab soalan Kawasan KOMTAR. Sejak 2013, Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna telah bermesyuarat 14 kali. Empat (4) kali setahun dan pada tahun ini mesyuarat telah dijalankan dua (2) kali dan mesyuarat terakhirnya pada 22 Mac. Pegawai KPDNKK hanya hadir sekali sahaja iaitu mesyuarat yang pertama pada 30 Januari dan pihak KPDNKK sejak 2013 tidak memberi kerjasama yang baik kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

YB. Batu Maung, jika satu (1) kali sahaja hadir daripada 14 kali mesyuarat, kita boleh putus hubungan tidak bekerjasama. Jika dengan hubungan ini, bagaimanakah hak pengguna di Pulau Pinang dapat dipertahankan?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

YB. KOMTAR, inilah yang...(dengan izin) satu *predicament* yang pihak MMK Pengguna sedang menghadapi. Kepenggunaan ini selain daripada usaha untuk menerapkan *knowledge* dan sebagainya, yang lebih besar, yang lebih penting, YB. Dato' Speaker ialah penguatkuasaan dan sebagainya dan juga usaha untuk Kumpulan Pemantau Pengguna yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008, 2009 menjadi efektif. Saya telah bertanya kepada pengarah sendiri tetapi tidak mendapat satu (1) jawapan yang baik. Sebelum 2013, pihak MMK pengguna mempunyai hubungan yang baik dengan KPDNKK sehingga program-program penguatkuasaan dan pemantauan juga diikuti bersama-sama oleh Penguatkuasa KPDNKK. So saya sudah pun meminta pihak UPEN untuk mengeluarkan surat kepada pihak KPDNKK dan *Insha-Allah* saya juga akan cuba menghubungi menteri untuk bertanya, adakah ini satu (1) arahan daripada pusat yang tidak membenarkan pihak jabatan di negeri untuk bekerjasama dengan MMK kerana KPDNKK adalah *permanent member* dalam MMK Pengguna. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker. Soalan saya no.7

No. 7. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kawasan tambakan laut di bahagian selatan Pulau Pinang. Nyatakan:

- (a) Anggaran keluasan dan kos tambakan laut.
- (b) Komposisi Pembangunan, kos pembangunan serta nilai jualan hartanah.

- (c) Mengapa kawasan ini dipilih dan kesan terhadap alam sekitar. Sudahkah laporan EIA dilaksanakan/disiapkan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih YB. Pulau Betong kerana telah menimbulkan soalan ke-7 berhubung dengan tambakan laut di bahagian selatan Pulau Pinang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah keluasan tambakan laut yang akan dilaksanakan adalah sekitar 4,500 ekar bagi ketiga-tiga pulau dengan pecahan keluasan Pulau A seluas 2,300 ekar, Pulau B seluas 1,400 ekar dan Pulau C seluas 800 ekar. Berdasarkan *Request for Proposal (RFP) Project Delivery Partner* iaitu SRS Consortium, fasa pertama tambakan dan pembangunan infrastruktur bagi Pulau A dan Pulau B adalah dianggarkan sebanyak RM11 billion. Pelaksanaan kerja-kerja tambakan ini adalah tertakluk antara lain kelulusan antaranya DEIA serta Majlis Fizikal Negara.

Ketiga-tiga pulau tambakan ini merupakan hak milik Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Induk atau *Master Plan* yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri. Komposisi pembangunan adalah melibatkan kawasan perumahan termasuk rumah mampu milik, perniagaan, industri, kawasan lapang, sekolah, masjid, rumah ibadat, infrastruktur dan utiliti. Anggaran nilai jualan hasil tambakan tanah ini dijangka berjumlah RM27 billion yang akan digunakan sepenuhnya untuk peraksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP).

Soalan bahagian C, kawasan selatan Pulau Pinang dipilih kerana kedudukan strategik kawasan tersebut berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain. Berdasarkan kajian oleh pakar perunding bebas *Danish Hydraulic Institute (DHI)*, hasil dapatan kajian menunjukkan kawasan pantai selatan adalah paling sesuai digunakan untuk tujuan tebus guna. Antara faktor kesesuaian yang dikenal pasti adalah keadaan teluk semula jadi, arus laut yang perlahan dan kesan kepada alam sekitar yang minima. Kajian DEIA atau *Detail Environmental Impact Assessment* kini sedang giat dilaksanakan dan laporan lengkap DEIA kini sedang giat dilaksanakan dan laporan lengkap DEIA tersebut akan segera dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar untuk penilaian lanjut seterusnya mendapatkan kelulusan bagi tujuan tambakan laut. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dato' Speaker. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Padang Kota. Saya ada dua (2) soalan. Apabila ditambah laut itu, berapakah lebar daripada tebing sampai ke luar laut? Yang kedua adalah jika sekiranya tempat itu dikenalpasti sebagai teluk semula jadi yang tenang dan sebagainya, ianya amat sesuai untuk hidupan laut membesar, beranak dan sebagainya. So kenapa kacau di situ? Kenapa tak kacau kawasan lain yang tak melibatkan langsung semula jadi? Sebab itu dan memang begitu. *Naturally* dia memang sesuai, tenang, semula jadi. Jadi kenapa kacau di situ? Mengacau hidupan yang lain, yang kita perlu untuk makan. Kenapa tak ada tempat lain? Alternatif yang lain? Yang kedua terbaik selepas daripada itu kalau ada.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih YB. Pulau Betong atas soalan tambahan. Reka bentuk yang dicadangkan untuk ketiga-tiga pulau adalah bersesuaian dengan kajian *hydraulic* di mana pulau-pulau rekaan ini dibentuk seakan-akan menyerupai *coast line* yang berada sekarang dari Permatang Damar Laut sehingga Gertak Sanggul iaitu *shape* yang dibentuk akan seakan-akan menyerupai bentuk sekarang kerana mengambil kira arus dan ombak yang wujud pada sekarang. Cadangan tidak sambungkan dengan tanah besar sebab kita ingin mengekalkan laluan dan juga memastikan ianya sesuai berdasarkan daripada kajian. Mengenai hidupan laut, memang di dalam kajian DEIA ini mengandungi juga *fishery impact assessment* yang saya percaya sudah siap pada bulan Mac dan kita masih menunggu laporan dan didapati kalau kita lihat bot-bot bukan menjalankan kegiatan-kegiatan tangkapan di kawasan-kawasan yang dekat dengan pantai tetapi kebanyakan nelayan-nelayan perlu ke laut sehingga kawasan yang lebih dekat dengan Pulau Kendi iaitu beberapa kilometer daripada pantai. Jadi itulah *preeding ground* yang lumayan bagi nelayan-nelayan di sekitar itu dan bukan kawasan-kawasan yang dekat-dekat dengan pantai. Walau bagaimanapun, saya dapat makluman memang ada kawasan tertentu yang di mana cadangan tambakan pulau ini mungkin terlibat juga sebahagian kecil daripada *reading ground*. Itu boleh dirundingkan semasa *final design* dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tak jawab soalan saya tadi. Saya tanya *second alternative. Best place* selain daripada tempat ini. Tentu ada yang pertama, yang kedua, yang ketiga. Yang kedua di mana?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Mengikut kajian oleh Danish Hydraulic, kalau lihat Pulau Pinang, bahagian barat memang boleh kita pastikan tidak sesuai memandangkan keadaan laut dan kawasan ancaman Tsunami iaitu di pantai barat dari Pulau Betong ke Pantai Acheh. Di bahagian utara dari Tanjung Tokong ke Telok Bahang sememangnya kedalaman laut itu pun tak sesuai dan bahagian timur iaitu Middle Bank dari Pelabuhan Pulau Pinang sehingga ke Batu Maung. Jambatan Kedua memang selama ini kawasan ini sudah pun dijalankan pelbagai kegiatan tambakan laut mulai dari Pengkalan Weld lagi pada zaman-zaman dahulu. Jalan pantai sebenarnya pantai lah pada masa itu tetapi ditambah sehingga Pengkalan Weld dibentuk, Klan Jeti dibentuk, Macallum Street dibentuk. Sekarang IJM menjalankan kegiatan tambakan laut di sepanjang Bandar Baru Sri Pinang, Bayan Mutiara kawasan Perindustrian Bayan Lepas adalah merupakan kawasan-kawasan pantai yang sudah pun ditambah laut pada masa-masa yang lampau, tinggal kalau sesuai adalah *Middle Bank*, tetapi Kerajaan Negeri telah memutuskan mengeluarkan cadangan Middle Bank untuk digunakan tambakan laut, jadi kala *you* mengikut kajian ini selatanlah yang merupakan kawasan alternatif kepada persisiran pantai timur yang sudah banyak dilakukan tambakan laut. Selain dari itu disebabkan kawasan-kawasan yang diluluskan iaitu di Kawasan Bagan Ajam konsesi sudah pun diberikan oleh kerajaan yang lepas kepada *respond* yang sebahagiannya sudah dijalankan aktiviti tambakan laut untuk Northern Butterworth Terminal Kontena, tetapi yang lain tidak disambungkan lagi dan mungkin dalam RSN ada dalam bahagian-bahagian tertentu di muara Perai dan sebagainya. Kita tidak mengambilkira bahagian itu mengikut kerana tambakan laut untuk mencipta tanah-tanah itu dan tanah-tanah itu perlu ada *value* dan *above value* bukan bawah *value*.

Jadi ini nampak sebagai kesinambungan satu bahagian besar adalah Kawasan Perindustrian Bayan Lepas kalau hendak fikir satu kawasan perindustrian yang baru yang tidak ada logistik *support* dan pengangkutan dan sebagainya dan memang akan menelan perbelanjaan yang lebih besar. Jadi kita lihat Pulau A sebahagian dari 2,300 ekar ini kemungkinan 1,000 ekar ini perlu dikhaskan untuk tujuan pembesaran Bayan Lepas Industri Zon. Jadi itu mengapa ianya perlu dekat tanah-tanah yang ditebus itu perlu dekat dengan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan demikian nilai yang boleh kita dapat dari penjualan tanah pula akan mendapat *value* yang baik bukan sahaja dapat menampung kos untuk melaksanakan Penang Transport Master Plan tetapi untuk tujuan pembangunan masa hadapan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Berapakah jumlah anggaran rumah yang akan dibina di kawasan tambunan itu dan berapakah pecahan peratusan kediaman di antara rumah-rumah mampu milik dan *market home*?.... (dengan izin).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jawatankuasa yang saya nyatakan tadi *master plan, planning* untuk kegunaan tanah-tanah daripada tiga pulau itu dipimpin oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri bersama dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) kita melihat cadangan SRS bagaimana tanah-tanah itu dapat digunakan selari dengan undang-undang Perancang Bandar dan Desa dalam hal ini perancangan bandar dan sememangnya mana-mana *township development* yang baru perlu mengandungi komponen-komponen bahagian-bahagian perumahan, komersial institusi, *utiliti* dan sebagainya. Sekarang jawatankuasa ini dalam peringkat menghalusi cadangan-cadangan ini dan JPBD akan selari dengan kajian kepada RSN Negeri bahagian tambakan laut ini kandungan pembangunan ini akan dimasukkan dalam ulangkaji RSN yang sedang dilakukan dan dijangka dapat dipamerkan dalam satu dua bulan lagi untuk memasukkan cadangan-cadangan pembangunan ini dalam RSN yang dikaji semula dan ianya perlu tadi saya berkata Majlis Perancangan Risiko Negara akan teliti komponen tanah-tanah yang kita cadang untuk digunakan pelbagai pembangunan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat satu jam tiga puluh minit...(gangguan). Soalan lisan telah tamat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Mestilah kena ada anggaran Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sebenarnya pada peringkat ini kita tidak dapat menjawab sebabnya ia perlu mematuhi garis panduan apa-apa garis panduan yang ada.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Kita punya KMP program *problem* kalau kita tidak boleh program ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kerja ini berterusan, berterusan ya, ini bukan boleh dimuktamadkan pada hari ianya berterusan sehingga tahun 2017.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat selaras dengan subperaturan-peraturan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sila Ayer Putih

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi.

Setiausaha Dewan:

Usul daripada Ahli Kawasan Jawi

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa kami Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas pada 10 Mei 2016. Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat ucapan di dalam Dewan yang mulia ini.

Apabila kita imbas kembali pelaksanaan GST ini yang berkuatkuasa mulai 1 April 2015, kita sedikit sebanyak dapat melihat implikasinya kepada rakyat jelata di negara kita setelah pelaksanaannya setelah melebihi setahun ini. Adakah ia memanfaatkan rakyat jelata, membantu pertumbuhan ekonomi ataupun ia hanya membantu menurunkan beban hutang Kerajaan Persekutuan? Keadaan dan cabaran yang paling besar bagi rakyat jelata sekarang adalah harga pasaran telah naik mendadak, nilai ringgit menjadi lebih rendah dan rakyat jelata boleh merasai duit yang sedia ada telah tidak mencukupi untuk belanja. Rakyat jelata hidup dalam keadaan yang lebih susah. Jadi persoalannya adakah Kerajaan Barisan Nasional berkemampuan untuk menjaga rakyat? Selain itu, peniaga-peniaga juga boleh merasakan perbezaan sebelum dan selepas pelaksanaan GST di mana perniagaan mereka telah berkurangan dengan mendadak lanjutan daripada kos barangan yang meningkat dan permintaan pasaran yang menurun. Ini secara tidak langsung telah menjejaskan perkembangan ekonomi di negara kita. Jikalau keadaan ini berterusan, ia akan menjejaskan pertumbuhan dan pencapaian ekonomi negara kita juga. Kerajaan Persekutuan sepatutnya dan bertanggungjawab untuk menangani isu perkembangan

ekonomi yang merosot di negara kita dan membantu rakyat jelata untuk mengurangkan beban kewangan mereka tetapi keadaan sekarang seolah-olah adalah terbalik.

Kita tidak dapat melihat Kerajaan Persekutuan mengambil sebarang tindakan yang berkenaan untuk menangani isu ini terutamanya membantu rakyat yang miskin. Sebaliknya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dibawah pimpinan Pakatan Harapan dengan keadaan kewangan yang kukuh dan mencatat peningkatan dan lebihan hasil yang berasaskan amalan pengurusan Cepak, Akauntabiliti dan Telus (CAT) telah memberikan pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah kos sederhana dan rumah kampung di mana cukai yang dipungut oleh MBPP dan MPSP...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta lalu Yang Berhormat. Saya ingin menjemput Yang Berhormat untuk memberi ulasan dan pandangan tentang satu lagi teori di mana kutipan GST ini tidak digunakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rakyat tetapi secara umumnya tetapi digunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk membuat janji-janji khususnya semasa pilihan raya, dan kita lihat baru-baru ini semasa Pilihanraya di Negeri Sarawak banyak juga agaknya janji manis dibuat umpamanya seperti membina sekolah baru, membina jambatan baru dan menyediakan kemudahan-kemudahan lain. Saya ingin menjemput pandangan Yang Berhormat sama ada dasar kerajaan pada asalnya mengutip GST ini benar-benar tercapai, ataupun adakah kemungkinan kutipan GST ini disalah digunakan khususnya semasa di pilihan raya di mana untuk memenangi pilihan raya kalau kita lihat di Sarawak lebih kurang 40 hingga 50 tahun Barisan Nasional telah berkuasa tetapi kemudahan-kemudahan asas ini hanya dijanjikan malahan mula dilaksanakan semasa pilihan raya sahaja. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Seri Delima, memang bukan sahaja rakyat jelata Negeri Pulau Pinang merasa sakit hati, saya ingat seluruh rakyat jelata di Negara Malaysia merasa sakit hati kerana pelaksanaan GST ini tidak sepatutnya dilaksanakan pada permulaannya dan sekarang telah dilaksanakan lebih satu (1) tahun dan kita mendapati bahawa kutipan-kutipan itu tidak dilaksanakan seperti apa yang dicadangkan oleh YB. Seri Delima. Sepatutnya kutipan GST ini adalah untuk melaksanakan penambahbaikan ataupun menaiktarafkan infrastruktur, *the basic infrastructure* dan lagi pun kita dapat melihat Bajet untuk tahun 2016 yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan banyak peruntukan-peruntukan sudah dipotong dan dikurangkan terutama peruntukan-peruntukan tidak disediakan kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Pulau Pinang. Mengapa? Adakah cuma rakyat di negeri-negeri lain membayar GST ini? Ini adalah satu pentadbiran yang tidak adil oleh Kerajaan Persekutuan atau Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, sikit sahaja. Tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan. Saya cuma ingin minta Yang Berhormat untuk memberi pandangan, kalau kita lihat di Hospital Besar Pulau Pinang, terutamanya iaitu rawatan di hospital, kita lihat terdapat kekurangan dalam bekalan ataupun *wheel chair*, kerusi roda yang memang tidak mencukupi bagi orang awam kadangkala warga emas yang tidak dapat berjalan dan setiap kali bila terdapatnya warga emas ini pergi ke hospital, ada juga yang mengadu bahawa mereka perlu membawa *wheel chair* sendiri, kerusi roda sendiri. Ini adalah perkara-perkara yang sepatutnya saya percaya diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Kalau pengutipan GST itu dibuat, sepatutnya kutipan itu digunakan untuk menyalur balik kemudahan-kemudahan ini bagi kegunaan rakyat jelata. Tetapi di Hospital Besar Pulau Pinang, kalau ada wakil-wakil di sini...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, apa penjelasan yang ingin diberi di sini?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ingin tanya sama ada terdapat apa-apa cara di mana kita boleh memastikan bahawa Kerajaan Persekutuan apabila mengutip GST itu daripada Kerajaan Pulau Pinang atau rakyat Pulau Pinang, menyalurkan kembali wang itu kepada rakyat Pulau Pinang terutamanya seperti perkhidmatan-perkhidmatan kritikal di hospital. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Seri Delima. Dato' Speaker, (dengan izin), saya merasakan bahawa Kerajaan Persekutuan terutamanya pentadbiran Barisan Nasional, mereka gagal untuk mencapai sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat, kerana jika sebuah kerajaan berjiwa rakyat adalah memberi tumpuan kepada semua seperti hospital, pendidikan, sekolah seperti yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang peruntukan tetap yang telah dilaksanakan di semua kewangan, sekolah-sekolah Cina, Kebangsaan Tamil dan lain-lain dan juga termasuk Sekolah Agama dan juga menaiktarafkan ataupun memberikan lebih banyak fasiliti terutamanya di hospital kerana kita dapati bahawa kebanyakan hospital kekurangan, bukan sahaja kekurangan *wheel chair* tetapi kekurangan bilik ataupun kekurangan katil, ini semua *the basic needs rising* (dengan izin) tetapi kita tidak melaksanakan GST, tetapi mereka melaksanakan GST untuk menanggungkan beban-beban hutang yang telah dihutangi oleh Kerajaan dibawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional (sambung).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Penjelasan, jadi tentang GST saya rasa dari segi kemudahan-kemudahan Kerajaan Persekutuan perlu agihkan kepada seluruh negara. Bukan hanya Pulau Pinang seluruh negara perlu mendapat perkhidmatan ataupun kemudahan yang disalurkan dan saya rasa di Pulau Pinang hospital telah dinaik taraf banyak di Balik Pulau, Seberang Jaya, ditambah pembangunan peruntukan baru dan sebagainya itu untuk kemudahan. Dan saya rasa kalau terus diberi penekanan bahawa Kerajaan Pusat tidak gunakan GST untuk kemudahan kepada Pulau Pinang bagi saya tidak adil saya di Sungai Dua pun rakyat membayar cukai. Cukai pintu dan sebagainya kepada Kerajaan Negeri. Tetapi kemudahan Sungai Dua pun tidak sehebat mana macam di kawasan-kawasan lain tidak adil kalau ikut dari segi itu.

Saya nak penjelasan daripada Ahli Kawasan Jawi boleh tak Kerajaan Negeri memberikan satu kaedah Cekap, Akauntabiliti, Telus ini, kerana cekap ini beri kepada semua kawasan. Orang Sungai Dua pun bayar cukai, kalau itu dari segi itu juga tidak adil macam tu juga yang *you* sebutkan tadi, tak adil. Machang Bubuk, Jawi pun banyak lagi kemudahan yang Kerajaan Negeri yang tidak boleh, itu negeri yang kecil macam di Pulau Pinang sahaja. Kerajaan Pusat ni nak beri semua orang 1 Malaysia semua negeri Sabah, Sarawak kita nak kena salurkan dan untuk mengatasi masalah kejatuhan kewangan dan sebagainya ekonomi, Kerajaan Pusat kena pastikan GST ini berjalan dan saya rasa pihak sebelah sana pun dulu suka nak buat GST ini pasal Anwar Ibrahim dulu pun nak jalankan GST dah tahun 1998. Dah tak boleh salah macam itu sahaja.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan, penjelasan. Ahli Kawasan Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Sungai Dua, saya kena jelaskan sekali dalam skrip saya ataupun dalam ucapan saya memang tidak sebut peruntukan itu kutipan GST ini kena diberi keutamaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ingat Sungai Dua mungkin tak dengar jelas untuk semua rakyat jelata di Negara Malaysia dan tambahan saya ingat Ahli Kawasan Sungai Dua setuju bahawa kutipan GST ini sepatutnya digunakan untuk menambahkan kemudahan-kemudahan asas di seluruh negara termasuk Sungai Dua dan kita minta Sungai Dua mungkin boleh menyampaikan *message* ini kepada Y.A.B Perdana Menteri supaya beliau dapat melaksanakan dan menggunakan duit rakyat kembalikan kepada duit rakyat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Sikit sahaja.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambunglah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya teruskan. Di bawah bimbingan Kerajaan C.A.T. Di mana cukai yang dipungut oleh MBPP dan MPSP akan menanggung kos RM12.5 juta ini adalah salah satu contoh dan usaha yang baik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan di Negeri Pulau Pinang kerana ia betul-betul ingin membantu rakyat terutamanya golongan miskin dengan pemberian hasil yang sedia ada. Tambahan pula Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah mengarahkan MBPP dan MPSP untuk membayar GST bagi pihak rakyat dengan menggunakan perkhidmatan mereka. Di mana ia telah menelan perbelanjaan sebanyak RM20 juta untuk rakyat. Saya berharap pengecualian cukai pintu dan penerapan GST ini dapat diteruskan pada tahun 2017 seterusnya untuk membantu rakyat di Pulau Pinang.

Pada masa yang sama saya ingin mempersoalkan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dengan kutipan GST ini selain itu Negeri Pulau Pinang juga telah berupaya dengan meminjam daripada Kerajaan Persekutuan. Nilai hutang berjumlah RM69.47 juta pada akhir tahun kewangan 2015 adalah paling rendah berbanding dengan negeri-negeri yang berhutang sebanyak RM16.8 bilion secara keseluruhan kepada Kerajaan Persekutuan. Semua pencapaian ini jelas menunjukkan arah tuju pentadbiran C.A.T Negeri Pulau Pinang berada di landasan yang betul dan merupakan formula kejayaan negeri ini.

YB. Dato' Speaker, tuan-tuan dan puan-puan sekalian izinkan saya teruskan ucapan selanjutnya pembangunan pertumbuhan dan pencapaian ekonomi. Ekonomi Negeri Pulau Pinang pada tahun 2015 menunjukkan prestasi yang membanggakan kerana telah mencatatkan jumlah pelaburan berjumlah RM6.7 bilion melalui 107 projek yang telah diluluskan daripada jumlah tersebut sejumlah RM4.5 bilion adalah pelaburan asing dan RM2.2 bilion adalah pelaburan tempatan. Dalam masa yang sama sebanyak 18,725 peluang pekerjaan telah diwujudkan pada tahun 2015 berbanding dengan 17,896 pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 5% untuk peluang pekerjaan.

Ini telah menunjukkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang sihat di Negeri Pulau Pinang dengan berjaya menarik pelabur-pelabur yang lebih ramai datang melabur ke Negeri Pulau Pinang yang telah memanfaatkan penduduk di Negeri Pulau Pinang. Kerana ianya memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk dan anak-anak Negeri Pulau Pinang. Di mana ibu bapa tidak perlu risau atau bimbang anak-anak mereka tiada peluang pekerjaan di Negeri Pulau Pinang. Selepas mereka tamat pengajian di sekolah menengah mahupun kolej ataupun universiti. Dari segi infrastruktur dan lalu lintas, salah satu faktor yang penting untuk perkembangan ekonomi yang lebih pesat adalah penambahbaikan dan menaik taraf infrastruktur. Infrastruktur dan keadaan lalu lintas akan mempengaruhi minat pelabur yang datang ke negara kita sehubungan dengan itu, saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mengambil tindakan dengan segera untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang. Ini adalah penting dan perlu dipandang serius oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang salah satu strategi penyelesaian adalah sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) yang merangkumi bas, teksi, kereta, kabel, LRT, monorel, feri, teksi air memerlukan infrastruktur jalan raya dan keretapi yang menelan perbelanjaan sebanyak RM27 bilion.

Pada tahun 2015 Kerajaan Negeri menerusi tender terbuka telah melantik Consultant SRS Consortium sebagai *Projek Delivery Partner* bagi memberi fokus kepada pelaksanaan fokus fasa pertama yang memakan masa hampir 10 tahun. Kerja-kerja pelaksanaan pula akan dimulakan pada tahun 2017 setelah mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Dengan itu, saya berharap Kerajaan Persekutuan boleh meluluskan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PIP) kerana kuasa kelulusan masih di dalam tangan Kerajaan Persekutuan. Pada Julai 2013, saya pernah bercadang dalam Dewan ini agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut memperluaskan lagi kawasan perindustrian dari kawasan Bukit Minyak ke kawasan Batu Kawan dan terus kawasan DUN Jawi, Nibong Tebal. Ini adalah kerana kawasan Nibong Tebal masih ada potensi yang tinggi untuk dibangunkan memandangkan

peratusan tanah yang digunakan tujuan perindustrian ini masih sangat rendah. Saya masih ingat saya sudah bertanya sama ada PDC mempunyai rancangan untuk memperluaskan kawasan perindustrian di kawasan DUN Jawi ini pada 2013 semasa sidang DUN.

Pada masa itu, PDC menjawab dalam soalan bertulis tiada rancangan lagi. Selepas 2 tahun ini iaitu pada tahun 2015 kita dapat lihat Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PDC telah bekerjasama melalui Syarikat Sime Darby untuk menandatangani perjanjian *joint venture* dengan pihak Sime Darby untuk membina *SME International Park* di kawasan pengairan Changkat Seberang Perai Selatan dengan jumlah keluasan tanah lebih kurang 2,000 hektar. Ini telah menunjukkan satu usaha yang baik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan negeri, ekonomi Negeri di Negeri Pulau Pinang terutama di kawasan SPS DUN Jawi. Saya amat bangga dengan usaha yang baik ini kerana dalam masa lima (5) atau 10 tahun yang akan datang kita dapat lihat perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di DUN Jawi akan berubah kerana perindustrian SME ini akan memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Selain itu, juga dapat membangunkan kawasan-kawasan perumahan yang baru dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan seperti peniaga-peniaga kecil di kawasan-kawasan DUN Jawi Nibong Tebal.

Walau bagaimanapun pada masa yang sama, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil kira dan mencari tapak baru untuk menyelesaikan masalah penduduk-penduduk di estate Byram, kuil dan Sekolah Rendah Tamil di Byram dalam rancangan untuk membangunkan kawasan sebagai kawasan perindustrian. Saya juga ingin mencadangkan dengan adanya rancangan untuk membangunkan ekonomi kawasan Nibong Tebal penambahbaikan termasuk jalan raya juga perlu dirancang awal supaya dapat menampung perkembangan ekonomi yang pesat dan memenuhi keperluan pengguna pada masa yang akan datang. Buat sementara waktu terutama di Pekan Nibong Tebal masih tiada terminal bas dan teksi yang sesuai.

Kerajaan Barisan Nasional telah mear-warkan untuk membina terminal bas dan di Pekan Nibong Tebal semasa kempen pilihan raya pada 5 Mei 2013 iaitu pada 3 tahun yang lepas. Saya pernah bangkit dalam sidang Dewan yang lepas yang masih tidak menunaikan janjinya sehingga sekarang. Sehubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kerajaan Barisan Nasional agar menunaikan janjinya supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah penduduk-penduduk kerana ketiadaan terminal bas dan teksi ini. Saya percaya kemudahan infrastruktur adalah penting di setiap kawasan jika tanpa kemudahan infrastruktur yang lengkap ia tidak dapat memberikan impak baik kepada pelabur-pelabur asing dan juga tempatan.

Pembangunan desa dan luar bandar, keadaan di kawasan DUN Jawi masih mempunyai banyak kawasan-kawasan kampung di mana sistem perparitan adalah tidak lengkap dan lampu jalan masih kekurangan keadaan ini telah ditambah baik sedikit sebanyak oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan daripada Pejabat Daerah. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak kawasan lagi yang perlu ditambah baik. Saya di sini ingin mengambil kesempatan menyeru agar Kerajaan Negeri dapat meneruskan kerja-kerja pembangunan desa dan luar bandar ini dan menyalurkan lebih banyak lagi peruntukan dalam Bajet Tahun 2017.

Dari segi isu untuk pembangunan perumahan, isu perumahan adalah satu isu yang penting di kalangan rakyat jelata terutama bagi golongan miskin di mana pendapatan mereka yang rendah tidak mampu memiliki rumah-rumah yang mahal di pasaran. Justeru itu, saya berasa amat bangga dengan adanya Dasar 1 Keluarga 1 Rumah oleh Kerajaan Negeri yang dilaksanakan melalui PDC dan pihak swasta dengan tumpuan diberikan kepada pembinaan rumah mampu milik dan rumah awam. Sejak tahun 2008 sebanyak 8,092 unit rumah kos rendah dan 8,107 unit kos sederhana rendah dibina. Rumah mampu milik yang kurang daripada RM400,000 juga akan diperbanyakkan. Kerajaan Negeri harus dipuji kerana mengurangkan harga maksimum rumah mampu milik daripada RM400,000 kepada RM300,000.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya berapakah Projek Rumah Kos Rendah iaitu Rumah Type A, Rumah Kos Sederhana Rendah iaitu Rumah Type B dan Rumah Mampu Milik Rumah Type C, yang telah dibina oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang iaitu PERDA di Negeri Pulau Pinang. Sejak tahun 2008 sehingga tahun 2016 dan apakah peranan yang dimainkan oleh perda dalam membantu golongan miskin di Negeri Pulau Pinang saya mendapati bahawa jawapan yang saya tanya di mana PERDA menyumbangkan sebanyak 482 unit rumah mampu milik type a iaitu rumah kos rendah dan iaitu dalam tahun 2008 sehingga 2015 cuma 482 unit rumah iaitu melalui projek kuala sungai

pinang sebanyak 216 unit dan juga melalui projek Taman Sungai Dua sebanyak 266 unit sahaja. Rakyat jelata terutama di Negeri Pulau Pinang merasa amat kecewa dengan pembinaan 482 rumah sahaja. Dengan pembinaan 482 unit rumah iaitu dari segi empat peratus daripada semua pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga tahun 2015. Ini adalah satu angka yang amat kecil cuma 4% sahaja buah unit rumah yang dibina oleh PERDA.

Apakah peranan yang dimainkan oleh PERDA di golongan miskin sama ada mereka membina rumah untuk menolong membantu golongan-golongan miskin supaya mereka dapat memiliki rumah di Negeri Pulau Pinang ini? Sebelum kita mendapat jawapan ini, PERDA perlu menjawab dahulu skandal kerugian dalam penjualan tanah yang melibatkan RM15.2 juta. Walau bagaimanapun PERDA masih tidak dapat jawap dalam skandal kerugian dalam skandal RM15.2 juta ini dalam penjualan tanah. Mengapa mereka tidak jalankan tender terbuka dan juga menolak tafsiran penilaian tanah sebanyak RM16.6 juta oleh Kerajaan Persekutuan. PERDA telah menjual 8.6 ekar tanah di KADUN Sungai Acheh walaupun ADUN Sungai Acheh telah keluar tak apa. Walaupun beliau berminat untuk dengar, tapi beliau telah keluar tapi tak apa, saya akan jelaskan. PERDA telah menjual 8.6 ekar tanah di KADUN Sungai Acheh, Nibong Tebal pada tahun 2015 dengan harga RM1.4 juta sungguhpun nilai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah RM16.6 juta. Pengerusi PERDA, Dato' Seri Shahabudin Yahya nampaknya tidak mahu terima hakikat kerugian RM15.2 juta ini dialami dalam perjuangan tanah ini dengan menyatakan penilaian Kerajaan Persekutuan sebanyak RM16.6 juta hanya untuk tanah sekitar dan bukan untuk tanah ini. Apakah asas beliau menolak taksiran oleh Kerajaan Persekutuan ini. Shabudin telah pun menjelaskan bahawa tanah dijual murah kerana kerugian RM15.2 kerana tanah itu mendapat hakisan teruk akan mengakibatkan kerugian sebanyak RM10 juta kepada PERDA. Tambahan pula, dengan penjualan murah ini, pembeli SYT Sdn. Bhd. disyaratkan untuk membina rumah murah bagi rakyat, rumah murah dibina. Alasan Shahabudin tidak benar sama sekali, RM5.0 juta. Macam mana sebuah syarikat boleh beli untung dengan membina rumah murah seperti PERDA, Agensi Kerajaan Persekutuan bukan untung tidak dapat menyelesaikan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Berita yang dibaca tadi telah dibaca dalam surat khabar The Star. Saya ada bukti di sini. *The Peoples paper*. Terima kasih. Saya di sini juga ambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui EXCO YB. Dr. Afif telah membuat laporan kepada pihak MACC, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, pendapat dan menyeru kepada pihak MACC menyiasat laporan yang dibuat kepada pihak MACC kerana terdapat persepsi rakyat bahawa bila ia melibatkan Ahli-ahli Parlimen atau Wakil Rakyat daripada Pakatan Harapan, pihak MACC rupa-rupanya beria-ria sangat untuk menjalankan penyiasatan. Tetapi apabila laporan dibuat berkenaan dengan salah guna kuasa, skandal seperti PERDA ini, kita lihat pihak MACC ini berjalan (dengan izin) dalam Bahasa Inggeris *snail speed*. Tidak ada sebarang tindakan yang kelihatan diambil untuk melihat untuk menyiasat skandal tanah melibatkan satu agensi Persekutuan. Ini adalah persepsi yang kita perlu tangani dan saya menyeru kepada pihak MACC supaya *act without favour*....(dengan izin).

Kalau skandal guna tanah ini melibatkan salah guna kuasa, elemen-elemen rasuah, pihak MACC sepatutnya mengambil tindakan dan jangan mengambil tindakan sahaja apabila ia terdapat tohmahan-tohmahan dan tuduhan-tuduhan terdapat Wakil-wakil Rakyat dari Pakatan Harapan sahaja....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penjelasan ke apa ni?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya memohon daripada Yang Berhormat kalau boleh memberi pendapat dan penjelasan tentang skandal ini di mana laporan telah dibuat di Suruhanjaya Pencegah Rasuah sehingga hari ini tidak ada tindakan diambil. Sama ada perlukah pihak SPRM keluar untuk mengumumkan apakah tindakan yang diambil berkenaan dengan laporan yang telah dibuat oleh wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana sepatutnya tanah ini digunakan untuk menyediakan perumahan untuk rakyat termiskin tetapi dijual dengan mendapat kerugian sebanyak RM15.2 juta. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Minta penjelasan. Tadi Jawi ada kata bahawa tanah di Nibong Tebal telah dijual oleh PERDA sebanyak RM1.4 million kepada pemaju swasta untuk membina rumah. Adakah rumah-rumah kos rendah telah dibina di situ?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Seri Delima dan Bagan Dalam. Saya jawab kepada Seri Delima lebih dahulu. Memang sepatutnya MACC adalah satu badan *independent body* ...(dengan izin) Dato' Yang di-Pertua tetapi malangnya semasa kita melihat bahawa skandal-skandal yang terlibat dengan agensi-agensi ataupun pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional terutamanya buatlah polis *report* oleh rakyat mahupun pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan tetapi kes itu tidak dibuka fail langsung kadang-kadang, kebanyakan bukan kadang-kadang. Saya bersetuju bahawa MACC patutlah membuka fail untuk siasat kes-kes ini kerana PERDA adalah satu badan untuk membina rumah terutamanya untuk pembinaan rumah kos rendah untuk membantu golongan miskin dan ini adalah satu kes yang telah menunjukkan bahawa ada laporan Polis dan mengapa MACC masih tidak membuka fail siasatan sehingga hari ini, sudah dua bulan. Satu bulan lebih...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Jawi. Saya nak tau macam mana Jawi tau belum lagi dibuka fail. Siapa yang beritahu belum dibuka fail lagi?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Pulau Betong, selagi ini kita tak dapat baca berita sama ada mereka buka atau tidak...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Siapa yang kata belum buka fail....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Kalau tak buka fail mengapa tak ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau tak baca bukan tak buka fail dah, tak kan kami nak kata kami dah buka fail dah....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Sama ada Pulau Betong tau dak ada buka fail, saya nak tanya sama ada Pulau Betong tau atau tidak....(gangguan). Sebelum minta jawapan *you* jawab dulu.....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk, sila duduk. Yang berbahas, bahas dengan tenang. Jangan beremosi, susah, nanti saya minta Seberang Jaya pasang AED di sini. Ini tempat yang paling perlu. Jawi sila sambungkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, baju merah ini selalu suka kacau, baju merah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak buat kacau, saya minta penjelasan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah. Nak buat lawak keluar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan buat lawak Yang Berhormat, betul. Baju merah selalu buat kacau, kat luar kacau, kat dalam pun buat kacau.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Okey saya sambung terus Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi ambil kesempatan untuk buat perbahasan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya, saya akan habiskan sebelum pukul 12.00 tengah hari. Okey, Gangguan banyak, minta maaf Sungai Dua. Dato' Speaker, saya akan jawab dari Bagan Dalam, jawapan akan datang...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Minta laluan. Berkenaan tanah di Nibong Tebal, Datok Keramat saya tidak mahu *query*. Tidak mahu komen sebab ini dalam tindakan SPRM. Tindakan akan diambil selepas ini siasatan dan sebagainya. Saya cuma nak jelaskan tentang projek PERDA, disebut tentang projek PERDA cuma 400 atau berapa ratus buah rumah dibina. Saya nak tanya balik minta penjelasan daripada Jawi atau lain-lain pihak, projek yang PERDA pohon untuk kelulusan berapa yang lulus. Berapa banyak yang pohon? Saya ingat ada enam, tujuh, lapan saya tidak pasti tapi tak luluspun. Rumah yang bercampur pun ada. Bukan rumah mewah semua. Satu rumah mewah saja yang ada pun. Itupun dalam perancangan boleh diubah semula, bukan boleh terus buat. Laporan yang dibuat itu perancangan....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey Sungai Dua, penjelasan, minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Saya nak minta penjelasan dari segi kelulusan, kalau nak beri PERDA buat banyak rumah kos rendah, sederhana dan mampu milik, berilah keputusan kepada JKP dan sebagainya. Ini tak bagi, tangguh, *hold* ada masalah macam-macam. Kalau begini, Kerajaan Negeri bolehlah buat perbincangan, untuk pinda dan sebagainya. Janganlah buat perbincangan sampai berapa bulan, berapa tahun, tiga empat tahun, lima tahun...(gangguan). Minta penjelasan. Tuduh tak ketahuan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya mesti jawab, sebentar-bentar, jangan pergi tandas. Saya beri jawapan. Sikit saja. Di bawah Kerajaan memang ada dasar, kalau dasar untuk rumah kos rendah RM42,000...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Berkenaan dengan Sungai Dua, terima kasih, sememangnya bukan sahaja PERDA, JKP juga. JKP dan PERDA juga memang kita telah bantu mereka untuk balik ke jalan yang betul dan bina rumah-rumah yang mampu dimiliki termasuk rumah kos rendah dan sederhana rendah. Cuma PERDA dia yang *slow* sikit berbanding dengan JKP. Apabila kita minta apabila kita minta semak semula dia *slow* sikit, tak balik lagi tapi kita masih membimbing dan mendidik mereka.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi. Datok Keramat sudah menjawab *on behalf*.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terus dengan perbincangan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Alasan YB. Shabudin adalah tidak benar sama sekali kos tanah RM5 juta. Macam mana sebuah syarikat boleh cari untung dengan membina rumah murah sekiranya PERDA yang merupakan agensi Persekutuan juga untung tidak dapat melaksanakan. Tak kan sebuah agensi Kerajaan Persekutuan bukan untung tak berdaya sehingga tak mampu membina rumah murah. Apa yang boleh dibuat oleh sebuah syarikat swasta dan juga pada masa yang sama ataupun dia tidak berminat dalam pembinaan rumah murah sebenarnya. Tiada kepastian tentang kos sebenarnya bila PERDA tidak mahu menjelaskan mengapa penjualan tanah dibuat tanpa tender terbuka. Tender terbuka membolehkan harga tawaran yang paling tinggi dipilih lagipun dakwaan Shabudin bahawa pembeli disyaratkan membina rumah murah amat juga bila Arkitek SYT hanya membina 27 buah rumah kedai tetapi tidak membina rumah murah kepada MPSP pada 28 Mac 2016, adakah ini mereka merancang untuk membina rumah kos rendah hakikatnya cuma 27 buah rumah kedai dimasukkan dalam perancangan untuk dibina. Perancangan PERDA rumah murah akan dibina amat memerlukan dan tidak bertanggung jawab. Ini kerana garis panduan perumahan di seluruh negara mewajibkan rumah murah seperti kos rendah dan rumah kos sederhana rendah di bina terlebih dahulu baru rumah kedai. Macam mana rumah murah dibina serentak dengan rumah kedai tetapi tidak ada permohonan dibentangkan untuk membina rumah rendah untuk dibina jangan pula sebutkan untuk membina rumah murah. Adakah penjualan seluas 6 ekar dengan kerugian RM15.2 juta ini adalah baik untuk PERDA dan adakah mereka menjaga kepentingan awam. Ini adalah satu isu penting yang perlu kita mempertimbangkan.

YB. Dato' Speaker, sesungguhnya sebuah kawasan untuk mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang secara langsung dapat meningkatkan taraf hidup di kawasan itu, di samping itu boleh dikatakan memiliki rumah merupakan impian setiap rakyat terutamanya golongan miskin yang tidak mampu membeli rumah yang mahal. Dengan itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru agar Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mempertimbangkan isu-isu yang telah saya bangkitkan tadi di dalam Dewan ini dan mengambil pendekatan yang sepatutnya mengenai isu-isu tersebut. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Siapa mencadang?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya mencadang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan Peraturan 6A(1), Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 13 Mei 2016, hari Jumaat dilanjutkan sehingga jam 7.30 malam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Siapa sokong?

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan pada hari ini 13 Mei 2016, hari Jumaat sehingga jam 7.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya",

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui. Saya minta YB. Machang Bubok sebagai penyokong, silakan.

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong. Salam sejahtera, Salam Bersih, Salam Reformasi. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Saya ingin menyentuh tentang keperluan untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang yang amat mendesak. Ia bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas, malahan banyak kelebihan seperti mengurangkan kos sosial akibat daripada kesesakan lalu lintas serta kurangkan pembaziran masa dan sumber. Pengangkutan awam yang baik dan lengkap akan membolehkan orang bergerak dengan bebas. Maka pencemaran udara yang disebabkan oleh pembebasan *karbon monoksida* juga boleh dikurangkan, malahan menyediakan peluang pembangunan di kawasan pinggir bandar. Secara prinsipnya, ke semua ini adalah matlamat untuk menaik taraf dan memperbaiki sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Berbalik kepada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, terdapat empat aspek penting yang perlu diperbincangkan dalam pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan ini. Satu, keberkesanan dalam menyelesaikan masalah, *effectiveness*. Matlamat yang paling langsung dalam pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan adalah untuk melegakan atau mengurangkan kesesakan lalu lintas. Adakah pembinaan landasan LRT, monorel, pelebaran jalan dan pembinaan jalan raya boleh mengatasi kesesakan lalu lintas. Saya ingin merujuk kepada pakar ekonomi Amerika Syarikat, Anthony Downs dalam karyanya yang berjudul *Stuck in Traffic* menyebutkan bahawa penambahan dan pelebaran jalan hanya akan meningkatkan keperluan dan penggunaan pada masa yang sama. Ia tidak secara langsung dapat memperbaiki kesesakan lalu lintas. Disebabkan pembinaan jalan baru dan permukaan jalan yang luas, tarikan pemandu yang dahulunya cuba untuk mengelak dari memandu pada waktu kemuncak kesesakan itu telah memilih untuk menggunakan jalan raya yang baru itu pada waktu kemuncak. Ia juga tidak menghalang orang yang sedang berfikir sama ada ingin membeli kereta atau tidak. Satu lagi pakar penyelidik lalu lintas Amerika Syarikat, Profesor David Levinson telah membandingkan keadaan lalu lintas di beberapa kawasan di Amerika Syarikat. Beliau mendapati bahawa pembinaan jalan baru yang berterusan hanya akan menggalakkan orang ramai membeli kereta dan menggunakannya. Dalam jangka masa yang panjang tidak dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Banyak contoh menunjukkan bahawa metropolitan di dunia seperti Paris.

Walaupun mempunyai landasan dan juga jalan raya yang canggih dan lengkap, keadaan kesesakan masih wujud seperti dulu. Sekiranya ingin menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang paling utama ialah perubahan tabiat dan cara penggunaan kereta oleh pemandu iaitu jangan pandu secara satu orang satu kereta. Jika membina lagi banyak jalan dan landasan, pemilik kereta masih memilih untuk memandu secara pengangkutan mereka, maka akhirnya ia akan menjadi satu lagi pembaziran sumber kita.

Aspek kedua yang saya hendak bangkitkan ialah kelestarian dalam pembangunan. Bagi seluruh Pulau Pinang, pembinaan jaringan pengangkutan awam yang besar, implikasinya terhadap lalu lintas, pemandangan landskap, *landmark* serta pembangunan alam sekitar adalah luas dan mendalam. Ia mempengaruhi kualiti hidup orang Pulau Pinang kini dan pada masa akan datang. Oleh itu pertimbangan yang teliti dan rapi perlu menjadi tanggungjawab pembuat dasar, prinsip pembangunan lalu lintas mesti berdasarkan kelestarian dan kemampanan termasuk dari segi pengurusan kewangan. Pembinaan landasan LRT, Monorel yang disebutkan dalam Pelan Induk melibatkan kos pembinaan yang amat mahal, kos operasi dan penyelenggaraan selepas pembinaan amat tinggi sehingga sukar untuk mengimbangkan pembayaran. Akhirnya ia perlu subsidi yang banyak dari pihak kerajaan.

Salah satu aspek penting adalah tambang, tambang untuk pengangkutan awam tidak boleh ditetapkan terlalu tinggi, jika tidak ia akan bercanggah dengan prinsip semua orang boleh menggunakannya. Namun, tambang yang munasabah biasanya tidak dapat menampung kos operasi, maka ia menjadi satu beban kewangan kepada Kerajaan Negeri pada masa akan datang. Contohnya LRT di Kuala Lumpur, kerugian sebanyak RM2.5 bilion dalam masa 20 tahun sahaja. Contoh, di MTR Hong Kong, yang selalunya dipilih untuk jadi contoh sebagai kes yang berjaya. Jumlah pendapatan yang diterima daripada tambang hanya merangkumi 15% daripada kos operasi MTR. Persoalan saya, sekiranya ia berlaku sedemikian, adakah Kerajaan Negeri mampu untuk menanggung ke semua kos ini. Adakah berbaloi kita membelanjakan jumlah yang begitu besar ini? Selain itu, penjualan tanah melalui penambakan laut yang perlu memikirkan masalah pemeliharaan alam sekitar kepada kehidupan nelayan. Ini laporan EIA dan DEIA untuk penambakan laut, masih belum siap lagi. Berkenaan penambakan laut yang kontroversi, masyarakat umum pun belum ada konsensus dan perbincangan menyeluruh. Maka dari segi prosedur, membantah atau menyokong projek penambakan laut di peringkat ini masih tidak ada satu asas yang kukuh. Penambakan laut hanya akan membawa satu perubahan yang tidak boleh dipulihkan atau di *reversible*. Ia perlu ditangani dengan berhati-hati serta di bawah prinsip pembangunan secara mampan.

Aspek ketiga yang saya ingin bangkitkan di sini ialah prinsip pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Disebabkan perbelanjaan yang amat besar untuk pelaksanaan keseluruhan projek dalam Pelan Induk Pengangkutan iaitu melebihi RM27 bilion. Rujuk kepada Bajet Kerajaan Negeri Tahun 2016, anggaran hasil Negeri adalah RM687 juta, kos pembinaan untuk Pelan Induk Pengangkutan adalah sebanyak RM27 bilion adalah agak sama dengan jumlah hasil untuk Kerajaan Negeri untuk 40 tahun. Maka kita perlu sedar bahawa cara pengurusan kewangan sedemikian adalah tidak begitu sihat. Adakah kita perlu merancang projek pembangunan termasuk infrastruktur dan perbelanjaan awam mengikut prinsip kemampuan kewangan Kerajaan Negeri? Berdasarkan prinsip kemampuan pemilihan dan pengubahsuaian pelaksanaan projek-projek dalam Pelan Induk perlu ditentukan berasaskan keutamaan, *priority*, dan kesegeraan serta kemampanan. Di atas asas yang ada pada hari ini, usaha untuk menambah dan menyempurnakan perkhidmatan bas, menggunakan *Apps*, atau aplikasi untuk membina model *share economy* seperti menggalakkan konsep *car pool*... (dengan izin) dan lain-lain. Sekiranya kos pembinaan dapat dikurangkan dengan banyak, maka penambakan laut adalah tidak perlu dan saya berpendapat kita perlu mengkaji secara alternatif yang ada dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

Kita seolah-olah terdesak untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan untuk menangani kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Berdasarkan Pelan Induk untuk membina sebuah bandar yang bebas dari kesesakan, adakah kita pernah memikirkan kos untuk kita menjejarkan utopia tersebut. Adakah kita yakin bahawa pada akhirnya ia tidak akan menjadi beban kepada kita dan juga generasi akan datang. Dipersilakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Yang Berhormat, saya hendak tahu apakah sebab Kerajaan Pusat tidak mahu membina LRT, monorel di Pulau Pinang, manakala rakyat Pulau Pinang membayar cukai dan GST. Saya ingat semasa Tun Abdullah Badawi menjadi Perdana Menteri, beliau ada mengumumkan Kerajaan Pusat akan membina monorel di Pulau Pinang. Sehingga sekarang mereka tidak menunaikan janji mereka. Adakah Pulau Pinang dianaktirikan oleh Kerajaan Pesekutuan?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Machang Bubok.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB Bagan Dalam, saya rasa persoalannya adalah memang cadangan yang diberikan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Badawi tidak ditepati dan memang itu kesal kerana pengangkutan awam di Pulau Pinang ini tidak sempurna dengan tidak adanya satu pembinaan dan perancangan yang lengkap tetapi Kerajaan Negeri telah *come out* telah dikeluarkan satu Pelan Induk Pengangkutan yang saya rasa yang perlu kita sekarang mengkaji dan juga menelitinya untuk bagaimana merancang satu pelan pengangkutan yang benar-benar *sustained* atau mampan untuk Negeri Pulau Pinang. So ialah cadangan LRT itu saya rasa kita nanti minta pihak UMNO mendesak supaya Kerajaan Persekutuan untuk menepati janji yang telah dibuat hari itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, minta laluan, tak *viber*, projek tu tak *viber* (gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Tapi tak *viber* kenapa dulu bagi pula cadangan itu...(gangguan). Okey, Dato Yang di-Pertua, aspek yang keempat yang saya ingin bangkitkan berkenaan Pelan Induk Pengangkutan adalah masyarakat ada hak untuk tahu dan membuat keputusan, Kerajaan Pulau Pinang telah menjalankan beberapa taklimat atau pendengaran awam untuk mengumpul pandangan masyarakat taklimat awam tersebut berlangsung dalam keadaan yang penuh dengan ramainya orang dan juga bukannya sekadar memberi satu maklumat untuk dinilai oleh orang ramai. Ini bukan sekadar pendengaran dan taklimat yang ideal taklimat awam sebenarnya perlu berlangsung tanpa ada satu pendirian terlebih dahulu serta membuka lebih banyak maklumat untuk orang ramai meneliti dan mengkaji taklimat awam perlu memberi peluang kepada pihak yang mempunyai kepentingan yang berlainan untuk respon atau mengemukakan pandangan mereka misalnya pembinaan landasan LRT, monorel laluan landasan serta sama ada atau pengambilan balik tanah yang melibatkan perobohan rumah dan pengusiran penduduk ke semua ini akan mempengaruhi keputusan dan pendirian penduduk-penduduk setempat yang di pengaruhi itu.

Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan sikit okey. Mungkin Yang Berhormat ini adalah pandangan saya, mungkin Yang terhormat tidak sedar bahawa satu *Online Access To Plan* telah pun diterbitkan dalam surat khabar The Star, Metro di mana dalam surat khabar ini...(dengan izin) kalau saya boleh saya membaca "*The Penang Government has Launch A Website To Provide Details On Penang Transport Masterplan The Public Can Also Convict Their Feedback Complaints and Proposal*". Bagi saya kalau dibandingkan dengan Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini merupakan satu ketelusan di mana secara terbuka pelan tersebut telah dipaparkan dalam *website* dan setiap lapisan masyarakat boleh akses kepada *website* ini dan memberi pandangan mengenai cadangan – cadangan dan sebagainya. (Dengan izin) sikit saja kalau kita lihat juga kepada...(dengan izin) Pelan Induk Pengangkutan ini adalah apa yang dikatakan oleh dalam rencana ini juga telah diterbitkan *the said public could also email feedback, suggestions and complains* melalui *website* ini jadi saya rasa dapat kesungguhan dan ketelusan dan keterbukaan di mana apa-apa cadangan atau *feedback* dan sebagainya boleh dicadangkan sebelum plan ini sebenarnya dilaksanakan.... (gangguan) sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa kerajaan kita di Pulau Pinang menerima pandangan berbanding dengan Kerajaan Persekutuan di mana apabila apa-apa polisi diamalkan umpama seperti GST dan sebagainya masyarakat tidak diberi peluang untuk memberi pandangan langsung . Ini adalah perbezaan...(gangguan) ini adalah perbezaan yang kita perlu sedar, okey. terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung YB. Machang Bubok

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okey terima kasih Seri Delima telah memberi satu pandangan tentang *online* juga boleh memberi *feedback* aspek yang saya bagi tahu pada dalam perbincangan ini adalah yang kutipan suara itu sebab ia melibatkan satu keadaan yang sangat rumit satu Pelan Induk Pengangkutan adalah satu yang sangat besar dan sangat rumit dan memang memerlukan banyak informasi dan saya rasa memang dari segi *online* adalah satu cara yang sangat efektif tetapi kitapun perlu lagi lebih terbuka lagi dengan memberikan cadangan mengambil kira pandangan-pandangan penduduk supaya ia dapat lagi menyempurnakan pelan tersebut...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Ahli Yang Berhormat Machang Bubok. Saya bersetuju dengan Seri Delima bahawasanya ada portal *online* kita boleh bertanya dan sebagainya tetapi tak semua sebab kadar penebusan internet di Pulau Pinang tak semua orang akses internet nelayan-nelayan di kampung mereka tiada kemudahan yang sebegini. Jadi apakah kenyataan YB. Machang Bubuk tadi saya nampak seolah-olah YB. Machang Bubuk katakan tidak ada kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memberi maklumat kepada masyarakat Pulau Pinang yang kedua seolah-olah ambil peluang untuk bersuara memberikan pandangan mereka. Apa pandangan YB. Machang Bubuk?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya rasa YB. Pulau Betong cuba untuk gunakan perbahasan saya sebagai untuk menyatakan bahawa *consultation* itu pendengaran itu tidak dibuat dengan betul. Saya nak *highlight* dekat sini. Saya mengalu-alukan dan memuji Kerajaan Negeri untuk mengambil langkah untuk memberi taklimat awam dan juga pendengaran awam juga kepada orang ramai tentang pelan induk ini. Cuma saya rasa itu tak cukup lagi ia kena ada lagi banyak yang kita boleh buka untuk perbincangan yang sebelum kita membuat perbincangan so saya ingin teruskan....(gangguan)

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak tanya kesungguhan *complain* dalam *star online* komen yang mana akan di guna pakai ataupun hanya letak satu infra hanya untuk mendengar dan tidak ambil tindakan sekiranya majoriti kita tidak boleh adakah Kerajaan Negeri akan berhenti meneruskan projek ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ini nanti bagi EXCO untuk gulung. Saya akan sambung kepada perbahasan saya. Dato' Yang di-Pertua, saya nak juga mengambil kesempatan untuk membangkit beberapa isu-isu penting dalam KADUN Machang Bubuk, pertama pengiktirafan hak perumahan sebagai hak asasi manusia saya sekali lagi ingin membangkitkan isu tanah di Kampung Permatang Tok Suboh permohonan TOL untuk oleh 26 keluarga yang menghadapi nasib pengusiran secara paksa keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mempertahankan hak rumah untuk peneroka bandar perlu dicontohi dan dijadikan satu dasar untuk mengendalikan isu penempatan semula peneroka bandar Negeri Pulau Pinang. Saya ingin memetik ucapan perbahasan teks ucapan YB. Steven Sim Ahli Parlimen Bukit Mertajam dalam parlimen yang menyentuh tentang pengiktirafan hak perumahan melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Tanah Negara 1965. Beliau menegaskan bahawa kaedah pengusiran paksa peneroka seluruh negara telah bercanggah dengan perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Dalam kebanyakan kes jentera kerajaan seperti Polis, Pihak Berkuasa Tempatan telah digunakan untuk melaksanakan pengusiran secara paksa, maka reformasi undang-undang perlu dijalankan agar hak rumah bagi peneroka bandar dapat dipertahankan. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri boleh menggubal satu Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang yang berfungsi untuk merancang, membangun dan melaksana juga menggalak pembangunan perumahan secara khususnya bagi perumahan awam dan kos rendah. Enakmen tersebut akan mengkaji dan menangani semua kes-kes pengusiran secara paksa dalam Negeri Pulau Pinang agar aspek kemanusiaan tidak diketepikan. Sementara Kerajaan Negeri sedang mengkaji penggubalan undang-undang ia memang akan mengambil masa, maka saya cadangkan juga satu moratorium terhadap pengusiran perlu kemukakan dan dilaksanakan agar hak perumahan itu terpelihara.

Di bawah undang-undang antarabangsa pengusiran paksa adalah *prima facie* dalam melanggar hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, langkah untuk melaksanakan moratorium terhadap pengusiran akan memastikan langkah pertama yang berkesan untuk menghalang penindasan hak asasi manusia. Moratorium ini juga akan mempertingkatkan keselamatan dan ketenteraman dalam sesuatu kawasan. Kedua, pembangunan infra untuk kesejahteraan hidup. Projek menaik taraf infra di kawasan yang pesat membangun khususnya di kawasan Machang Bubok seperti Alma, Permatang Tinggi ia perlu diberi keutamaan dengan penambahan penduduk di kawasan Alma, infra yang sedia ada seperti jalan raya, parit, taman rekreasi dan sebagainya tidak dapat menampung keperluan penduduk. Untuk memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk beberapa projek yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri adalah dilaksanakan atau sedang dilaksanakan. Misalnya dalam mengatasi masalah banjir kilat di Alma, Kerajaan Negeri telah sedang melaksanakan satu projek parit lencongan serta rumah pam untuk mengalirkan 30 hingga 40 peratus air hujan dari kawasan *upstream* ke sungai projek ini memang dinantikan untuk siap dan khususnya daripada mangsa-mangsa banjir kilat. Sementara itu, cadangan sebuah kolam tadahan untuk kawasan Alma perlu dibina secara secepat mungkin memandangkan kos tanah yang menaik, pihak kerajaan juga boleh mengkaji pembinaan kolam tadahan yang boleh diguna pakai sebagai tempat rekreasi pada hari biasa dan juga pembinaan *multi functional* kolam tadahan akan mewujudkan kawasan perumahan kita lebih hijau dan lestari.

Pelebaran jalan Bukit Minyak perlu di segerakan memandangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak. Ramai pengguna jalan raya tertanya-tanya bila projek tersebut akan siap dan juga menangani kesesakan lalu lintas tersebut. Saya mengalu-alukan juga cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaik taraf persimpangan Jalan Rohzan, Jalan Alma dan Jalan Seladang. Cadangan untuk membina jambatan memang berasas dan perlu dilaksanakan agar kesesakan yang serius dikawasan Alma itu dapat diatasi walaupun kos pembinaan projek telah meningkat dan pelbagai isu teknikal belum diselesaikan saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri memulakan projek melebarkan jalan yang sedia ada serta pengurusan lalu lintas yang berkesan lampu isyarat yang pintar.

Dalam pelaksanaan projek infrastruktur beberapa faktor yang melewatkan pelaksanaan projek kerajaan adalah disebabkan proses pengambilan balik tanah yang mengambil masa yang panjang dan juga pemindahan utiliti yang melambatkan projek itu dilaksanakan. Saya menyeru kepada Kerajaan Negeri agar pemindahan utiliti akan yang mengkaji semula dasar di mana semua projek yang melibatkan pemindahan utiliti ditanggung syarikat utiliti tersebut. Banyak yang kita lihat adalah disebabkan syarikat utiliti tidak dapat menjalankan pengalihan itu dalam keadaan segera maka projek tersebut akan tergendala dan tak dapat disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan.

Keselamatan lalu lintas di KADUN Machang Bubok sering kali dibangkit dalam Sidang DUN, kemalangan jalan raya maut juga bertambah di kawasan perumahan kerana sikap pemandu serta reka bentuk jalan yang tidak sempurna. Saya pernah bangkitkan soalan tentang penaiktarafan Jalan Permatang Tinggi melibatkan pelebaran jalan dua (2) lorong ke empat (4) lorong dengan pembahagian jalan untuk mempertingkatkan keselamatan pengguna jalan raya. Namun sehingga kini kita belum ada apa-apa maklum balas yang jelas bila rancangan tersebut akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan memandangkan jalan tersebut di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Di KADUN Machang Bubok satu Badan Bertindak Keselamatan Lalu Lintas telah ditubuhkan di kalangan JKPP, Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga dan wakil penduduk untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan lalu lintas di sekitar kawasan mereka. Mesyuarat telah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun bersama MPPP dan JKR dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh penduduk setempat. Ada beberapa masalah yang dibincangkan dalam Badan Bertindak. Saya rasa, saya amat berharap Kerajaan Negeri akan mengambil maklum cadangan-cadangan tersebut serta mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas cadangan yang dibuat.

- (i) Pelebaran Jalan Bukit Minyak dari simpang Jalan Taman Kota Permai sehingga ROB di Taman Desa Palma, terdapat beberapa kemalangan maut telah berlaku di persimpangan masuk ke Taman Bukit Minyak Utama dalam masa 6 bulan. Cadangan untuk melebarkan jalan tersebut kepada empat (4) lorong dengan pembahagian jalan ditengah agar kenderaan tidak boleh belok ke kanan dan perlu membuat *U-turn* di kawasan yang selamat.
- (ii) Simpang Empat yang masuk ke Taman Jasa Indah perlu dinaik taraf dengan pemasangan lampu isyarat. Walaupun Taman Jasa Indah adalah satu taman yang baru hanya ada *occupancy*....(dengan izin) 5% tetapi bilangan penduduk akan bertambah dan

bilangan kenderaan akan bertambah memandangkan bilangan rumah yang begitu banyak di kawasan tersebut. Kesemua yang dibangkitkan di atas adalah suara daripada rakyat walaupun kadangkala faktor tersebut adalah disebabkan oleh sikap pemandu tetapi kita juga perlu bertindak untuk memperbaiki reka bentuk jalan raya dan memastikan tidak ada kemalangan yang berlaku.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, perkara yang seterusnya yang ingin saya bangkit adalah pusat hiburan berunsur judi semakin berleluasa. Pada Sidang DUN yang lepas sebanyak 17 JKKK di KADUN Machang Bubuk telah datang ke Dewan untuk menghantar memorandum berkenaan pusat hiburan berunsur judi. Masalah pusat hiburan yang berunsur judi ini semakin berleluasa. Pihak Polis dan PBT perlu berganding bahu dalam penguatkuasaan agar masalah ini tidak menular dan menjejaskan masa depan orang muda dan masyarakat setempat. Dari segi kelulusan lesen hiburan perlu dikaji semula dengan lebih teliti dan syarat perlu diperketatkan. Beberapa cadangan telah dibuat oleh 17 JKKK tersebut dalam memorandum tersebut di mana cadangan untuk memastikan bahawa mensyaratkan pemasangan CCTV di dalam semua premis, di dalam semua premis pusat hiburan dengan kelulusan lesen perniagaan premis tersebut. Ini adalah untuk kita boleh memantau balik apa yang telah berlaku dalam pusat hiburan yang telah dilesenkan. Dan selain itu, premis tersebut juga perlu terus pantau oleh pihak PBT agar tidak menyalahguna lesen premis tersebut untuk kegiatan haram. Sekiranya pihak pengusaha pusat hiburan masih melanggar syarat atau undang-undang maka kita cadang pihak PBT dan juga kerjasama Pejabat Tanah boleh mengenakan tindakan rampas balik premis tersebut atas salah guna tanah dan premis.

Dato' Yang di-Pertua, semangat "duit kita, hak kita" perlu diteruskan, sejak PRU 13 Kerajaan Pakatan telah menjejaki tahun ke empat, pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Selangor telah menjadi harapan utama rakyat. Rakyat memang mengharapkan kedua-dua negeri dapat membawa banyak perubahan dan juga manfaat kepada mereka. Prestasi kita bukan sekadar dalam pencapaian dalam *surplus* atau lebih pengurusan kewangan sahaja tetapi juga mendirikan satu model pentadbiran yang boleh dicontohi oleh negeri-negeri lain malahan membantu kita menuju ke Putrajaya. Dalam (3) tahun sejak saya dipilih sebagai ADUN saya selalu berfikir tentang urus tadbir kita Cekap, Akauntabiliti, dan Telus serta pelbagai dasar pro rakyat seperti i-sejahtera yang menjaga kebajikan rakyat namun bagaimana kita boleh mara ke depan lagi. Apakah perbezaan sebenarnya apabila Pakatan memerintah berbanding dengan UMNO BN yang telah lama memerintah, selain daripada pengurusan kewangan yang lebih cekap, bersih apa yang boleh kita war-warkan kepada rakyat di Pulau Pinang. Dalam pengalaman saya di projek duit kita, hak kita peruntukan ADUN boleh digunakan atau diputuskan oleh penduduk setempat. Penduduk diberi peluang untuk memberi projek pembangunan yang mereka minati atau sokongi. Proses ini adalah rumit, adalah susah penuh dengan riuh rendah banyak aduan orang ramai tetapi itulah demokrasi yang ada pada kita iaitu memang semua rakyat mempunyai pandangan yang berbeza dan bukan mempunyai satu matlamat yang sama tentang pembangunan yang nak dicapai.

Oleh itu setiap kawasan mempunyai kepentingan sendiri dan banyak perbincangan perlu dijalankan untuk mendapatkan *consensus* namun sesiapa yang berpeluang untuk mengambil bahagian dalam menentukan masa depan sesuatu tempat baru ada *sense of belonging* untuk kawasan tersebut. Dahulunya keputusan dibuat secara *top down measure*...(dengan izin) dengan mengambil pendapat profesional pemimpin kita harap cadangan atau pelan tersebut dapat diterima oleh rakyat. Namun orang yang berlainan ada kepentingan dan keperluan yang berlainan, pendapat yang berlainan memang biasa dalam masyarakat yang demokrasi yang paling penting adalah semua pihak perlu belajar untuk berkompromi kerana proses ini lebih penting daripada apa jua keputusan yang dibuat. Dalam isu Pelan Induk Pengangkutan, *stakeholders* yang berlainan mempunyai pandangan yang berbeza kita perlu mengakui bahawa ramai yang prihatin terhadap negara dan negeri kita. Saya dapati sebahagian taklimat awam yang diadakan telah dihadiri dengan begitu ramai peserta yang mereka sangat prihatin. Orang Pulau Pinang amat unik, amat *special* dengan pendirian sendiri serta mengemukakan pelbagai cadangan yang perlu diambil kira oleh kerajaan walaupun kadangkala kita nampak notis pemberitahuan itu adalah singkat tetapi kehadiran itu memberangsangkan, saya amat bangga dengan penglibatan yang begitu aktif oleh orang Pulau Pinang dan menghargai pelbagai suara yang berbeza sebagai satu aset yang istimewa untuk negeri kita di Pulau Pinang. Oleh itu, sebarang dasar atau projek bukan sekadar membiarkan pihak profesional atau pemimpin saja yang membuat keputusan secara *top down approach* tetapi lebih kita untuk menggalakkan lebih ramai untuk menyuarakan suara mereka. Pulau Pinang berpotensi besar untuk mewujudkan satu model bandar yang berteraskan penyertaan rakyat model ini boleh dijadikan contoh untuk mentadbir negeri kita dengan lebih baik dengan berteraskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus dengan ini saya pohon untuk menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 3.00 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 3.00 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Sila Dato'.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Dato' Speaker. *Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah* kita semua dapat menghadiri persidangan Dewan Undangan Negeri Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri yang ketiga belas ini dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas ucapan perasmian sidang Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin menarik perhatian kepada satu perkara yang mungkin dipandang kecil tetapi menjadi tanda tanya oleh rakyat di luar, kenapa semasa istiadat perasmian Dewan Undangan ini saban kali, dari tahun 2008 sampai sekarang ada di kalangan Ahli-ahli Dewan yang enggan atau sengaja tidak mahu memakai baju istiadat. Jadi saya pun kurang faham mungkin Dato' Speaker lebih arif tentang perkara ini. Walaupun tidak dinyatakan di dalam peraturan mesyuarat tetapi mengikut konvensyen dan ini merupakan peradaban kita semasa istiadat perasmian, semua memakai baju istiadat dan kalau nak kata tidak padan, sudah ketat pun, ada peruntukan untuk buat semula baju itu semula kalau sudah tidak muat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dato' sudah. Itu di bawah bidang kuasa saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya faham. Jadi saya hanya mengutarakan soalan-soalan oleh rakyat. Mungkin Dato' Yang di-Pertua boleh memberi arahan yang berkenaan.

Dari Melaka naik pedati,
Dua sahabat sampai ke kuala,
Marilah kita bersatu hati,
Menjaga martabat Dewan yang mulia

Kita semua menyambut baik seruan Tuan Yang Terutama dalam ucapan beliau kepada semua Ahli Dewan untuk dengan kata-kata Tuan Yang Terutama sendiri berbahas dengan dan membawa suara akar umbi merentasi kepentingan agama, kaum, politik dan sosial dan menyampaikan perbahasan secara intelektual dan bukan secara emosi tanpa etika. Ini adalah seruan Tuan Yang Terutama untuk ke saban kalinya. Harus kita sedari hakikat bahawa Dewan yang mulia ini merupakan saripati dan sumber kuasa kepada pemerintahan Kerajaan Negeri kerana semua yang diperundangkan di sinilah yang akan dilaksanakan oleh pihak yang memerintah termasuk kepertanggungjawaban kerajaan yang memerintah untuk membentangkan semua yang dibelanjakan mengikut bajet yang diluluskan dan dasar-dasar yang

dilaksanakan mengikut enakmen perundangan yang sedia pakai mengikut garis panduan kewangan yang sedia ada yang akhirnya akan dinilai oleh rakyat melalui pilihan raya.

Sistem Persekutuan berasaskan demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia ini telah berjaya menyatukan semua Negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan selepas itu Sabah dan Sarawak menjadi sebuah Negara Malaysia yang aman, damai, sejahtera, unik di dalam suasana kepelbagaian seindah pelangi.

Perpaduan dan kedamaian dalam *diversity* atau kepelbagaian ini perlu dipelihara dan dijaga dengan penuh teliti kerana ianya rapuh dan sangat bergantung kepada sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain dan rasa tanggungjawab kepada negara. Oleh itu kita perlu menolak sebarang mainan politik sempit yang menanam sebarang sifat kebencian di antara kita dan memanipulasikan perasaan ketidakpuasan hati, cemburu serta iri hati di kalangan kita di mana demi meraih kuasa politik untuk mendapat sokongan serta melunturkan keyakinan rakyat kepada sesuatu pihak yang lain, mainan politik atau *political games*, kebencian adalah *trend* yang bahaya yang akan membawa kemusnahan kepada negara.

Apa yang berlaku dan yang dipertontonkan di dalam Dewan ini adalah cermin atau manifestasi apa yang berlaku di luar Dewan. Politik kebencian itu seperti garam untuk menambah kelazatan hidangan untuk dimakan akan menjadi racun kalau sudah berlebihan. Memudaratkan dan memusnahkan. Ini adalah yang ditolak oleh pengundi di Sarawak. Ungkapan yang jijik dan melampau bertujuan untuk menyakitkan hati, bertujuan untuk memperkecilkan, memperlekehkan dan merendahkan kedudukan martabat individu atau parti politik bukan sahaja menimbulkan perasaan marah dan benci tetapi memecah-belahkan perpaduan yang rapuh tadi. Jangan pula demi politik kita sanggup mereka-reka cerita, menabur fitnah dan memanipulasikan fakta. Jangan bermain api kerana akan memakan diri. Di dalam hal ini matlamat tidak menghalalkan cara.

YB. Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian kepada sejarah dan warisan Pulau Pinang. Pulau Pinang sudah menjadi tempat yang begitu menarik sejak zaman dahulu lagi. Kita teruja apabila dimaklumkan dalam ucapan Tuan Yang Terutama terdapat tapak peninggalan pra-sejarah Zaman Neolitik 5,000 tahun di Guar Kepah, Seberang Perai Utara dan sebuah galeri arkeologi akan dibina di situ. Kita sekarang dihidangkan dengan sejarah Pulau Pinang bermula apabila Francis Light datang pada tahun 1786. Pengkisahan sejarah *eurocentric* ini telah menafikan identiti wajah dan ketulenan sejarah Pulau Pinang yang sebenar.

Sebelum Francis Light datang lagi sudah wujud perkampungan melayu di Batu Uban yang dibuka oleh Nahkoda Intan ataupun nama dia Haji Mohamad Salleh dan nama sebenarnya Raja Nor Intan Ibni Almarhum Tunku Putera Sebatang yang berasal dari Paya Kumbuh, Sumatera yang mendapat keizinan daripada Sultan Kedah pada masa itu. Beliau telah membina Masjid Batu Uban dan mewujudkan kampung di situ. Adik Nahkoda Intan iaitu Nahkoda Kecil telah membuka kawasan Tanjung Penaga yang sekarang ini menjadi George Town. Batu Uban telah pun mempunyai penempatan melayu dengan sistem pemerintahan dan menjadi pelabuhan yang penting. Bila Francis Light datang, beliau telah berjumpa dengan Nahkoda Kecil dan mengupahkannya beliau untuk membuka kawasan Tanjung Penaga pada masa itu. Adalah tidak betul bila pengkisahan tulisan L.A. Mills 1992 dalam bukunya *British Malaya 1824 hingga 1867* menyifatkan Tanjung Penaga sebagai kawasan hutan yang tidak berpenduduk dan dalam *Penang Story 2002* mengatakan bahawa Melayu Pulau Pinang datang dengan kaum-kaum lain pada zaman British. Ini pengkisahan yang berbentuk *eurocentric*.

Raja Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Shah 1728 meninggal 1798 menawarkan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris untuk berpangkalan di Pulau Pinang pada tahun 1771 sebagai ganjaran untuk bantuan ketenteraan tetapi apabila tujuan ini tidak kesampaian, Francis Light enggan berundur walaupun diminta oleh Baginda Sultan dan terus mengukuhkan kedudukan beliau di Pulau Pinang. Akhirnya mereka menandatangani perjanjian damai pada Mei 1791 dan selepas itu bermulalah pentadbiran British. Oleh yang demikian, kita perlulah lebih teliti dan berhati-hati di dalam melaksanakan pengkisahan tentang pembangunan Pulau Pinang. Arus manakah hendak kita bawa Pulau Pinang dan kita harus melihat bahawa identiti sebuah negeri harus diperkemas dengan mengambilkira sejarah tempat dan peneroka yang ada supaya termaktub di dalam lipatan sejarah selama-lamanya. Apakah dasar Kerajaan Negeri tentang perkara ini?

Pulau Pinang dan tanah besar Seberang Perai telah banyak bertukar wajah sejak 1730. Selepas 186 tahun penduduk Pulau Pinang telah mencapai 1.6 juta dan Pulau Pinang menjadi negeri yang kedua paling membangun di Malaysia. George Town telah menjadi bandaraya warisan dunia. Tetapi Pulau Pinang bukan beridentiti George Town sahaja. Nama George Town juga telah menampakkan betapa *eurocentric* dan terhakisnya sejarah Pulau Pinang dan kita dapati bahawa sebenarnya Pulau Pinang adalah koleksi kampung-kampung dan dalam kajian pesempadanan kampung yang dibuat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) mendapati keseluruhan Pulau Pinang terdapat sebanyak 662 buah kampung sekarang.

Saya ingin merujuk kepada jawapan yang diberi oleh YAB. Ketua Menteri tentang kampung-kampung di Pulau Pinang. Beliau merujuk kepada RSNPP (Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang) yang mempunyai dasar sektorial 33 untuk mengekalkan dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam dari masa ke semasa dan melaksanakan secara berterusan usaha-usaha dan program menaiktarafkan kemudahan-kemudahan di kampung-kampung dan disenaraikan sejumlah 48 buah perkampungan yang dimasukkan di dalam dasar sektorial 33 L1. Di sini saya ingin menarik perhatian bahawa kumpulan kampung-kampung ini perlu kita kategorikan, ada kampung-kampung yang merupakan kampung tradisional yang mempunyai salasilah, yang mempunyai sejarah yang harus dikekalkan dan ditambahbaik dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Perkampungan-perkampungan ini penting diperjelaskan dan dimasukkan di dalam dasar pembangunan Negeri Pulau Pinang kerana kita tidak mahu pembangunan Pulau Pinang akhirnya akan melupakan semua kampung-kampung. Kita lihat bahawa Kampung Buah Pala sudah lesap, tinggal nama pun tidak lekat di dalam projek perumahan yang ada di kawasan Kampung Buah Pala pun. Tinggal...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan Yang Berhormat. Sedikit sahaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya rasa kenyataan Yang Berhormat itu tidak tepat sekali kerana Kampung Buah Pala masih lagi wujud malahan dalam keadaan yang lebih gemilang lagi di mana rumah-rumah papan dulu, semasa Barisan Nasional digantikan dengan rumah-rumah batu sekarang dan harus juga dinyatakan di sini bahawa kejadian Kampung Buah Pala bukanlah perkara yang berlaku akibat daripada keputusan yang diambil oleh kerajaan sekarang. Semuanya telah dijalankan, dilaksanakan dan dicadangkan semasa Kerajaan Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya, terima kasih. Mungkin saya tidak masuk Kampung Buah Pala, ada lagi rumah-rumah kampung yang sudah dinaik taraf tetapi yang pentingnya di sini pembangunan berterusan dan kita tidak menentang pembangunan, bahawa sebuah negeri itu perlu membangun. Tetapi di dalam usaha dan kehairahan kita membangun, jangan kita lupa bahawa kita mempunyai salasilah sejarah dan perlu juga kita ambil kira di dalam pengkisan bukan sahaja di situ tetapi di jalan raya, bangunan, dewan dan sebagainya. Sentiasa mengambilkira asal usul dan nama asal dan tempat kawasan yang dahulunya mempunyai mempunyai sejarah dan di dalam jumlah 662 buah kampung ini kalau hanya 47 atau 48 yang disenaraikan bagaimana dengan kampung-kampung yang lain harus dipertimbangkan masa depan dan arus pembangunan dan yang akan berlaku di Pulau Pinang dan yang akan yang kita bimbang akan menghapuskan kampung-kampung ini semua kita tidak payah pergi jauh, saya tadi baru lalu nak masuk Dewan tadi saya tengok Esplanade Park, dah hilang sudah nama Padang Kota. Nanti anak cucu kita dah tidak tahu nampak Padang Kota Esplande sahaja jadi ini yang kita kata *eurocentric* tadi kita nak gunakan nama barat kita sampai dah tinggal kan nama asal di kawasan-kawasan itu. dan satu lagi dan di yang (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebentar sementara mahu cari sementara mencari tu jangan buang masa, tidak kah Yang Berhormat Dato Ayer Tawar berpendapat jika sekiranya RSN dulu ada, di *revised* semula patut dimasukkan semula supaya kampung-kampung tradisi yang baharu ini supaya dapat di kekalkan jadi sampai ke hari ini yang sepatutnya di *review* tidak di *review*, apa pendapat ini Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB.Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya saya pun hendak pergi ke situ hendak tanya tentang perkembangan RSN ini sebab sampai sekarang masih belum digazet dan saya dimaklumkan bahawa ada hendak disusun semula RSN ini untuk menjadikan RSN Seberang Perai, RSN Pulau. Jadi walau bagaimanapun perlu diselaraskan dan dimasukkan kampung-kampung ini dan diperincikan sempadan dan bentuk pembangunan untuk kawasan-kawasan di semua Negeri Pulau Pinang. Saya bagi satu contoh lagi di Lebuah Armenian dahulunya Lebuah Armenian ada Kampung Che Long dan Kampung Tuan Guru kerana telah dibangunkan oleh Tuan Guru Mohammad Noor. Kita dah tidak tahu cerita dia datang British bubuh nama Armenian dan sekarang ada usaha untuk membangunkan taman di situ dan taman itu akan diberikan nama Armenian Park macam Esplanade Park tadilah. Oleh itu akan tenggelam asal usul kawasan Armenian ini yang dahulunya telah diasaskan oleh Tuan Guru dan Guru Mohammad Noor. Jadi ini menjadi kekusaran pencinta-pencinta sejarah dan ini juga akan menghapuskan juga Warisan Pulau Pinang ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Contoh tadi Armenian Park yang akan tukar Esplanade Park inilah kawasan-kawasan Heritage Zone kelas A. Jadi sepatutnya apabila kita mempromosikan *heritage* pengekalan nama-nama ini sebagai salah satu warisan perlu dikekalkan dan bukan ditukarkan dan saya berpendapat bahawasanya mungkin Yang Amat Berhormat yang setuju pihak MBPP yang telah diiktirafkan sebagai Majlis Bandaraya ini mengambil kira perkara ini bukan sahaja mengambil tapi nama-nama harus dikekalkan. Apa pendapat Yang Berhormat Dato' Ayer Tawar?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB.Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya, saya amat bersetuju sekali apabila ada kita hendak asal nama-nama jalan nama-nama kampung, nama-nama bangunan dan sebagainya tentu mesti ada asal usul kita tidak boleh ambil sahaja kita mestilah ada mengambil kira juga persekitaran dahulu saya ingat di Seberang Perai satu Seberang Jaya itu dia bubuh nama ikan, Teruboklah, Tenggirilah dan sebagainya dan di Bukit Mertajam nama buah-buah Jambu, Ciku Nibong Tebal nama burung. Jadi sekurang-kurangnya saya adalah nama tempatan, identiti kita, Lebuhraya Lim Chong Eu ataupun Lebuhraya Karpal Singh tokoh dalam negeri, Dewan-Dewan dan sebagainya ada asal usul bila kita bersaing pula dengan sektor swasta yang nak pergi bubuh nama yang kita semua yang dipetik-petik daripada barat. Kita akan kehilangan identiti kita jadi di sini persoalannya ke hala mana kita hendak tuju kita hendak jadi Hong Kong, Taiwan atau hendak jadi Paris kah atau kita hendak kekal sebagai Pulau Pinang, Malaysia identiti kita. Jadi ini persoalan yang perlu difikirkan juga sebagai satu apa yang kita kata untuk warisan kita supaya tidak tenggelam. Isu kampung-kampung tradisional ini amat sensitif kerana kita dapati di sini pengusiran-pengusiran penduduk-penduduk yang tinggal di kampung-kampung ini menjadi satu isu yang cukup panas kerana dalam laluan masa yang terjadi ini pemilik-pemilik tanah telah bertukar tangan dan semuanya berminat untuk membangun tapak-tapak dan penduduk-penduduk asal akan kehilangan tempat.

Pulau Pinang perlu mempunyai satu dasar walaupun telah dikenakan syarat kepada pemaju sebelum mengemukakan pelan pembangunan kena selesai dahulu dengan *squatters* atau setinggan-setinggan tetapi kena ada satu dasar di mana setengah-setengah kawasan kampung tradisional ini tidak boleh dibangunkan perlu dikekalkan kalau tidak ada apa yang ada dikekalkan untuk kita. Jadi Dato' Yang di-Pertua perkara ini perlu dipertimbangkan dengan serius, simpan. Saya ingin membawa juga perhatian Dewan kepada sebelum saya pergi dah lupa dah isu ini perkara yang telah dinyatakan oleh kawan-kawan kita, bekas-bekas Yang Berhormat, tahun lepas kita ada menaikkan elaun-elaun dan gaji kakitangan ataupun ADUN dan EXCO selaras tuntutan semasa dan kos sara hidup. Bekas-bekas Yang Berhormat yang ramai dan semua parti-parti politik sekarang menghadapi masalah kehidupan kerana apa didapati di sini bahawa kebanyakan mereka mendapat pendapatan di bawah RM3,000.00 dan

memohon BR1M misalnya tinggal tidak minta JKM sahaja, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan bekas Ahli-ahli Yang Berhormat dan ada di kalangan kita yang meletak jawatan untuk bertanding jawatan-jawatan yang selesa, pegawai-pegawai kanan dan berhenti daripada menjadi Ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat dan sebagainya untuk berkhidmat kepada masyarakat. Jadi saya dimaklumkan di sini selain daripada bekas-bekas masyarakat balu-balu mereka ada seorang balu yang menerima pencen, balu wakil rakyat yang menerima pencen RM1,071.00 ini dah di bawah paras kemiskinan dan ada bekas wakil rakyat yang menerima pencen RM1,900.00 yang ini juga dah boleh jadi mudah miskin dan puratanya adalah dalam RM2,000 lebih jadi walaupun Kerajaan Negeri memberi alasan bahawa Parlimen tidak membelakangkan retrospektif kenaikan elaun dan gaji ini saya Negeri Pulau Pinang perlu memikirkan tentang kebajikan bekas-bekas wakil rakyat dan balu-balu wakil rakyat.

Buat masa ini kita dapati negeri-negeri jiran kita pun telah meluluskan penambahan kepada elaun pencen seperti contohnya Melaka dahulunya maksima RM2,050.00 sekarang RM4,500.00 pencen ADUN. Jadi adalah diharapkan Pulau Pinang akan yang juga ini termasuk negeri-negeri lain seperti Kedah dan Perak telah menambah pencen untuk bekas-bekas Wakil Rakyat supaya kita mengambil kira pengorbanan yang telah dibuat oleh wakil-wakil rakyat yang terdahulu dan juga balu-balu mereka dan supaya mereka ini dapatlah pencen dengan lebih selesa.

YB. Dato' Yang di-Pertua saya ingin mengalih pandangan kepada masalah tuntutan nafkah oleh ibu-ibu tunggal di Pulau Pinang. Apabila berlaku penceraian wanita mendapat perintah dari Mahkamah Syariah untuk bekas suami membayar nafkah anak-anak. Adalah dimaklumkan pihak mahkamah mendapati terdapat banyak masalah untuk melaksanakan perintah ini. Ini adalah kerana bila sudah bercerai suami hilang tidak dapat dikesan, bekas suami mengelak untuk menunaikan tanggungjawab membayar nafkah, memberi alamat palsu, pindah dan tanpa memaklumkan alamat dan sebagainya. Ada suami yang tidak mampu membayar nafkah tetapi mampu berkahwin lain, ada suami yang bercerai tinggal di Pusat Serenti dalam penjara, uzur tidak boleh bekerja dan sebagainya. Jadi Tabung Nafkah Negara ada menyediakan peruntukan yang diberi kepada Pulau Pinang sebanyak RM200,000 dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang menyediakan peruntukan tambahan kepada tabung ini untuk peruntukan sebanyak RM100,000.00 di dalam akaun amanah di mana ibu-ibu tunggal ini yang diceraikan boleh memohon kepada khidmat sokongan keluarga Mahkamah Syariah untuk mendapat bantuan. Kebanyakan ibu tunggal yang telah bercerai ini terlampau fobia sampai dah tak tahu hendak buat apa. Setengah tu terdampar di cerai dan ditinggal terdampar dengan anak-anak untuk disara jadi mereka tidak datang untuk mendapatkan sokongan keluarga ini dan kita dapati di sini oleh kerana ini tabung di bawah akaun amanah bantuan hanya akan diberi sekiranya jawatkuasa tabung ini berpuas hati si suami boleh membayar balik pendahuluan kerana bantuan ini berbentuk pendahuluan selama enam (6) bulan dan mereka akan meneruskan tindakan penguatkuasaan dan menuntut balik daripada suami untuk bayar dan bila dibayar duit ini masuk balik dalam tabung. Bantuan ini hanya terhad untuk enam (6) bulan sahaja, apa hendak jadi selepas bulan. Kes-kes dimana suami hilang berada di Pusat Serenti dan penjara, uzur, daif tidak akan dapat dipertimbangkan jika bayaran balik tidak dibuat walaupun sudah dibuat penguatkuasaan maknanya tabung ini akan susut. Penguatkuasaan terhad saya dimaklumkan bahawa hanya terdapat enam (6) orang penguatkuasa perintah ini, perintah kehakiman membayar nafkah di Jabatan Kehakiman Negeri Pulau Pinang dan ini adalah amat terhad.

Oleh itu, saya ingin mohonlah pada Kerajaan Negeri khususnya kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kehakiman supaya nombor satu mengubah kaedah peruntukan daripada akaun khas ni kepada bentuk bantuan terus. Kepada mereka yang tidak berkemampuan dan tidak perlu membayar balik dan MAIPP juga perlu menambah kakitangan penguatkuasaan daripada enam (6) orang tadi dengan pekerja-pekerja kontraklah dalam masa terdekat untuk meningkatkan kecekapan tadi. Keberkesanan *efficiency* untuk menguatkuasakan perintah mahkamah. Seterusnya juga, menambah jumlah peruntukan untuk sekurang-kurangnya *matching grant* kepada RM200,00.00 Ini akan dapat menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk betul-betul membantu ibu-ibu tunggal dan menjaga kebajikan warganya terutama ibu tunggal.

YB. Dato' Speaker saya ingin menyentuh pula tentang pembangunan tanah wakaf. Saya dalam soalan yang diutarakan kepada Kerajaan Negeri dan dijawab oleh Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kasim bahawa terdapat dua (2) projek yang sedang berjalan di atas tanah wakaf yang menggunakan peruntukan JAWHAR sebanyak RM117 juta yang disediakan untuk membangunkan tanah wakaf iaitu di Sungai Nibong RM28 juta untuk membangunkan 78 unit rumah dan di Telok Ayer Tawar sebanyak RM47

juta untuk membangunkan 152 unit. Projek tanah wakaf di Jalan Mengkuang tidak disenaraikan. Walaupun kita ambil maklum bahawa rumah-rumah setinggan itu semua dirobah, tinggal mungkin satu atau dua sahaja. Saya dimaklumkan juga setinggan-setinggan ini terpaksa menyewa di luar dan sampai sekarang projek belum dapat dimulakan dan rungutan mereka ialah sewa pun tak bagi dah, jadi ini menjadi masalah kerana mereka mungkin boleh tolong ambil perhatian lah. Juga Pangsapuri An-Nur di Telok Ayer Tawar tidak dinyatakan berapakah harga sewaan atau jualan yang akan dibuat nanti. Inipun menjadi tanda tanya oleh rakyat. Oleh kerana menggunakan peruntukan JAWHAR, tanah pun tanah Kerajaan Negeri di bawah wakaf MAIPP, maka adalah diharapkan perumahan-perumahan ini dapat disediakan dengan harga yang semurah mungkin untuk masyarakat Islam dan juga memberi peluang kepada mereka yang tak mampu untuk membeli rumah-rumah di yang dibekalkan oleh sektor swasta.

Juga saya dimaklumkan melalui jawapan oleh Kerajaan Negeri, terdapat banyak tanah-tanah Baitulmal di Negeri Pulau Pinang iaitu seluas 554.8 ekar. Tanah-tanah Baitulmal ini tidak patut dibiarkan begitu saja. Kita bimbang tanah-tanah ini diterokai secara haram. Bukan secara bukit diterokai secara haram, tanah-tanah Baitulmal ini rakyat kata ini kerajaan punya, tak ada sapa punya, siapa tak ambil tahu, dan terus diterokai atau di gunakan oleh orang-orang untuk membina rumah atau bercucuk tanam. Jadi, di sini saya menggesa seperti mana Wakaf Siti Aisyah dulu diadakan kerjasama dengan UDA untuk dibangunkan kerana tanah Baitulmal juga harus diberi perhatian supaya tidak terbiar, disalahguna, dimasuki oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya.

Ketiganya tentang sekolah-sekolah tahfiz. Baru tiga (3) hari lepas dan hari ni juga dimaklumkan Kerajaan Negeri ada memberi bantuan sikit kepada sekolah tahfiz di Telok Ayer Tawar yang terbakar. Memang sudah ada satu program ataupun usaha untuk memantau maahad-maahad tahfiz di Pulau Pinang. Sumbangan tahunan sebanyak RM1.75 juta. Jadi di sini kita dapati di Pulau Pinang maahad-maahad tahfiz ni tumbuh macam cendawan. Memang perlu pemantauan bukan sekadar untuk aspek pengajaran pembelajaran, keselamatan, kebajikan pelajar, di mana disediakan satu kurikulum bersepadu untuk 10 buah maahad tahfiz menggunakan sukatan pengajaran ini, ...(kurang jelas) dan 15 maahad tahfiz lagi menggunakan kurikulum tradisional dan sebagainya.

Kita harus juga melihat tentang proses-proses di mana mereka ini tumbuh seperti cendawan di rumah-rumah yang disewa, bangunan-bangunan yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk pembelajaran dan memang ramai orang di kalangan kita, rakyat Malaysia di Pulau Pinang ini bermurah hati mewakafkan rumah dan sebagainya, tetapi ada juga maahad-maahad tahfiz yang beroperasi di kawasan-kawasan yang amat daif. Jadi, oleh kerana ada lagi wang Baitulmal RM3.5 juta di sini dimaklumkan dan wang tawaqquf dan sebagainya, gunakanlah wang-wang dalam tabungan ini untuk membantu maahad-maahad tahfiz yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang. Saya nampak YDP MAIPP angguk-angguk tu *Alhamdulillah* la. Juga saya ingin membangkit tentang isu penjaja-penjaja kecil di Pulau Pinang...(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid bin Haji Saad):

Minta laluan YB. Telok Ayer Tawar. Saya nak minta sikit penjelasan nanti kepada Batu Maung. Adakah peraturan-peraturan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi untuk nak membuka pusat-pusat tahfiz ini. Adakah peraturan atau garis panduan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Batu Maung akan menggulung nanti. *Tag line Cleaner, Greener, Safer, Healthier Penang* cukup hebat. Kita cukup seronok tengok, bila masuk Pulau Pinang terpampang papan tanda. Saya minta kalau boleh tambah satu lagi, *Happier Penang*. Boleh ya? Okey. Kena usaha la macam mana nak jadikan *happier Penang. Happier*. Semua kan kita *EuroSentric*. Semua English. Seronok lah datang Pulau Pinang. Orang Pulau Pinang gembira. Ini legasi penjajah. Terlekat dalam sanubari kita. Terima kasih peringatkan saya.

Bila pihak-pihak berkuasa tempatan pergi mengambil tindakan meroboh gerai-gerai, merampas tempat-tempat peniaga, penjaja-penjaja tepi jalan ini semua. Ia menimbulkan banyak kegusaran. *Non-violence*. Yang menjadi tanda tanya kita ialah *selective enforcement* ni. Kenapa di setengah kawasan tu habis diambil tindakan. Kenapa setengah-setengah kawasan tu boleh berterusan berniaga dan sebagainya. Ini rakyat tanya dan saya pun membawa isu ini ke dalam Dewan. Ada yang lebih 10 tahun

menjual *burger*, cendol, keropok lekor, kuih-muih dan sebagainya. Saya beri contoh di Gurney Drive, Bayan Bay, Permatang Pauh, kawasan Seberang Jaya dan sebagainya, saya dimaklumkan memang sudah ada usaha untuk memberi lesen-lesen, mereka ini mungkin tidak berlesen dengan kos yang murah. Tapi yang pentingnya di sini kalau kita nak *cleaner, healthier, happier*, pihak Kerajaan Negeri seharusnya menjadi lebih *friendly*, mesra kepada penjaja. Mesra bukan kata bagi bebas untuk mereka menjaja di mana-mana tetapi sediakan kawasan yang sesuai. Penjaja perlu tempat yang strategik. Kalau bagi tempat-tempat yang tersorok jauh-jauh memang orang tak boleh nak cari makan. Mereka memang nak tempat yang tepi jalan, simpang-simpang di mana yang sesuai, sediakan dengan kemudahan api dan air seperti mana yang dibuat di *Gurney Drive*, hujung *Gurney Drive*.

Tapi ada permohonan banyak yang ingin membeli *food truck*. *Food truck* ini adalah konsep baru, bukan lah baru, tapi di Malaysia ini sudah ada popularitinya. Nak panggil apa, jenis perniagaan yang *mobile*, yang boleh. *Mobile* dia boleh *park* atau letak di tapak yang strategik. Sekarang kalau ada *food truck* berniaga, memang kena hambat, memang kena usir, memang kena kompaun. Kenapa tidak disediakan di kawasan-kawasan popular. Kita pergi *San Francisco* ka mana-mana memang ada. Kawasan yang disediakan untuk *food truck* ini letak dan berniaga dan tak mengganggu lalu lintas. Dan ini cukup popular, dan kita pun Pulau Pinang ini masyhur dengan *street food* dan kalau kata laksa ka, char koay teow ka, yang makan tepi jalan yang sedap.

Jadi ini kita hendaklah menggalakkan ini kerana apa sekarang dengan tekanan ekonomi, ramai rakyat Malaysia yang menganggur, yang terpaksa berhenti kerja dan sebagainya. Ini memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk menjadi penjaja dan peniaga kecil yang sah. Mendapat tempat untuk menjaja di kawasan-kawasan strategik supaya boleh cari makan.

Timbalan Ketua Menteri II:

Ini bukan la. Boleh bagi laluan? Ini bukan kritikan cuma soalan. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tentang isu perbaratan dan pemodenan. Perbaratan eurocentric dan juga pemodenan. Kita mengalu-alukan pemodenan tapi kita tidak mengalu-alukan perbaratan. Bagaimana kita pisah antara dua. Pemodenan dan perbaratan? Bagaimana?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

YB. Perai, itu kosmetik. Ia pada nama. Jadi, terpolung kepada kita. Kita nak bubuh *Esplanade Park* ataupun Taman Padang Kota. Jadi, itu pada kita. Tepuk dada tanya selera.

Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan ini bukanlah saya tujukan kepada Yang Berhormat, ini satu persoalan yang tidak boleh jawapan oleh pakar-pakar juga. Kita ambil kes Jepun. Jepun ini bukan perbaratan. Tapi pemodenan. Tapi masalahnya sekarang bolehkah Jepun ini mengasingkan antara pemodenan dan proses penjepunan. Macam mana? Jadi, itu satu yang tertarik dan ini bukan saya ini mau persoalkan pertikaikan. Ini satu yang kita rasa kita pun tak begitu selesa. Sebab ini isu penting sebab akibat kolonialisme, akibat imperialisme, pengaruh barat terhadap negara-negara rantau ini dan juga kita menghadapi masalah. Macam kes ini, saya setuju dan tertarik dengan YB. Ketua Pembangkang ini isu di mana kita memfokuskan kepada warisan kita, apa yang asli daripada kita bukan saja kita menonjolkan isu perbaratan dari segi bangunan, keluarga dan sebagainya dan saya rasa Melaka pun buat sama juga tapi kita ambil satu kes di Kedah Lembah Bujang itu, sebenarnya sejarah Melayu. Sejarah Melayu Pra Islam dan saya rasa bahawa sejarah Melayu bukan bermula di Melaka tapi di Kedah. Kalau kita lihat apa ini fakta sejarahnya tapi satu isu ini di mana Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan belum mengazetkan Lembah Bujang kerana sejarah tiga ribu tahun dua ribu tahun ini merupakan satu tempat yang paling intisari sebenarnya sejarah-sejarah Kedah, ini sejarah bukan sejarah orang India atau orang Cina ini sejarah Melayu Kedah saya rasa salah faham ini daripada Empayar Seri Vijaya dan sebagainya.

Tapi di sini Pulau Pinang juga baru-baru kita telah buat keputusan berdasarkan kepada dana Kerajaan Negeri untuk buat Galeri Gua Kepah lima ribu tahun dan ini walaupun kita tidak dapat satu sen pun dari Kerajaan Pusat, walaupun kita minta tapi mereka tak ada dana tapi walaupun dengan dana yang kecil kita minta kerjasama daripada Universiti Sains Akeologi dan kita rasa mungkin sebelum bulan sembilan, sepuluh kita ada galeri di Gua Kepah. Ini memang saya pun tertarik dengan isu ini sesuatu

yang asli kepada Pulau Pinang dan sebagainya, jadi isu ialah macam di George Town dan sebagainya ada banyak bangunan *Colonial* yang digazette sebagai *heritage* warisan saya rasa itu pun saya bukan kita tidak mahu tapi saya sebut kita beri satu keseimbangan antara sejarah dan warisan tempatan dan juga sejarah zaman *Colonial* dan sebagainya.

Saya rasa ini mungkin satu yang tidak boleh dielakkan oleh banyak negeri semenanjung juga seperti Melaka juga sejarah Portugal, sejarah Belanda, sejarah British. Seolah-olah kawasan ini tidak wujud sebelum mereka datang. Jadi saya setuju cumanya terpulanglah kepada Jabatan Warisan untuk meneliti perkara ini untuk membuat satu ideologi bagaimana kita nak mengazettekan bagaimana kita nak menjadikan tempat-tempat ini warisan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) :

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Telok Ayer Tawar terima kasih banyak saya suka merujuk kepada apa yang telah pun YB. Perai sebut tentang permohonan kepada Kerajaan Persekutuan, saya minta buat surat bagi melalui saya dan saya akan cuba sedaya upaya untuk angkat kepada Kerajaan Persekutuan untuk membantu dapatkan peruntukan bagi membangunkan kawasan Gua Kepah kita itu nanti. Itu kawasan Penaga tapi tak ada masalah kerana di Kepala Batas saya akan cuba bantu, boleh? Sudah okey gelanggang sudah okay, saya dimaklumkan sudah okay Padang Lalang cuba buat semakan semula, pergi cari, saya sudah sokong sepenuhnya. Sudah lulus saya ingat lagi, rekod. Cuba pergi tanya balik saya yakin peruntukan sudah diluluskan...(gangguan).

Sikit lagi. Saya tertarik juga apa yang disebut oleh YB. Telok Ayer Tawar bersangkut paut dengan penjaja-penjaja tadi terlibat juga di kawasan saya, kalau boleh kita mintalah kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk bagi kerjasama sebab sudah tentulah kita faham dengan kedudukan dan keadaan ketika ini mereka yang tidak ada kerja berusaha untuk nak buat penambahbaikan pendapatan keluarga dengan secara berniaga secara kecil-kecilan dengan berniaga di tepi jalan, usaha-usaha yang kita nampak cukup murni ini. Malangnya mereka terima surat untuk dirampas dan sebagainya dan telah pun terbukti sebelum ini jelas terbukti. Saya tak mahu nak sentuh dari segi bangsa takut disebut rasis dan sebagainya tapi jelas kebanyakannya dari pengusaha-pengusaha Melayu, penjaja-penjaja Melayu. Saya suka ambil contoh tak payah la kita pergi sampai San Fransisco kita ke Negeri Sembilan, Y.A.B. Menteri Besar Negeri Sembilan sendiri luahkan pendapat, buah fikiran bagi teguran kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan pastikan tidak ada sebarang tindakan diambil kepada peniaga-peniaga, penjaja-penjaja yang bersusah payah berniaga di jalan asalkan pendapatannya halal di Negeri Sembilan ambillah contoh, Pulau Pinang ambillah contoh. saya merayu kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan terutama sekali di kawasan-kawasan kampung seperti di belah saya sana Pinang Tunggal dan saya yakin dan percaya juga di tempat-tempat lain pun sama terima kasih banyak dapat buah fikiran yang di bawa oleh YB. Telok Ayer Tawar dalam isu ini. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya tambah sikit, saya setuju dengan pandangan Telok Ayer Tawar dan disokong juga oleh Pinang Tunggal dimana baru-baru ini kejadian di KADUN Bertam sendiri di mana gerai laksa didirikan bukan di atas tanah Kerajaan tetapi dirikan di atas tanah Perda yang terletak di hadapan Masjid Kepala Batas cuma menjual laksa dan air kelapa muda untuk menyara keluarga seramai hampir tujuh (7) orang itulah pendapatan yang ada pun dirobokkan, dirobokkan dan dipungkah dan macam-macam dan saya rasa dalam keadaan ekonomi yang pada hari ini, saya minta sangat-sangat ke atas budi bicara Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran supaya kita lebih bertolak ansur untuk melihat rakyat Pulau Pinang untuk hidup dengan selesa dan saya juga tertarik dengan persoalan oleh Perai berkenaan dengan kementerian berlandaskan kebaratan.

Jadi saya sebenarnya apa yang saya faham dari Telok Ayer Tawar adalah tidak salah untuk kita maju kedepan, kita mengaplikasikan sesuatu yang moden tapi harus kita mengekalkan ciri-ciri warisan kita tidak salah untuk kita kekalkan nama-nama yang telah ada sekian lama tidak perlu kita tukarkan, ini adalah warisan bagaimana yang Perai juga sebut di Kedah kita ada Lembah Bujang sampai hari ini pun nama tersebut masih sedap didengar tapi tak tahu lah Kerajaan Negeri Kedah akan tukar kepada

bachelor valley ka kita tak tahu tapi dia tetap Lembah Bujang sama ada warisan Seri Vijaya, India, Melayu tapi itu adalah warisan yang harus kita kekalkan jadi saya minta sangat-sangat di bawah Kerajaan yang *Greener, Cleaner, Safer and Healthier* ini nama-nama yang kita sebut tadi kita harus kekalkan ini adalah untuk generasi kita masa hadapan. Kalau hari ini kita menukar nama-nama tersebut kepada nama Inggeris walhal kita telah merdeka sekian lama kita sebenarnya telah kembali kebelakang, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Okey, okey saya rasa Telok Ayer Tawar perlu sambung.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Telok Ayer Tawar saya nak minta sedikit sahaja penjelasan...(gangguan) sedikit sahaja. Dato' Speaker terima kasih, saya rasa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal itu tidak tepat bahawasanya tindakan diambil keatas penjaja-penjaja hanya berdasarkan kepada kaum-kaum tertentu kalau kita benarkan perkara itu tidak dijawab esok lusa saya risau Utusan dan TV3 mungkin akan memberi *coverage* kepada perkara tersebut kononnya bahawa pihak berkuasa tempatan hanya ambil tindakan(gangguan) sebentar Yang Berhormat berilah peluang....(gangguan) tak adil membuat kenyataan begitu YB. Pinang Tunggal(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Telok Ayer Tawar, saya nak perbetulkan apa yang Seri Delima sebut...(gangguan) saya berlapak tak kira tengok janggut ini, berlapak dalam cakap ini...(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat tak boleh buat tuduhan begitu...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) :

Saya tak buat tuduhan pun, saya nak sebut tadi...(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) :

Mereka tak terbela, kalau mereka tak terbela siapa yang akan membela mereka? Pihak Berkuasa Tempatan jangan mengatakan bahawa tindakan diambil hanya berdasarkan kaum tertentu sahaja....(gangguan) di kawasan saya pun terlibat ada tindakan diambil terhadap orang India....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Oleh kerana tertanamnya dalam pemikiran dalam benak pemikiran Seri Delima maka inilah yang ... (gangguan) berkali-kali benda yang sama diulang saya ingat sampai akhir penggal Seri Delima tidak akan berubah....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan menuduh, saya minta YB. Pinang Tunggal jangan membuat pertuduhan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya tengok dari Ayer Putih pergi pusing sampai semua....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya beri peluang ucap okey duduk....(gangguan) semua duduk..Satu dua sila duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

(Gangguan) bila boleh berubah ini...(gangguan) Saya ambil perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain boleh berubah kenapa Seri Delima tak boleh berubah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sekali lagi saya hantar kedua-dua keluar serius, serius...(gangguan) duduk...(gangguan), Telok Ayer Tawar sambung yang kenyataan itu tadi kita dengar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak sambung cerita peniaga-peniaga kecil ini sikit lagi. Bukan sahaja untuk penjaja-penjaja Kerajaan Negeri dalam keadaan ekonomi yang begitu mencabar sekarang seharusnya mengalakkan dan membantu di dalam penubuhan pasar-pasar tani. Saya pun tidak faham permohonan daripada FAMA untuk menubuhkan pasar-pasar Tani ini tidak dilayan. Saya bagi kenyataannya permohonan pada 11 November 2010 untuk di Pinang Tunggal, Kepala Batas tidak ada jawapan, Sungai Dua dari Disember 2010 tak lulus. Tapak PKS Tasek Gelugor tahun 2012 tak lulus, Pusat Komersial Tasek Gelugor dari 2011 tidak lulus, Jalan Zainal Abidin George Town dari 2011 tidak lulus, Simpang Ampat Permatang Buluh dari 2014 tidak ada jawapan sehingga sekarang, Persiaran Tanjung Tanjung Tokong dari 2014 tak lulus buat rayuan pun tak lulus, Masjid Timah SPT tak ada jawapan, Pekan Nibong Tebal SPS tak ada jawapan, RTC Simpang Ampat SPS tak ada jawapan. Kenapa tak mahu bagi tubuhkan pasar-pasar tani? Ia usaha untuk memberi ruang niaga tetapi membasmi orang tengah kerana peniaga-peniaga ini boleh menjaja membawa barang-barang sendiri dan rakyat untung kerana dapat beli barang-barang murah. Kalau ada isu-isu yang perlu diperbaiki bagitahu pihak-pihak FAMA dan tentang apa perlu isu dibaiki tetapi jangan tak jawab dari tahun 2010 sampai sekarang, buat rayuan pun tak jawab. Jadi saya minta ada satu sikap positif di kalangan di pihak Kerajaan Negeri. Biarlah peluang rakyat dapat barang-barang yang fresh segar peluang kepada orang niaga dibuka dan di Bagan Ajam kawasan saya pihak LKIM telah pun membuat permohonan untuk membuat pasar nelayan di Jeti Bagan Ajam dan ini akan menyediakan ikan terus dari nelayan dan ini peluang kepada nelayan dan rakyat untuk beli ikan murah. Saya bagi contoh ikan kembung di bot nelayan jual RM5 di pasar jual RM12 siapa yang buat untung? Orang tengah jadi inilah kita hendak supaya rakyat dapat menikmati kos sara hidup yang dapat kita bantu rendahkan, jadi saya harap ada sikap positif dari Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, sedarkah YB. Telok Ayer Tawar bahawa pasar tani FAMA telah berjaya menyumbang sekurang-kurangnya yang saya tahu daripada bulan Januari sampai bulan Mac tiga bulan sebanyak RM800,000.00 satu pasar tani cuma tiga bulan. Ini merupakan penyumbang ekonomi yang cukup tinggi lebih-lebih lagi kepada mereka yang berniaga kecil-kecilan dan sebagainya, jadi Pihak Kerajaan Negeri perlu menyokong dan memberi ruang dan peluang kepada peniaga-peniaga di seluruh kawasan kerana ini bukan sahaja kepada peniaga tapi peluang kepada masyarakat Pulau Pinang untuk membeli barang yang murah dan *fresh*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya rasa Kerajaan Negeri fobia kalau tengok Agensi Kerajaan sebut FAMA saja dah tak payah timbang masuk fail bawah meja. Kenapa tidak jawab? Kalau ada isu duduk bincang dengan FAMA tentang ini tidak sesuai tentang apa-apa yang perlu diperbaiki.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, saya baru hendak pergi kepada, tadi baru mukadimah. Dato' Speaker, akhir-akhir ini memang Pulau Pinang panas. Banyak persoalan -persoalan yang ditimbulkan di luar. Saya tidak mahu timbul balik dalam Dewan ini tetapi saya rasa rakyat perlu beberapa penjelasan.

Saya hendak bangkitkan tentang penjualan tanah Taman Manggis kepada KLIDC. Saya dimaklumkan di sini, tender dikeluarkan pada tahun 2010 dan pada 2011 telah pun dikeluarkan surat tawaran kepada KLIDC. Di dalam surat tawaran itu, ini cerita tender itu pun sudah banyak soalan. Kenapa satu syarikat saja yang lulus dan yang lain semua macam-macam sudah di *strike out* oleh ROC, ROS dan macam-macam? Jadi ini tidak mengapa biar di jawab tapi yang pelik di sini, saya hendak tanya untuk penjelasan oleh Kerajaan Negeri. Harga jualan RM11,552,028, RM522,208. Syarat-syarat di dalam surat surat tawaran itu menyatakan bahawa KLIDC ini kena buat permohonan merancang dalam masa setahun. Ia kena bina siapkan projek dalam masa tiga (3) tahun. Ia kena memperoleh kebenaran daripada Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan lesen buat hospital dalam masa satu (1) tahun. Kalau syarat-syarat ini tidak dipatuhi tawaran ini akan di tarik balik. Dimaklumkan juga pada 22.7.2010 perjanjian tawaran dikeluarkan tetapi KLIDC ini telah memajak tanah ini kepada bank, AmBank dengan harga yang sama RM11,400,000 lebih pada tahun yang sama selepas beberapa bulan saja surat tawaran. Ada *discrepancy* saya rasa perlu di jawab oleh Kerajaan Negeri. Tawaran adalah kepada pajakan 99 tahun bermula daripada tarikh perjanjian tawaran di terima. Di sini pajakan 99 tahun bermula pada tahun 2015, telah lima (5) tahun tawaran itu diberi dan apabila digadai kepada bank, adakah pindah milik telah dibuat? Kalau pindah milik belum dibuat siapa yang sanggup tandatangan gadaian?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Ketua Pembangkang. Ini untuk memudahkan perbincangan YB. Telok Air Tawar kerana tadi YB. Telok Ayer Tawar telah mengeluarkan kenyataan yang bercanggah dengan diri sendiri kerana pada awalnya sebut bahawa tanah ini dipajak gadai pada tahun 2010 tapi pula menyatakan bahawa hak milik geran hanya dikeluarkan pada 2015.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tanya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya tapi Yang Berhormat seorang *lawyer* macam mana hendak gadai tanah bila ia tidak ada *title*? Kalau Yang Berhormat bukan *lawyer* saya boleh faham. Yang Berhormat seorang peguam kanan. Kalau sebuah..(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sindir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini bukan sindir. Ini hakikat. Kalau seorang *lawyer* patut tahu apa *title* tidak boleh pajak gadai tanah. Macam mana buat *charge* tanpa *title*? Ini saya rasa sesuatu yang harus semua *lawyer* patut tahu tidak jadi *lawyer* pun tahu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini bukan *lawyer* yang saya hendak tanya Yang Amat Berhormat sama ada satu PA.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu yang saya sebut

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kerajaan Negeri bagi PA?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mana boleh ada PA dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kalau tidak ada *title* so kita kena berdasarkan fakta. Di sini Kerajaan Negeri tidak ada apa-apa hendak sembunyi. Kita bersedia untuk berdepan jawab apa-apa soalan tapi jangan buat kenyataan yang tidak masuk akal. Tidak ada *title* macam mana boleh pajak gadai kepada bank. Ini yang tidak betul. Kita rela jawab tapi berdasarkan fakta bukan khabar angin atau fitnah dan tohmahan. Pertama jelas *title* hanya dikeluarkan pada 2015. Apa-apa dakwaan bahawa dipajak gadai sebelum ini tidak mungkin timbul kerana macam mana boleh buat *charge* atau gadaian tanpa *title*. Apa-apa soalan seterusnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kurang jelas. Maksud Air Putih *title* dikeluarkan pada tahun 2015. Macam mana ia digadai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya. Itu yang saya tanya. Kalau tarikh 2011 macam mana boleh gadai tanah yang tidak ada *title*?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ada laporan yang dibuat di SSM pada 22.11.2011, ada *charge* sebanyak RM11,454,000...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Charge apa?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Oleh Kuala Lumpur International Dental Center Sdn Bhd.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Adakah ini gadaian atau hanya satu surat perjanjian saja? Dari segi *fact duty and charge and debenture*. Saya rasa tidak akan Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

It is charge because perkataan guna *charge* Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekiranya begitu itu tidak betul.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta penjelasan. Saya tidak tuduh, saya minta, bagi penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebagai seorang lawyer yang terhormat tahu bahawa *title* dikeluarkan 2015. Kalau *title* dikeluarkan 2015 tanpa *title* macam mana boleh buat *charge* tidak mungkin berlaku dan bila *title*, ini terakhir, bila *title* dikeluarkan ia masih bersih tidak ada sebarang gadaian, cagaran atau *income bill*. Sehingga sekarang masih bersih dan milikan tanah ini masih milikan KLIDC. Baik.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey saya hendak tanya di sini. Bagaimana terdapat di sini pengeluaran kalau betul Yang Amat Berhormat tadi hak milik dikeluarkan pada tahun 2015 dalam perjanjian tawaran ia kena bangun dan kena kemukakan pelan perancangan, siapkan projek dalam masa tiga (3) tahun dan kalau tidak ikut tidak patuhi syarat-syarat ini tawaran akan ditarik balik. Kenapa sampai sekarang projek tidak dijalankan? Saya pun tidak tahu sama ada pelan perancangan telah dikemukakan dan sebagainya. Kenapa Kerajaan Negeri berdiam diri dan tidak mengambil tindakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat. Ini baru soalan yang berdasarkan fakta bukan seperti sebelum ini tidak berasas. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa selepas surat tawaran dikeluarkan pada 2010 pembayaran penuh dibuat pada 2011 dan *title* hak milik geran hanya dikeluarkan pada 2015. Itu hampir empat (4) tahun kemudian dan tentu ini merugikan pihak yang membuat bayaran. Dia sudah buat bayaran tapi tidak dapat *title* dan mengapa begitu. Dua (2) perkara utama yang pertama mesti dapat lesen penuh hospital. Itu adalah satu kesukaran, kesulitan yang hampir menggagalkan projek ini kerana tanpa lesen hospital, lesen penuh itu hospital tidak mungkin projek ini boleh berjalan kerana bercanggah dengan tujuan matlamat asal Kerajaan Negeri untuk mempromosikan pelancongan perubatan, *medical tourism*.

Pada asalnya pada awalnya KLIDC membuat permohonan tetapi di tolak untuk diluluskan lesen hospital penuh hanya diberikan *neath hospital* iaitu sampingan dari segi perkhidmatan perubatan secara *neath hospital* dan hanya selepas diusahakan kemudian baru diluluskan lesen hospital penuh. Sebab dikeluarkan ialah terlalu banyak hospital telah di kawasan Pulau Pinang. Itulah sebab yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia tapi akhirnya mereka bersetuju dengan pandangan yang diberikan bukan saja oleh pihak Kerajaan Negeri tetapi pihak KLIDC bahawa dari segi pelancongan perubatan memandangkan bahawa ada permintaan daripada pesakit-pesakit daripada luar negeri maka ia diluluskan. Di sini kita boleh lihat betapa sukar untuk dapat lesen. Apa guna ada tanah ada bangunan kalau tidak ada lesen memang ia tidak akan menepati hasrat asal Kerajaan Negeri untuk mempromosikan *medical tourism*.

Kedua, Kerajaan Negeri hendak pastikan bahawa projek ini tetap jalan. Oleh itu, itu sebab *title* hanya dikeluarkan apabila pelan kebenaran merancang dibentangkan dan diluluskan. Itu sebab mengapa ia ambil masa begitu banyak sebenarnya....(gangguan) ya boleh tanya, tidak mengapa tetapi setelah saya habiskan ayat-ayat terakhir ini dulu. Sebenarnya ia merugikan tradisi kerana dia bayar tidak dapat *title* empat (4) tahun, tak dapat *title*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak rugi Yang Amat Berhormat kerana pajakan dia sudah dibawa ke hadapan dia mula 2011 bermakna dia sudah untung empat (4) tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dari segi faedah yang kena bayar itu bukan jumlah yang kecil di sini tidak boleh cakap ada faedah saja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Faedah empat tahun lebih rendah lagi daripada *value*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa itu subjektif. Sekiranya kita bayar wang kita hendak dapat benda ini dengan cepat tapi di sini mereka terpaksa empat tahun supaya kita pasti bahawa pelan merancang dibentangkan dan diluluskan. Silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya hendak tanya, kalau tadi Yang Amat Berhormat kata susah hendak dapat lesen. Persoalannya kenapa lesen tidak di ambil atas nama KLIDC? Lesen di minta di bawah Victoria International Specialist Hospital? Kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa masalahnya?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kenapa lesen tidak di ambil atas nama tuan tanah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa masalahnya ia di bawah KLIDC? Ia juga dimiliki oleh KLIDC.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jawapannya Victoria International Specialist Hospital ini anak syarikat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya. Ia dimiliki oleh KLIDC dan bersama-sama akan usahakan projek hospital ini. Ini tidak menimbulkan masalah. Masalahnya sukar untuk dapat lesen hospital.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tapi kata dia rugi tidak betul juga akhirnya kalau *cepu*, *cepu* dia untung. Dato' Speaker, soalan lagi. Saya juga hendak tanya untuk penjelasan kenapa di tukar sebab dalam surat tawaran adalah 99 tahun pajakan untuk hospital? Kemudian, *along the way* ditukar *land use* kepada hospital dan *service suite*? Ini melibatkan kenaikan daripada nilai kerana *built up area* telah bertambah dan ini melibatkan juga nilai pajakan tadi. Kenapa dibuat ataupun tidak di tender semula ataupun *negotiate* ataupun dirunding semula dari segi nilai pemberian pajakan ini apabila telah diubah kegunaan tapak tanah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Medical tourism bukan sekadar hospital sahaja. Ia adalah suatu konsep holistik, menyeluruh merangkumi bukan sahaja rawatan tapi *post operative* dan juga penginapan untuk ahli-ahli keluarga mereka. Sekiranya Yang Berhormat ada pergi tengok itu industri atau sektor *medical tourism* di Singapura, ada tempat penginapan untuk ahli-ahli keluarga, dan juga ada *post operating care*. Ini adalah sebahagian daripada konsep *medical tourism*. Ini bukan hanya satu *stand alone* hospital. Seperti yang saya sebut, dari segi kegunaannya, sebahagian besar hospital, tapi ada ruang untuk hotel supaya dapat menampung keperluan ahli-ahli keluarga untuk mencari tempat untuk tinggal supaya mereka pun boleh jaga pesakit-pesakit. Kalau mereka datang sekiranya mereka datang daripada Indonesia dan sebagainya, tentu mereka mahu duduk di tempat yang berhampiran dengan pesakit-pesakit. Itulah sebabnya.. (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Itu keperluan...(gangguan), Itu sinergi dari segi pembangunan. Tapi isunya di sini bila telah di ubah guna tanah itu, ditambahkan *built up area* maknanya nilai tanah itu telah berubah kerana sebab asalnya dibuat tawaran sebagai *medical center* dan sekarang dah jadi *medical center plus plus*. Kenapa tak di runding semula dari segi nilai itu tadi, nilai pajakan. Kenapa Kerajaan Negeri perlu kerugian dalam hal ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak lihat macam mana pihak Kerajaan Negeri kerugian. Yang pertama seperti yang saya sebut, sukar untuk dapat lesen hospital penuh. Kalau kita lihat keadaan sekarang, bukan saya kata Pulau Pinang tetapi juga di negeri-negeri lain, bukan senang untuk dapat lesen hospital penuh lebih-lebih lagi di Pulau Pinang, yang pertama. Yang kedua, kalau kita sebut dari segi nilai, ia serupa. Dari segi ruang ataupun *density*, ia sama. Tidak ada perbezaan, kerana kalau kita lihat ruang yang diberikan untuk hospital, ia juga digunakan sebahagian untuk menyokong industri pelancongan perubatan dan juga jangan lupa bahawa ia tidak boleh dijual. Sama seperti konsep hospital, tidak boleh dijual. Saya rasa dari segi ini, ini adalah konsep *medical tourism* yang holistik ataupun pelancongan perubatan yang menyeluruh supaya kita dapat merangkumi keperluan-keperluan bukan sahaja pesakit tetapi juga ahli keluarga mereka.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Speaker, kita sekarang Pulau Pinang ini dihidangkan dengan berbagai projek mega. Antaranya di sini ialah *wharf againt eurocentric*. Seronok Gurney Wharf ni semua. Saya ingin menyingkap kembali sejarah. Pada tahun 2002 dahulu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa itu telah mengumumkan pembinaan Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) yang melibatkan pembinaan lebuh raya sepanjang 18km dari Tanjung Tokong ke Jambatan Pulau Pinang di Gelugor. Susulan daripada itu, pihak-pihak badan berkepentingan, NGO, menubuhkan *No PORR Community*, Jawatankuasa Tidak Kepada Lebuhraya Lingkaran Pulau Pinang. Mendesak kerajaan untuk membatalkan projek kerana melibatkan pemotongan bukit, penambakan laut dan melibatkan alam sekitar yang terjejas. Tiga (3) Wakil Rakyat DAP menentang hebat, termasuk Ahli Parlimen Tanjong sekarang, ADUN Pengkalan Kota, ADUN Kebun Bunga, setelah ditentang hebat, Projek PORR dibatalkan. Ironinya sekarang, Kerajaan DAP sendiri merancang dan akan melaksana ...(gangguan) PAKATAN? Oh saya tak tahulah. Saya ingat DAP la yang *front runner* tu. Kepala gerabak keretapi. Membina lebuh raya 8 laluan menghubungkan Gurney Drive ke North Island, Penang Island Link Island North Coastal Highway melibatkan sampai ke Terowong Dasar Laut sampai ke Bagan Ajam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta jalan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak habis lagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta jalan. Saya nak betulkan dua (2) perkara sebelum kita kerana mesti berdasarkan fakta. Yang pertama Persiaran Gurney, Gurney Drive ini adalah nama yang telah digunakan selama ini. Betul tak? Mengapa pula cuba menyalahkan pihak Kerajaan Negeri sekarang tentang penggunaan Gurney. Gurney telah digunakan sebelum ini. Jadi saya harap janganlah cuba menyatakan bahawa ini sama dan tadi Yang Berhormat tentang Esplanade Park. Saya pada asalnya tak mahu jawab tapi Esplanade Park ini adalah untuk suatu gerai. Ini komersial. Jadi dia nak gunakan Esplanade Park. Tapi nama asal Padang Kota Lama masih dikekalkan di kawasan padang itu. Esplanade Park ialah nama untuk suatu gerai komersial di mana mee sotong kita semua suka makan mee sotong, semua kat sana. *coconut shake*, nak minum boleh pergi minum sekarang. Itulah sebagai satu (1) tarikan komersial tapi janganlah cuba campur adukkan dengan perkara-perkara lain. Padang Kota Lama namanya masih kekal, itu adalah komersial. Sama dengan Gurney. Gurney adalah nama lama masih dikekalkan. Saya harap bahawa tolonglah bercakap berdasarkan fakta, dan PORR tidak merangkumi lebuh raya lapan (8) laluan yang dicanangkan untuk Gurney Wharf atau pun Persiaran Gurney. Itu tiada kaitan dengan PORR, PORR juga tidak ada kaitan dengan terowong bawah dasar laut yang dicadangkan. Saya harap bahawa tolonglah, tolonglah ikut fakta. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Memang saya pun tak kata ini macam PORR. *Did I say that?* Saya kata dulu PORR nak buat, tak jadi buat dah. Sekarang Kerajaan Negeri nak buat *more than* PORR. Lebih daripada PORR. (gangguan). Ini cukup *ambitious*, memang ini akan melonjakkan Pulau Pinang ke abad yang baru dan sebagainya akan dibuat tambakan laut lagi. Wujudkan kawasan tambakan sebanyak 53 hektar. Betul tak? Kerajaan Negeri ada membuat pameran, penerangan, antaranya adalah *public park*, taman awam. Taman dalam bandar *with the penang spirit*. Katanya dalam perancangan itu. Mengikut ilham arkitek seni taman bertaraf antarabangsa. Jadi bila sebut *Penang Spirit* ini, saya teringat balik kepada....(gangguan), di mana kita dapati reka bentuk taman di buat oleh pakar luar negara. *Armenian Park* ini kecil lah nak banding *public park* ini tadi. Tapi di *Armenian Park* ini akan di letak di suatu sudut apa di panggil *Compound Spirit*. *Compound Spirit* adalah berbentuk macam *icon*, ada *idol* dan kita bimbang sebab ini konsep barat. Saya pun tak tau kalau dalam budaya cina ada *Compound Spirit*. Tapi ini, saya nak bangkitkan di dalam mereka bentuk taman, biarlah mengambil kira sensitiviti masyarakat. Kalau boleh *Compound Spirit* ini tak usah la bubuh kerana ianya ia akan menjadi tempat sembah kerana orang Islam tak akan pergi sembah tapi kita takut yang orang yang tak faham tu....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa saya nak penjelasan. Bila Yang Berhormat sebut tentang *Compound Spirit*. Adakah ia bermakna semangat dari segi konsepnya atau dari segi agama? Kerana saya tak faham kenapa pula timbul *Compound Spirit* dan untuk disembah? kerana bila kita sebut tentang *Armenian Park*, Yang Berhormat kena ingat *Armenian Park* adalah satu usaha sama di antara Kerajaan Negeri dan juga *Twin City* di bawah Kerajaan Persekutuan dan mereka tidak terlibat dalam hal ehwal agama. Mereka hanya nak buat taman sahaja. Jadi tak ada *spirit*, tak ada roh-roh untuk disembahyangkan....(gangguan). Itu khurafat. Tak ada kaitan langsung. Kalau kita sebut dari segi konsep, saya harap kita jangan cuba campur adukkan dengan agama. Tak ada kaitan langsung dengan agama.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini *konseptual* tetapi dia jadi fizikal, dia diletakkan suatu macam bentuk *shrine* untuk *Compound Spirit* tu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Di mana di letak itu?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Di suatu sudut. Pergi tengoklah. Kita sama buat lawatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dekat mana letak itu?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Di *Armenian Park* itu. Ia ada suatu bentuk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

ADUN Kawasan KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Sebenarnya apa yang cakap itu, *shrine* itu adalah tokong datok kong lah. Sebenarnya tempat itu, *shrine* itu asalnya di sana. Selepas buat naik taraf, cuma pindah ke suatu sudut sahaja. Asalnya pun ada di sana. Bukan apa *spirit* apa ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya haraplah, taman-taman ini adalah *public park*, taman awam. Kalau nak buat *shrine* ke asal ke apa ke simpan, biarlah suatu sudut lain. Jangan letak di sudut awam.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Tapi asalnya ada. Ini adalah 1 Malaysia.... (gangguan)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tolong asingkanlah.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Apa asingkan? ia ada di sana. Mengapa? Mempertahankan. Tempat itu ada, bukan kita *create* baru. Adakah Ketua Pembangkang cakap orang Cina tak boleh sembahyang?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak. *I don't say that.*

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Bukan, *you* sekarang cakap itu kita *create*, kita bukan *create*....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dapat penjelasan, ini memang dah ada. Ok....(gangguan).Tapi jangan la masukkan *part of* sebahagian daripada *public park*.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Itu dulu ada. Takkan itu dulu ada *you* nak pindahkan dia. *Existing* dekat sana. Faham tak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mungkin Yang Berhormat kurang faham. Ini adalah warisan. Ia dianggap juga sebagai warisan. Ini bukan ada kena mengena dengan agama, bila itu taman didirikan, ia di didirikan secara usaha sama dengan *Twin City* dan mereka nak kekalkan apa yang sedia ada sahaja. Tidak lebih daripada itu. Yang itu pun tidak lebih daripada kawasan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita harap warisan ini jangan dicampur aduk dengan agama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini peninggalan warisan yang sudah sedia ada dekat sana dan ia tidak dibesarkan. Ia hanya sama saiz.....(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau nak dibuat satu (1) keputungan ke apa ke, *define* kawasan tu khas untuk orang yang ... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa ini bukanlah satu semangat atau pendekatan yang terbuka... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nak terbuka apa kalau *public park* ada *shrine*, *what image does it?*

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi ia dipindahkan ke suatu sudut yang tidak jelas. Jadi mengapa pula timbulkan perkara ini yang menaikkan sensitiviti?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bukan saya sensitif. Orang situ sensitif. Saya bawa masalah... (gangguan), Dia orang akan hantar surat...(gangguan), Kerajaan Negeri akan *deal* dengan isu ini bila dah terima bantahan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang belum terima tapi Yang Berhormat Ketua Pembangkang tahu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sebab dia orang mengutarakan masalah kepada saya. (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah yang kita tanya tadi....(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bila saya seorang bangkitkan isu ini, seolah-olah saya saja yang ini. Isu nya isu rakyat... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang ialah Kerajaan Negeri belum terima tetapi YB. Ketua Pembangkang sudah tahu. Adakah YB. Ketua Pembangkang terlibat secara langsung atau tidak, dalam untuk perkara ini yang berkaitan dengan satu peninggalan warisan agama... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini dibangkit di dalam satu konvensyen.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mengapa nak *provoke* perkara ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Konvensyen Sejarah.... (gangguan). Saya dah suruh persatuan itu kemukakan secara bertulis. Itu saja. Jangan tuduhlah yang bukan-bukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak tuduh. Saya cakap bahawa bila Kerajaan Negeri belum menerima sebarang aduan, YB. KOMTAR, ADUN kawasan ini pun tidak terima sebarang aduan. Mengapa pula YB. Ketua Pembangkang sebut bahawa surat aduan akan dibuat. Ini saya rasa ini tidaklah sihat. Ini tidak sihat, saya cakap terus-terang, kalau kita nak mainkan perkara ini, saya rasa ini adalah sesuatu yang tidak sihat dan ini adalah suatu tinggalan warisan yang sedia ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya pun tak mahu mainkan....(gangguan). Saya kata ini sensitif, ini sensitif.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya nak tanya konvensyen tu bila diadakan? Dan perkara ini berlaku dalam konvensyen *is it?*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dibangkitkan oleh persatuan dalam konvensyen. Saya teruskan Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Oleh kerana dah disebut tadi *the spirits of Penang*, biarlah roh ataupun semangat Pulau Pinang ini dipamerkan sebagai satu yang dapat dirasai, dihargai, dinikmati oleh rakyat keseluruhannya. Jadi, saya ingin merujuk kepada pelan *Penang Transport Master Plan*, Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Ini satu perkara yang besarlah kepada rakyat Pulau Pinang. Memang kita akui Pulau Pinang perlu menyelesaikan isu pengangkutan. Kesesakan jalan raya memang dah lama menjadi masalah di Pulau Pinang. Di dalam pembentangan projek ini ditunjukkan berkali-kali kesesakan yang berlaku apabila laluan bertingkat itu sedang dibina, tetapi kesesakan kritikal seperti itu bukan berlaku hari-hari, spesifik kesesakan itu berlaku pada semasa laluan bertingkat itu belum siap sedang dibuat pembaikan lepas itu dikurangkan. Persoalannya di sini adakah rakyat Pulau Pinang, nombor satu (1) tentang Gurney Wharf itu tadi, adakah rakyat Pulau Pinang 1.6 juta yang mana 50% duduk di Seberang, 50% duduk di Pulau memerlukan sampai 60 ekar Taman Bandar ini? Adakah kita perlu sampai 60 ekar atau pun 24.28 hektar, saya tidak tahulah yang lain-lain, sebab saya warga emas 60 tahun kalau hendak suruh saya jalan dalam taman 1 hektar pun tidak mampu, ya tepi laut pun saya jalan juga...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau macam itu Yang Berhormat cakap 60 ekar atau apa-apa yang ini terlalu besar, apakah pandangan Yang Berhormat? Adakah perkara ini harus dikecilkan kepada saiz berapa? 10 ekar, tidak cukup macam mana?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak sampai di situ lagi...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tadi Yang Berhormat sebut tidak ada kemampuan untuk berjalan, bersiar keseluruhan 60 ekar, kalau begitu apakah saiz yang perlu, kita sedia terima pandangan, kalau bukan 60 ekar, berapa?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dia macam ini, saya belum sampai ke apa yang saya ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang saya tanya kalau 60 ekar tidak sesuai, berapa? Harus dikecilkan kepada berapa, jawablah mudah sahaja, kami akan ambil pertimbangan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Perancangan yang dibuat oleh pereka bentuk tentu bergantung kepada TOR yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan ini adalah seperti yang kita cadangkan berapakah keluasannya, tetapi sekiranya Yang Berhormat rasa ia terlebih besar, iya tolong beri tahu apakah saiz, kita tentu akan pertimbangkannya. 60 ekar terlalu besar, berapa? 30 ekar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tentu Air Putih tidak payah nak mendengar cakap saya seorang sahaja, biarlah rakyat Pulau Pinang diberi peluang untuk memberi maklumat. Kalau tanya saya tidak payahlah besar-besar sangat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apakah pandangan Ketua Pembangkang? Kalau 60 ekar terlalu besar, apakah size yang ideal?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak mahu sebut berapa ekar ini digunakan ini untuk menempelak saya pula, ini yang Y.A.B. Air Putih selalu buat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebagai seorang pemimpin kita kena berani nyatakan pendirian kita, kalau saiz 60 ekar besar, apakah saiz yang lebih baik, kalau 60 ekar terlalu besar, 30 ekar, 20 ekar, beritahu Kerajaan Negeri akan pertimbangkan, jangan pula cakap 60 ekar terlalu besar, warga emas mana boleh warga emas berjalan habis...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat Berhormat, minta spesifikasi...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

No, no, nanti-nanti saya bertanya kepada YB. Ketua Pembangkang sebut sahaja berapa ekar baru sesuai?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita kena kaji dan kita kena rujuk kepada konsultan apa yang dia hendak buat, saya tengok komponen-komponen.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu adalah cadangan Kerajaan Negeri kita sebut ini saiz, kalau saiz ini terlalu besar, berapakah saiz yang ideal, separuh, satu pertiga, sebutlah jangan hanya cakap seronok-seronok sahaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau tanya saya, se ekar cukup dah. Itu peribadi saya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

How many acre do you think is the idea?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

For me one acre.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okay, I hear that, satu (1) ekar, baik. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Air Putih saja hendak menempelak saya, janganlah menjadi terlalu angkuh, kalau pun kita menjadi Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, saya minta sikit penjelasan, Y.A.B. Air Putih *be a realistic*, Yang Berhormat tanya soalan dan hendak jawapan segera macam itu, kalau kami ini di pihak kerajaan kami ada konsultant kami hendak buat kajian kami boleh jawab, tetapi sekarang ini, macam mana dia hendak beri. *Be a realistic*

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita sedia mendengar pandangan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bila dia kata satu (1) ekar bagi pendapat dia nanti dia kata Yang Berhormat perleceh dia pula. Ini apa. Minta pandangan, bila beri pandangan peleceh pula. Ini bukan caranya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Takan saya boleh, woi YB. Pulau Betong sudah perleceh saya setiap hari oh, saya tidak sebut apa-apa, sekarang saya mendengar pandangan YB. Telok Ayer Tawar, dia mahu satu (1) ekar okey saya duduk.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Habis kenapa Yang Amat Berhormat perlecehkan dia tadi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Perleceh macam mana, macamana? Sebutlah betul-betul YB. Pulau Betong, sekarang saya tanya dia jawablah satu (1) ekar kita akan pertimbangkannya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita datang sini bukan untuk bergaduh, kita membawa rintihan rakyat banyak yang kata wah 60 ekar taman. Saya nampak ini hanya satu justifikasi untuk membuat tambakan lima puluh berapa hektar tadi, justifikasi untuk menambun sampai lima puluh tiga hektar, yang perlu itu sikit, yang ditambah itu banyak apa hendak buat lagi yang baki itu, hendak buat projek perumahan, hendak buat pembangunanlah. Jadi taman bandar itu hanya untuk menyenangkan hati rakyat Pulau Pinang, kita akan bagi taman, tetapi kita akan *develop*, yang belakang yang luas itu, ini justifikasi untuk penambak laut sahaja. Kita tidak perlu sampai 60 ekar taman, tetapi kita mahu banyak taman-taman, kalau orang Balik Pulau hendak menikmati taman itu kena datang sampai sini, buat taman di Balik Pulau, buat taman di Bayan Baru, buat taman di Seberang Perai semua, *spread out* taman itu biar kita boleh semua menikmati dekat dengan kawasan kita, petang-petang bolehlah kita pergi. Kita semua warga emas nak pergi jalan seberang laut naik feri nak pergi taman bandar. Wujudkan taman-taman bandar di seluruh Pulau Pinang, kalau jumlah 60 ekar okeylah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, sambung.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey Dato' Speaker, saya sambung sikit lagi. Kalau hendak menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya pun tak kanlah hendak membuat jalan raya bertingkat, LRT, *Monorail*, *turnrain*, *sky cap* semua sekali hendak buat. Rakyat Pulau Pinang perlukah semua ini. Saya hendak memberitahu ini laporan daripada Rapid Penang. Rapid Penang ini ada 400 bas, 54 laluan Mula operasi dari Julai 2007 sampai sekarang kerajaan pusat sudah menambah kos operasi Rapid Penang sebanyak RM97.4 juta. Rapid Penang sudah beroperasi dalam kerugian. Kerugian kerana apa, tadi jumlah penumpang tidak cukup, hanya waktu puncak sahaja mereka naik, lain dari puncak tak naik dan mereka menghadapi kekangan iaitu infrastruktur untuk bas terhad menyewa depo sahaja untuk letak bas kena bayar RM1.5 juta setahun.

Kemudian tidak ada laluan khas untuk bas, kurang kawasan untuk *Park and Ride* saya rasa rakyat Pulau Pinang kalau tambah laluan kita pergi mana-mana pekan di Eropah orang seronok naik bas boleh tengok di luar. Kemudahan-kemudahan *public transport* pengangkutan awam di mana tepat pada waktu sampai bas kita tunggu di tempat yang sesuai dan laluan pun selesa. Jadi ini saya rasa lebih menyenangkan rakyat Pulau Pinang daripada menyediakan semua itu kalau dapat itu tidak apa tetapi kalau dapat dengan kos yang begitu tinggi sekali, RM27 billion, belum tentu lagi boleh dapat balik pembiayaan atau pun pelaburan yang begitu besar dengan cepat atau seperti yang dijangkakan, kita pun tidak tengok dia punya pelan kewangan. Timbang-timbanglah tentang keperluan untuk rakyat Pulau Pinang dan kesan-kesan daripada projek mega ini akan memberi kesan yang kekal dan besar kepada kumpulan-kumpulan tertentu seperti nelayan bila dibuat tambakan laut. Walaupun dikatakan akan dibuat tukun-tukun tiruan dan sebagainya tetapi dah dihapuskan kawasan ternakan ikan ataupun mainan ikan dan nelayan-nelayan ini akan sekarang pun dengan pembangunan dan tambakan yang dijalankan pendapatan mereka dah susut. Akhirnya nanti tak ada dah nelayan yang nak ke laut kalau adapun yang ada pun dah tua-tua dah. Generasi muda dah tak mahu pergi ke laut kerana tangkapan terlalu kecil dan kita dapati di sini bukan sahaja tangkapan ini dikendalikan oleh nelayan di Pulau Pinang tetapi dari utara Perak pun datang tangkap ikan di sini dan sebagainya.

Jadi saya rasa kita tak mahu bebankan rakyat Pulau Pinang sekarang dan rakyat Pulau Pinang generasi akan datang dengan kos-kos yang terpaksa kita pikul yang diperolehi melalui projek-projek yang akan merosakkan alam sekitar kehidupan biasa yang kita alami dan menyebabkan pupusnya kampung-kampung melayu di sekitar ini walaupun tidak jejakkan kawasan kampung tetapi kenaikan harga tanah menyebabkan orang terlalu tertarik untuk menjual dan pemaju begitu tertarik untuk membangun kawasan-kawasan ini.

Dan saya ingat lagi masa zaman kecil-kecil kita dahulu. Kawasan-kawasan pantai di Pulau Pinang ini kaya dengan ekosistemnya dengan *marine life* dan sekarang pun anak-anak kita tak dapat lihat ikan belacak misalnya udang saring dah tak ada dah. Cengkerang laut, remis, tak ada dah kerana pantai kita yang terjejas dan STP 1 tambakan STP 1 telah menyebabkan laluan air laut itu terjejas. Kawasan Seberang Perai mengalami hakisan yang begitu teruk sekali. Kawasan saya ini kawasan tepi laut begitu terhakis sekali oleh kerana laluan. Saya pergi tanya Jabatan Alam Sekitar kenapa jadi macam ini? Dalam masa satu malam ombak besar boleh hakis 20 kaki pantai. Hilang 20 kaki satu malam sahaja. Jadi ini adalah kesan daripada tambakan kerana *oceanic* punya laluan air dah terjejas dan juga selut dibawa arus. Selut daripada kawasan yang ditambun ini dibawa arus ke kawasan pantai Seberang Perai menjadikannya amat teruk sampai nelayan tak boleh turun dengan sampan, kerana pijak selut yang begitu dalam bot tak boleh keluar dan kita kena buat *slipway* pula untuk nelayan-nelayan di sana. Kita ingat tak Gurney Drive juga terjejas sekali naik selut punya teruk di Gurney Drive sampai YB. Sungai Puyu kena buat *mudball* pula macam-macam untuk membantu Gurney Drive.

Jadi persoalan di sini kita hendak kepada pembangunan tetapi bukanlah kepada kosnya sampai terpaksa kita mengorbankan alam sekitar kita menjejaskan mata pencarian nelayan-nelayan kita, *sea grass* kita akan diusik. Saya nak tanya adakah cara-cara lain yang *feasible* untuk kita melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan ini dan perlu kita teliti balik skala dia itu. Skala Pelan Induk Pengangkutan dan setakat yang diperlukan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang bila kita buat laluan banyak lagi kenderaan akan masuk dan ini akan negatifkan usaha kita untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

Saya nampak mungkin projek-projek mega yang sedang dirancang adalah satu usaha untuk *gift wrap* membungkus secara indah dan mempromosikan Pulau Pinang ini sebagai negeri yang akan dimajukan seperti Singapura, Hong Kong satu gimik pemasaran. Dan juga memberi peluang besar kepada pemaju-pemaju untuk memajukan tanah di Pulau Pinang dan pemajuan-pemajuan yang tak mungkin rakyat Negeri Pulau Pinang sendiri mampu keseluruhannya untuk memiliki. Akhirnya saya nak tanyalah bila nak buat pulau, tiga (3) pulau di Batu Maung semua. Pulau Pinang akan merombak sempadan dan bentuk pulau itu sendiri nak tanya pakar-pakar feng shui, *bad feng shui* tak bila ubah. Tapak penyu bentuk Pulau Pinang ini akan hilang. Dan jangan kita *undervalue* mandat keyakinan rakyat Pulau Pinang yang menjulang kepimpinan yang ada sekarang ini jangan kita tidak menilaikan *undervalue* mandat mereka dan menyebabkan kita terhutang dengan begitu besar dan membuka ruang begitu luas untuk pembangunan di mana rakyat Pulau Pinang tidak mungkin dapat menikmati sepenuhnya. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Silakan Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan di Dewan yang mulia ini. Isu pertama yang saya ingin menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini adalah mengenai isu cukai pintu. Pada Bajet 2016 Y.A.B. Ketua Menteri telah mengumumkan bahawa memberi pengecualian cukai pintu untuk golongan yang penduduk di *low cost* atau *low medium cost* rumah yang bertujuan untuk mengurangkan beban golongan berpendapatan yang rendah. Pada asalnya pengumuman ini amatlah memang menyebabkan banyak penduduk-penduduk di *low cost* dan LMC gembira. Akan tetapi terdapat pandangan daripada penduduk-penduduk flat yang lama merasa kecewa kerana pengecualian cukai pintu tersebut tidak dapat dimanfaatkan. Saya ingin mengambil satu contoh seperti masalah ini telah berlaku di Gat Lebu Macallum. Gat Lebu Macallum terdapat dua (2) jenis flat, flat yang lama itu yang dibina oleh PDC dalam tahun 1980'an yang luasnya 500 kaki persegi yang berharga pada masa itu lebih kurang RM60,000.

Penduduk-penduduk yang menduduki flat-flat tersebut tidak dapat menikmati pengecualian sebab cukai pintu flat tersebut adalah jenis F03 ialah *medium cost apartment*. Lagi satu di Gat Lebu Macallum yang bernama Sri Saujana yang *cost*nya RM72,500 luasnya 450 kaki persegi yang dibangunkan pada tahun 2000 dapat rumah tersebut yang baru itu dapat penduduk di sana dapat menikmati pengecualian cukai. Masalah ini timbul kerana jika kita boleh buat lawatan di sana penduduk-penduduk di dua (2) flat sama tempat ini satu flat lama *facility* apa pun tiada lebih kecil daripada flat yang baru itu mereka perlu membayar cukai dan flat yang baru kerana ia under LMC ia boleh dapat pengecualian oleh itu kes ini saya memanglah ingin mewakili penduduk kawasan tersebut untuk membuat rayuan ke atas perkara ini.

Saya berharap PBT boleh atas bantuan EXCO Kerajaan Tempatan, YB. Padang Kota dapat membantu dapat mempertimbangkan kes ini dan supaya mereka yang flat-flat lama mereka boleh juga dapat menikmati pengecualian cukai pintu yang telah diumumkan oleh Ketua Menteri pada November 2015. Saya juga ingin meminta supaya PBT boleh mempertimbangkan ini saya tidak mahu bahawa di satu kawasan yang sama penduduknya ada salah faham bahawa kita tidak ada *not sincere to give out the* pengecualian. Oleh itu Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan supaya dapat menyelaraskan pengecualian tersebut.

YB. Dato' Speaker, isu yang seterusnya saya ingin sentuh adalah isu semasa terdapat beberapa tanah kerajaan yang telah dicerobohi oleh orang untuk membuat *business* sendiri dan gunakan tanah kerajaan untuk mendirikan bengkel atau perniagaan-perniagaan *small industry* untuk keuntungan sendiri tanpa memberi sebarang tanpa memohon lesen daripada Kerajaan Negeri dan ini telah berlaku kira berpuluh-puluhan dan pada tahun ini saya pernah mendapatkan kerjasama daripada PBT, Pejabat Daerah Tanah Timur Laut untuk mencalonkan beberapa tempat yang telah dicerobohi oleh orang yang boleh kira berpuluh-puluh dan mereka *some people* guna untuk *sublet tanpa* memohon TOL dapat kebenaran daripada kerajaan. So di sini saya ingin berharap kerana pejabat tanah di mana-mana daerah pun sila membuat pemantauan dengan lebih ketat atas tanah kerajaan kita adakah tanah kerajaan dan kita sudah dicerobohi oleh orang dan untuk mengelakkan apabila kita sudah buat sebarang pembangunan penceroboh-penceroboh tersebut akan meminta tuntutan kepada Kerajaan Negeri yang tidak munasabah.

Di sini saya ada satu kes yang baru-baru ini terima surat daripada satu *operator* di atas tanah kerajaan tempat tersebut tanah tersebut kerana tanah tersebut menghadapi pembangunan untuk membina rumah penduduk kawasan untuk *resettlement operator-operator* ini yang ini *operator* ini telah keluar surat kepada CMI nak minta tuntutan daripada Kerajaan Negeri satu tempat supaya dia terus beroperasi di sana. Di dalam surat dia *reclaim* tanah ialah *reclaim land by his parents and uncles*. Dari dulu sudah 60 tahun sampai sekarang. Ini memang tidak munasabah jikalau seseorang boleh mencerobohi tanah kerajaan tanpa membayar sebarang, memohon lesen daripada Kerajaan, dan membuat *business* di sana, jikalau 50 tahun, sudah 60 tahun, mereka sudah duduk di sana, apabila Kerajaan Negeri nak ambil balik tanah sendiri untuk mendirikan rumah untuk manfaat orang ramai, rakyat yang ramai, mereka lagi nak buat tuntutan daripada Kerajaan Negeri. Ini memang tidak munasabah dan tidak boleh diterima.

Oleh itu, saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya berharap Pejabat Tanah dapat mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas kes-kes yang sebegini akan bertambah banyak. Janganlah selalu hanya *serve notice* sahaja. Jika selalunya hanya *serve notice* sahaja lepas itu akan dipenjarakan ataupun mendapat denda berapa, selepas mereka terima notis, tidak ada *follow up* maka semua orang yang terima notis itu tidak ada *follow-up*. Maka mereka tidak akan takut dan akan teruskan perkara macam ini. Jika perkara macam ini berterusan, maka kita sebagai Kerajaan Negeri memang susah pada masa akan datang akan menghadapi masalah-masalah yang besar kerana kes-kes sebegini akan bertambah banyak dan sekarang kita memang susah dalam keadaan seperti yang tadi Ketua Pembangkang ada katakan iaitu *shrine*, yang asal, yang sedia ada kerana pembangunan atau menaik taraf tempat tersebut dan *shrine* itu diroboh, pihak pembangkang akan keluar menghentam Kerajaan Negeri, ini *you* tengok tidak sensitif, cukup sensitif tidak prihatin. Itu agama punya, keluar protes tapi sekarang kekalkan dan ubah ke satu sudut pun cakap sensitif. So seperti kes ini macam ini, jika ada tanah Kerajaan kita tidak jaga baik bagi orang menceroboh macam ini, buat *business* lepas itu bila pembangunan untuk rakyat membina rumah mahu tuntutan pampasan yang tinggi. Ini memang tak boleh terima, jikalau kita tidak bagi, memang mereka protes lagi. Cakap kita tidak prihatin. Jika kita beri, macam *encourage people* mencerobohi tanah kerajaan. Maksudnya jika kita beri pampasan, mereka yang buat perniagaan tanpa lesen di tepi tanah kerajaan, maksudnya kita *encourage* mereka, sesiapa pun tidak payah *apply* tanah kerajaan. Hanya cari satu tanah kosong bina satu bengkel lepas itu tunggu sampai anak atau cucu bila masa kerajaan nak buat pembangunan, baru mereka pergi tuntutan. Inilah satu contoh yang tidak betul, so oleh itu saya memanglah berharap Kerajaan Negeri boleh *look serious on this issue* kerana kita tahu ini pencerobohan tanah, bukan satu kes yang baru, ini juga warisan tapi dulu tidak sensitif, dulu buat apa pun tidak sensitif tapi jika sekarang kita kena menghadapinya dan mengatasinya cara yang betul supaya tidak sambung buat apa yang tidak betul oleh kerajaan yang dulu.

YB. Dato' Speaker, pada tahun yang lepas, FAP telah meraihkan bahawa pasukan FAP berjaya menaikkan pangkat dari Liga Perdana kepada Liga Super Selepas dinaikkan pangkat ke Liga Super, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk menaja pasukan tersebut. Jawapan bertulis yang saya terima menyatakan bahawa sumbangan yang telah diterima FAP pada tahun 2016 sampai bulan April, PBAPP telah sudah menyumbang sebanyak RM2.0 juta dan Kerajaan Negeri pun telah menyumbang RM6.0 juta. *Total up* hingga bulan April ialah RM8.0 juta. Saya ada bertanya bahawa selepas pergi ke Liga Super prestasi-prestasi FAP ini amatlah merisaukan penyokong-penyokong FAP yang setiap minggu beli tiket untuk menyaksikan perlawanan. Saya pun bertanya adakah PBA sebagai *sponsor*, adakah puas hati tentang prestasi tersebut? Akan tetapi apabila saya terima jawapan bertulis bahawa pada masa sekarang PBA masih puas hati dengan prestasi FAP kerana sekarang masih di tangga yang ke sebelas. *Normally* jika di luar liga negara mereka ada dua puluh team. Tangga ke sebelas itu kira *okey*. Dengan *sponsor* tersebut dikira *okey* tapi di Super Liga Malaysia hanya ada dua belas pasukan sahaja. So maksudnya jika di tangga sebelas, *okey* juga tapi boleh turun balik ke Liga Perdana. Sekarang ini sudah dikira *half season of the tournament*, jadi lebih kurang sepuluh permainan sahaja. So saya memanglah berharap bahawa FAP teruskan berjuang supaya dapat kedudukan yang lebih bagus. Kerajaan Negeri sebagai *main sponsor* kepada FAP kerana apa duit yang kita *sponsor* walaupun daripada Kerajaan Negeri ialah wang rakyat juga. Ini sebagai anak Pulau Pinang memang *concern on this*. Dan kita juga kena mencari jalan sentiasa memantau dan memberi perhatian terhadap FAP supaya duit-duit wang rakyat yang digunakan untuk menaja itu boleh menggembirakan rakyat Pulau Pinang dan bukan menyebabkan rakyat Pulau Pinang menjadi sedih.

So kedudukan ini kita boleh nampak kerana selepas mereka main sepuluh perlawanan hanya menang satu (1) sahaja dan seri tiga (3) *match*. So *total up* enam (6). So memanglah bagi saya, sebagai penyokong atau anak Pulau Pinang, ini merupakan satu kedudukan yang risau dan kecewa. Kita tidak mahu duduk dalam Liga Super satu (1) tahun turun balik ke Liga Perdana. So kita bersama-sama Kerajaan Negeri terus memantau dan tengok apa yang boleh kita buat supaya dapat menolong FAP untuk mencerahkan nama baik kita dan menyokong balik *confidence of* penyokong. Boleh menconfidencikan penyokong kita.

YB. Dato' Speaker, dalam kes ini, saya menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini adalah isu yang lama ianya kes-kes pekerja-pekerja asing yang masih menduduki *low cost atau low medium cost* punya rumah. Kes ini sudah saya bawa dalam Dewan yang mulia ini dan kita pun telah pergi ke Singapura untuk lawat kampung pekerja asing dan sudah dua, tiga kali saya masuk soalan dan mendapat jawapan yang terkini punya *I think last year*, ialah Kerajaan sedar *there are two places to build the* kampung pekerja asing. Salah satu ialah di Juru, lagi satu di Bayan Lepas. Dua (2) tempat tapi sehingga hari ini masih tidak ada sebarang *info* yang berlanjutan dan baru-baru ini saya terima aduan daripada penduduk-penduduk tempatan, warga negara kita yang tinggal di Sri Saujana. Di sana mereka *complain*, selepas Kerajaan buat *announcement*, *siapa* akan mengambil tindakan terhadap pemegang LMC yang menyewa kepada pekerja asing akan ambil tindakan, sampai hari ini tindakan tidak diambil. Penduduk warga negara kita merasa kehidupan mereka diancam kerana jiran-jiran mereka semuanya kebanyakan pekerja asing. Jika mereka yang keluar awal, mereka pun takut. Balik malam pun takut. So semakin lama semakin banyak, tidak boleh jual banyak pekerja asing yang duduk di sana mereka sewa lagi. *Since* Kerajaan tidak boleh buat apa-apa mereka sewa keluar maka di flat-flat yang tertentu, di mana warga asing duduk di sana tidak kurang malah bertambah. Di sana penduduk tempatan tidak boleh duduk sana, so ini memanglah satu perkara yang amat serius, flat-flat tersebut adalah flat-flat yang baru bukannya lama. Kita masih ada banyak warga negara yang masih tunggu dalam *list* perumahan. *List* nama masih banyak. Dan kita kena tunggu berapa tahun untuk bina rumah LMC, tapi jika kita tak mengatasi masalah tersebut berapa banyak LMC yang kita binapun bukan semua dinikmati oleh warga negara kita, Hal ini bukan hak asasi, *for me it is not human right problem*. Sebelum cakap *human rights*, saya kena jaga saya punya *voters rights* dulu. Jika saya sebagai wakil rakyat kawasan sana, saya punya *voters rights* tidak boleh dijaga jangan kata saya bukan Obama. Saya tidak bertanggungjawab untuk jaga satu dunia. Jadi saya *focus on Penang rights* dulu, jika penduduk di Pulau Pinang telah mendapat rumah, dan pekerja-pekerja asing boleh duduk di rumah LMC, macam mana kita sebagai wakil rakyat boleh menjawab dan boleh jumpa rakyat kita, macam mana kita boleh jawab macam ini, Saya sebagai ADUN Pengkalan Kota, saya memang berasa takut lama-lama akan jadi Bangla Kota. Saya pun tidak mahu.

Oleh itu saya berharap especially di *town* juga bukannya LMC sahaja especially di *Gudwara Road*, KADUN jiran pun menghadapi masalah tersebut, semua pekedai kebanyakan dioperat oleh pekerja asing. Dekat GAMA selalunya ada pekerja asing berkumpul di sana menyebabkan penduduk-penduduk berdekatan di sana takut untuk keluar membeli. Ini bukan kes-kes baru, perkara ini sudah lama. Oleh itu saya memang berharap Kerajaan Negeri dapat mengambil perhatian serius perkara ini. Saya ingin tahu apakah perkembangan terkini atas pembinaan kampung kepada pekerja asing supaya kita boleh menumpu dan mengawal keadaan pekerja asing dan memberi balik kehidupan yang harmoni kepada rakyat jelata kita.

YB. Dato' Speaker, untuk menggalakkan hobi belajar kepada pelajar atau murid merupakan satu tanggungjawab sosial yang memang perlu diamalkan dan perlu mendapat sokongan yang kuat daripada Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya pernah mencadangkan di setiap kawasan perumahan perlu mendirikan satu komuniti yang mempunyai perpustakaan atau tempat yang boleh digunakan *gym* dan tempat untuk warga tua berehat, main catur dan lain-lain pelbagai kegunaan. Kita boleh nampak sehingga hari ini masih, bukan semua tempat kawasan perumahan tersebut masih tidak mempunyai dewan komuniti. Walaupun ada dewan komuniti tetapi dewan komuniti mengikut size kebanyakannya hanya mampu mengadakan majlis kenduri yang kecil sahaja. Selain daripada itu, susah hendak buat program lain seperti perpustakaan, tidak sesuai, tidak ada tempat untuk murid-murid di kawasan tersebut untuk membuat ulangkaji. Oleh itu saya berharap Kerajaan Negeri mengambil contoh daripada Singapura yang boleh memanfaatkan penduduk-penduduk di setiap kawasan perumahan. Di setiap pembangunan yang baru mesti mendirikan satu dewan komuniti yang cukup besar. Sebagai satu contoh terbaik, dewan Komuniti di Kawasan Pengkalan Kota, Lebuhr Macallum. Dewan komuniti ini tiga tingkat dan sekarang di tingkat atas, Kerajaan Negeri telah menghadkan tingkat ini kepada persatuan ping pong untuk melatih *state players*, tingkat bawah digunakan untuk majlis kenduri manakala tingkat kedua saya cadangkan

supaya membuka satu perpustakaan Kerajaan Negeri di mana bukan setakat boleh meminjamkan buku sahaja tetapi dalam perpustakaan ini boleh dijadikan tempat-tempat murid-murid belajar di sana dan mendapatkan informasi terkini bagi pelajaran mereka. Perpustakaan ini boleh dijadikan sebagai *information centre* juga. Dewan Komuniti di Gat Lebu Macallum tersebut memerlukan satu perpustakaan sebagai satu tempat mengulangkaji kerana saya sendiri berasal dari Gat Lebu Macallum, saya tinggal di flat tersebut, flat tersebut 500 persegi satu unit, penghuni duduk lebih dari lapan (8) orang dan bila kita hendak belajar dan buat ulangkaji, tidak ada tempat. Tempat tidur pun sama, budak lelaki selalu kena tidur di ruang tetamu. Saya boleh rasakan kesusahan sebagai pelajar yang tinggal di rumah kecil ini. Oleh itu jika ada satu tempat yang sesuai dan suasana yang lebih bagus murid-murid untuk membuat ulangkaji, ini akan menolong murid-murid tersebut lebih belajar dan mendapat keputusan yang lebih bagus.

Saya berharap dengan ini Kerajaan Negeri juga akan memberi sokongan dan tolong dari segi peruntukan bagaimana hendak mendirikan satu perpustakaan yang sesuai. Saya ada melawat perpustakaan sedia ada, memang buku-buku pun *its not up to date, not really up to date*, keadaan perpustakaan pun tidak cukup besar, lebih sesuai untuk kanak-kanak sahaja tetapi jika untuk pelajar sekolah menengah memang tidak ada suasana belajar yang sesuai. Jika pelajar kolej atau universiti nak cari maklumat, mereka pun susah untuk mencari maklumat kerana tiada maklumat di sana. Saya harap cadangan ini dapat disokong oleh Kerajaan Negeri dan dapat memberi sedikit peruntukan supaya kita dapat menyediakan perpustakaan yang lebih baik di kawasan Pengkalan Kota. Di kawasan saya ada satu kolej persendirian iaitu Olympia College, baru-baru ini pengetua dia ada berjumpa dengan saya dan mahu bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu program pembelajaran. Bagi pelajar-pelajar yang tidak mampu dan tidak dapat memasuki universiti tempatan tetapi masih ingin belajar, mereka akan memberi biasiswa. Ini adalah inisiatif dari kolej persendirian dan bila kolej persendirian memberi inisiatif seperti ini, kita sebagai Kerajaan Negeri tidak ada sebab untuk tidak menyediakan satu tempat belajar yang lebih sesuai dan suasana yang baik.

Timbalan Dato' Speaker, terdapat isu-isu semasa di kawasan yang pernah saya buat aduan beberapa kali, seperti bas-bas dan lori besar sentiasa berhenti di tepi jalan dan telah menghalang lalu lintas. Ini bukan kes lama, saya sudah buat aduan banyak kali, terutamanya bila malam mereka letakkan bas kilang yang besar atau lori besar di hadapan dan tepi jalan Sekolah Lintang Macallum 1 dan di kawasan perumahan tersebut. Ini memang bahaya kepada penduduk kawasan sana terutamanya di sana ada tiga (3) buah sekolah rendah dan sebuah tadika. Budak-budak kecil ini jika mahu melintas, dihalang oleh bas-bas kilang yang besar atau lori-lori besar ini akan mengancam dan membahayakan keselamatan mereka. Jawapan bertulis saya dapat adalah terdapat Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan notis akan dikeluarkan. Di sini juga dijawab bahawa MPSP ada menjalankan pemantauan lima (5) hari seminggu, malahan MBPP tidak mempunyai jadual pemantauan yang tetap. Oleh itu saya di sini ingin merayu kepada PBT dan berharap EXCO Kerajaan Tempatan iaitu YB. Padang Kota boleh mengarahkan PBT iaitu MBPP supaya mengadakan pemantauan. Saya boleh beritahu jika hendak membuat pemantauan datang selepas pukul 8 malam terutama di Lintang Macallum 1 dan Gat Lebu Cecil banyak bas-bas dan lori besar-besar yang berhenti di sana. Jika melakukan pemantauan di sana pada siang hari memang tidak akan nampak kerana semua bas-bas dan lori sudah bergerak.

Satu lagi permohonan yang pernah saya mohon ialah tentang mendirikan tempat letak kereta di kawasan perumahan Gat Lebu Macallum. Antara Blok 352 dan Blok 354, di tengah-tengah tanah lapang tersebut, saya memohon untuk mendirikan satu *multi storey car park* kerana semakin lama, keadaan letak kereta di sana sudah padat dan sesak. Gelanggang bola keranjang sudah digunakan sebagai *car park*. Penduduk-penduduk di sana hendak main bola keranjang pun tidak dapat bermain di sana. *If its not mistaken*, jawapan yang saya terima dalam Dewan pada bulan November tahun lepas, saya memohon dua (2) tempat satu ialah di Cecil Market dan satu ialah di Macallum. MPPP menjawab bahawa di Cecil Market mereka sedang membuat kajian dan di Macallum adalah di atas tanah PDC, sudah salurkan permohonan tersebut kepada PDC. Tetapi bila saya tanya balik pada kali ini di Lebu Cecil, PDC menjawab mengikut rekod setakat ini tiada kajian berkenaan cadangan untuk mendirikan. Saya ingin memaklumkan apa yang saya cadangkan itu adalah untuk kebaikan penduduk di sana. Saya memang sedih bila terima jawapan seperti ini, langsung tidak ada sebarang kajian dilakukan. Jika boleh atau tidak, *at least* buat satu kajian, jika tidak apa gunanya kami sebagai wakil rakyat membawa isu-isu, datang ke Dewan yang mulia ini dan membuat cadangan-cadangan di Dewan yang mulia ini. Jika sebarang cadangan kami mohon, lepas itu, selepas Dewan bersidang, apa pun tidak ada. Macam 3S *saying, see, syok finish*. Lepas Dewan atau Dewan ditangguhkan semua pun tangguh tanpa sebarang kajian. Saya

beritahu ini akan memanfaatkan penduduk di kawasan sana. Cadangan saya, kita boleh kutip dan membina *multi storey car park* di kawasan perumahan dan kereta-kereta yang *park* di tepi-tepi jalan itu kita boleh mengadakan satu *enforcement on that* dan jalan akan menjadi lebar, *at least*, apabila wakil rakyat membuat cadangan di Dewan yang mulia ini, tolonglah balik jangan selepas bagi jawapan, senyap sahaja apa pun tak buat, *at least* buat satu kajian.

Tapi di MBPP ada buat kajian, selepas buat kajian *car park* Tapak Pasar Lebuh Cecil ada tidak sesuai buat *multi storey car park at least* mereka ada buat kajian membuat satu statistik buat saya ini saya akan banyak lagi dan berbincang dengan EXCO yang berkenaan untuk *follow up* perkembangan yang akan apa yang perlu dijalankan dan memanglah sudah berapa tahun kita sebagai wakil rakyat *sometimes we need to face people*, kita bukannya selalunya nak ambil di bawa Dewan yang mulia ini untuk tanya kerana kita ada dalam MMK yang boleh *settle* dalam MMK punya kami ada *raised out* di sana boleh *settle* di sana. Yang mau di sini punya *sometime* ialah merangkumi kos yang lebih tinggi, so kami buat cadangan di sini saya berharaplah boleh dapat kerjasama daripada pihak-pihak kerajaan supaya kita boleh bukan untuk menjadikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri yang *International City* atau negeri yang lebih canggih atau bagus di dalam Malaysia bukannya sebagai satu slogan sahaja. Kita kena perbaiki sikit dan berilah kerjasama dan kita semua bekerjasama menjayakan matlamat yang kita nak capai tersebut. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh bin Man):

Bismillahirohmanirrohim, Assalaamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera, *Alhamdulillah*. (Selawat & Doa). Terima Kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya dalam Dewan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih Sempena Perasmian Penggal Keempat oleh Tuan Yang Terutama Tun Negeri Pulau Pinang dalam Dewan Undangan Negeri ini bagi kali yang ketiga belas. saya juga tertarik di atas ucapan penutup oleh Tuan Yang Terutama Tun yang menyatakan kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya jaga tingkah laku dan tata bicara sama ada di dalam Dewan atau di luar Dewan. Jadi bagi saya apa yang telah diberi peringatan itu kita semua yang di Dewan ini kena peka dan ambil perhatian serius apa bentuk tindakan dan juga apa-apa perkara berkaitan dengan ucapan yang nak disampaikan. Saya pun ambil sikap yang demikian sekurang-kurangnya boleh meredakan keadaan dan dapat *control* di kalangan rakan-rakan yang lain jugalah.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, dengan masa yang diberikan kepada saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa cabaran paling utama kepada rakyat Pulau Pinang adalah peningkatan kos sara hidup terutamanya di bandar dan pemilikan kediaman termasuk kemampuan memiliki kediaman berhampiran tempat kerja bagi mengurangkan kos yang semakin meningkat. Jurang pendapatan masih wujud dan tahap pencapaian pendidikan yang rendah telah menjejaskan keupayaan isi rumah untuk mendapatkan pekerjaan yang bergaji tinggi ataupun menceburi aktiviti dalam bidang perniagaan. Apa yang saya lihat bahawa tahap berkaitan juga dengan keberhutangan yang tinggi di kalangan isi rumah juga mempengaruhi kedudukan kewangan mereka kerana kecenderungan mereka membuat pinjaman peribadi untuk menampung perbelanjaan harian.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan mengenai tahap pendidikan dalam kalangan golongan kurang berada perlu diangkat dan dipertingkatkan dengan berbekalkan pendidikan mereka daripada kalangan kurang berada diberi lebih peluang mendapatkan pekerjaan yang lebih baik ataupun menceburi bidang perniagaan dan kadar perciciran perlu dikurangkan sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Rakyat yang bekerja sendiri seperti petani, nelayan dan pekebun kecil di kalangan digalakkan untuk menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti dan juga pendapatan. Peningkatan kos sara hidup yang tinggi perlu diatasi dengan memperkukuhkan pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga untuk mengekang kenaikan harga yang tidak munasabah terutamanya keperluan asas, apatah lagi kita di kalangan umat Islam juga akan berhadapan dengan bulan Ramadan dengan adanya gerai-gerai, pusat-pusat perniagaan, pasar Ramadan dan sebagainya. Kita mengharapkan supaya mereka tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga yang tidak munasabah yang boleh membebankan pembeli jangan sangat kita untuk memandag ataupun mengambil kira berkenaan dengan keuntungan yang besar. Cuma

berniaga ini mengambil pengalaman dalam bulan Ramadan ini sebab itu selepas daripada raya mungkin kita ada pengalaman berniaga boleh diteruskan dengan apa yang telah ada pengalaman semasa kita berniaga di bulan Ramadan.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sistem kesihatan yang mana kita berhadapan pelbagai isu yang kian mencabar yang boleh menjejaskan prestasi disebabkan ada rangkaian kesihatan awam dan swasta ataupun terdapat hospital awam, hospital kerajaan dan juga hospital-hospital swasta yang mana pusat-pusat kesihatan ini sama ada awam dan swasta adalah tunjang kepada sistem kesihatan dengan kewujudan prasarannya yang berada di serata tempat untuk memberi perkhidmatan kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira kaum dan taraf hidup. Dan kalau kita lihat pusat-pusat kesihatan swasta pula lebih tertumpu di kawasan bandar dan memberi perkhidmatan kepada mereka yang berkemampuan ataupun mempunyai perlindungan pembiayaan kesihatan sendiri atau disediakan oleh majikan. Masalahnya bila kesesakan dan kemudahan pusat kesihatan ataupun hospital kerajaan oleh kerana di kalangan para pesakit ingin mendapatkan khidmat di hospital kerajaan kadangkala kadang tempat tidak mencukupi dan sebab itu dia menimbulkan masalah dan keterbatasan kepada rakyat atau pesakit untuk dapatkan rawatan. Apatah lagi untuk mendapatkan rawatan di pusat perkhidmatan swasta akibat kekangan kewangan nak pergi hospital kerajaan dah ramai, nak pergi swasta kos tinggi ini bermasalah juga, jadi termasuklah baginya bahawa kaedah pembayaran secara *fee for service* serta kadar caj perkhidmatan yang tidak seragam mendedahkan rakyat atau pesakit kepada risiko kemudaratan kewangan sekiranya mendapatkan perkhidmatan di hospital swasta.

Isu peningkatan kos penjagaan kesihatan sering diperkatakan di kebelakangan ini, boleh dikatakan setiap mana memang rawatan selepas itu barulah ada rungutan dengan mahalnya ubat, dengan kos yang tinggi ini berlaku lah mutakhir ini. Antara faktor penyumbang kepada kenaikan kos ini ialah kenaikan caj perkhidmatan yang dikaitkan dengan perubahan kepada ubat-ubatan peningkatan permintaan akibat perubahan pola penyakit, negeri kita Pulau Pinang terus juga dibebankan dengan penyakit berjangkit seperti denggi, malaria apatah lagi dengan cabaran kesihatan akibat berbagai-bagai penyakit yang ada seperti kanser, kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan lain-lain lagi. Ini dah jadi lumrah mungkin Sungai Acheh pun ada juga salah satu ni, Jadi kena berhati-hati dan kita samalah bila umur meningkat usia dah menjelang senja maka berbagai-bagai penyakit akan dihindangi pelbagai jenis penyakit.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu sistem pembiayaan kepada pesakit yang bersepadu adalah penting bagi mempertingkatkan akses dan kesaksamaan terhadap penjagaan kesihatan yang berkualiti dan menjamin agar setiap masyarakat mendapat perkhidmatan yang bersesuaian di mana sahaja tanpa perlu berfikir mengenai kos pembiayaan. Dah sakit, kena bayar tinggi pula. Jadi akan menimbulkan lagi bebanan. Jadi rakyat juga perlu diberi kesedaran dan mengubah gaya hidup agar menjadi lebih aktif supaya penyakit berkaitan boleh dicegah dan dikawal. Kita semua perlu sedar kesihatan adalah tanggungjawab bersama.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan belia. Isu-isu belia ini juga kita jangan kesampingkan dan perlu diberi perhatian yang mana kita lihat skor indeks belia Malaysia 2011 mendapati bacaan skor dari segi kesejahteraan ekonomi berada pada skor 48.6 mata, yakni di bawah paras baik. Isu kos sara hidup belia mengaitkan corak perbelanjaan yang terpaksa ditanggung bagi meneruskan kelangsungan hidup dengan lingkungan kos pendapatan yang diterima. Isu ini berkait rapat dengan gaya kehidupan belia, teknik pengurusan kewangan dan beban hutang yang ditanggung, kajian kos sara hidup dan keperluan hidup belia di Malaysia dalam kajian yang telah dibuat 2014 mendapati 46.18% daripada 1,825 *respondent* berbelanja melebihi pendapatan. Situasi ini menunjukkan bahawa belia ini terpaksa menanggung hutang bagi memenuhi kehendak berbelanja mereka. Jumlah belia pula yang diisytiharkan mufli adalah 58% daripada jumlah keseluruhan statistik kemuflihan di Malaysia dan angka ini amatlah membimbangkan memandangkan umur yang terlibat adalah di antara 20 hingga 40 tahun. Dan juga masalah pengangguran di kalangan belia khususnya lepasan pengajian juga perlu diberi perhatian serius di samping tahap kebolehan pasaran atau pun keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan laporan buruh antarabangsa mencatatkan kadar pengangguran pada tahap 3.2% iaitu lebih rendah berbanding negara asian lain pada tahun sebelumnya. Juga didapati berkaitan dengan kemiskinan bandar di kalangan belia, berlaku kerana kebanyakan belia memilih untuk memulakan kerjaya dan tinggal di bandar ini berlaku apabila peluang pekerjaan yang terhad mewujudkan persaingan dalam mendapatkan gaji yang lumayan termasuklah bagi mereka yang berpendapatan baik tetapi terbeban dengan kos sara hidup yang melebihi jumlah pendapatan.

Juga kita lihat berkaitan dengan isu gejala sosial yang mendapat liputan meluas di media masa sedikit sebanyak mempengaruhi minda segelintir masyarakat untuk menganggap belia sebagai liabiliti berbanding aset kepada negara, ini kerana beberapa faktor seperti kelemahan sistem kekeluargaan, pengaruh media juga memberi implikasi negatif dalam hala tuju pembangunan belia di masa hadapan. Di samping itu kewujudan belia miskin bandar berhubung rapat dengan kesan penghijrahan ataupun migrasi. Migrasi sukar dihalang atau dikawal kerana ia berkait rapat dengan proses urbanisasi ataupun perbandaran yang menawarkan peluang pekerjaan kepada belia. Penghijrahan sangat digalakkan dari sudut penyerlahan potensi jika asas penghijrahan cenderung ke arah itu, namun fenomena ini perlu diurus kerana ia boleh menimbulkan kesan negatif kepada sektor perbandaran kesejahteraan dan kesihatan sosial belia jika persediaan sokongan tidak diatur dengan baik. Generasi belia perlu peka dan arif akan pengurusan kewangan peribadi masing-masing. Isu kewangan peribadi tidak harus disamakan dengan masalah kekurangan wang kerana pengurusan kewangan peribadi adalah berkait rapat dengan gaya kehidupan. Saya juga ingin menasihat para-para belia termasuk juga beliawanis berbelanja mengikut keperluan perlu diutamakan berbanding berbelanja mengikut kemampuan. Saya ingin mengulang sekali lagi, berbelanja mengikut keperluan, perlu diutamakan berbanding berbelanja mengikut kemampuan. Kita tau lah sikap atau pun orang muda ni, dia kadangkala, dia naik *action* lebih, dia ada lagak dia lebih, YB. Sungai Acheh biasa muda tau dah bagaimana bila ada pendapatan nak menguruskan kewangan sebab berdepan dengan saya dia seorang duk depan dengan saya ni. Jadi saya cuma nak *highlight* sikit benda ni sebab YB. Sungai Acheh biasa jadi orang muda, orang muda belum pernah jadi orang tua, jadi pengalaman orang lama ni kita terpaksa kena *highlight* kan juga lah.

Dan saya ingin mencadangkan khususnya untuk EXCO Belia iaitu bidang keusahawanan berperanan untuk mengurangkan kebergantungan belia dalam pasaran kerja semasa. Menawarkan peluang peningkatan pendapatan dan memberi kesan positif terhadap pengangguran daya keusahawanan belia yang dinamik dan efektif perlu dipertingkatkan melalui program pembangunan keusahawanan bersepadu termasuklah pemahaman kewangan dan pelaburan bagi melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berjaya termasuk industri berasaskan sukan. Di samping itu, pendidikan juga perlu menyediakan satu landasan mobiliti sosial yang kukuh untuk masa hadapan, justeru falsafah pendidikan adalah penting untuk lahirkan generasi belia yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan juga jasmani di dalam mengharungi cabaran sosial pada masa hadapan. Cabaran kedudukan tribulasi mehnah, ujian masa depan yang tak menentu, kalau zaman kita, kita telah sedikit sebanyak merasai suasana bagaimana kita berhadapan dengan situasi dan cabaran yang kita anggap juga hebat. Generasi yang akan datang ini mungkin cabaran berganda dari segi persiapan, persediaan, masa depan mereka juga belia harus tangani dan melengkapkan tentang bagaimana mereka akan berhadapan dengan situasi yang penuh cabaran di masa depan mereka.

Di samping itu potensi belia perlu dipertingkatkan dalam memainkan peranan penting dalam pembangunan negara kita ini. Belia juga perlu berperanan sebagai agen perubahan yang bakal menentukan identiti negeri ini di masa hadapan. Kepimpinan di kalangan belia perlu dipertingkatkan melalui pendidikan dan latihan. Keusahawanan sukan dan sukarelawan, nilai positif termasuk kerohanian, patriotisme, kebertanggungjawaban, penyayang dan berdaya tahan dan berminda positif perlu terus diterapkan untuk membentuk generasi muda yang berpotensi menjadi pemimpin masa hadapan yang berkredibiliti. Jadi kita yang lama-lama ini mungkin satu hari nanti akan meninggalkan generasi yang baru di kalangan muda mereka lebih dapat mengolah cara hidup mereka dengan lebih baik lagi. Sebab itu kita mengharapkan semua pihak juga memainkan peranan bagaimana saya nak angkat kedudukan dan martabat belia di masa hadapan.

Saya juga ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan kedudukan wanita ini yang mana akhir-akhir ini kita dapati yang dipaparkan juga yang dapat kita lihat iaitu berkenaan dengan keganasan terhadap wanita adalah dianggap sesuatu perbuatan penganiayaan yang meliputi tak kira semua bangsa agama kelas dan budaya. Perangkaan menunjukkan bahawa kes-kes keganasan terhadap wanita seperti gangguan seksual, keganasan rumah tangga, ragut, dan lain-lain semakin menjadi-jadi dan amat sangat membimbangkan pada masa ini, kerana ia bukan saja hanya mengakibatkan kecederaan fizikal dan mental kepada mangsa tetapi juga boleh mengakibatkan kematian. Jadi berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia hingga 2014, sebanyak 2,874 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan. 4,123 berlaku dalam tahun 2013, sebanyak 3,488 kes dilaporkan dalam tahun 2012, amat sangat mengerutkan. Jadi di kalangan wanita khususnya kena sentiasa peka berhati-hati. Kesempatan yang mungkin diambil yang mengakibatkan boleh berlaku perkara-perkara yang boleh melibatkan sampai ke peringkat berlakunya

kematian ini yang sungguh kita mengharapkan semua pihak kena bersama-sama mengemblengkan usaha dan tenaga bagaimana nak tangani hal-hal yang berkaitan yang melibatkan keganasan wanita dan bagi tempoh yang sama purata kes keganasan rumah tangga ini yang mangsanya khususnya kepada wanita adalah sebanyak 3,103 kes setahun yang ini boleh sebak, boleh kita rasa bagaimana keselamatan wanita itu tidak di dalam keadaan pada satu jaminan untuk menyelamatkan keadaan keganasan daripada berlaku. Jadi yang berlaku ini yang melibatkan keganasan ini adalah sebab suasana, keadaan boleh mempengaruhi melalui mana-mana arah sehingga mereka boleh bertindak sedemikian rupa.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Permatang Pasir, YB. Permatang Pasir telah menyebut statistik bagaimana wanita didera oleh lelaki? Berapakah pula lelaki yang didera oleh wanita? Ada perangkaan kah?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Yang itu saya tak dapat lagi mungkin kita akan... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya rasa untuk adil, saya rasa elok kita cari, sebenarnya kerana masalah ini rumah tangga ini bukan sahaja lelaki kepada wanita tetapi wanita kepada lelaki. Yang kedua satu lagi masalah yang serius adalah penderaan emosi lebih-lebih lagi kepada ibu-ibu tinggal yang diceraihan walaupun mereka ini yang berkeluarga, walaupun mereka dipukul tetapi mereka ada nafkah, makan, tempat tinggal dan sebagainya, tetapi ibu-ibu tinggal yang tanpa nafkah, tanpa pembelaan, saya rasa ini adalah isu yang cukup besar sebenarnya kerana jumlah penceraian hari ni adalah cukup tinggi, tidak kira sama ada Melayu, Cina, India memang cukup tinggi dan penderaan emosi sebenarnya membawa kepada gejala yang lebih teruk lagi. Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Pertama saya ucap terima kasih, di atas simpati juga YB. Pulau Betong terhadap kes-kes yang telah berlaku dan saya juga, mengharapkan semua pihak khususnya mereka yang Pihak Berkuasa dapat menangani hal-hal yang sedemikian dan ada satu kawalan yang munasabah supaya dapat mereka ini dalam keadaan sentiasa boleh dibuat pemantauan di mana-mana tempat yang boleh mendatangkan risiko dan berkaitan dengan masalah rumah tangga juga bukan sekadar daripada wanita ke lelaki, lelaki ke wanita, sama saja lah tapi yang paling penting di atas bagaimana semangat tanggungjawab terhadap sesama insan itu perlu diketengahkan dan menjadi satu budaya masyarakat supaya dapat memahami melakukan perkara yang tidak berfaedah apatah lagi boleh menjejaskan keharmonian dalam hubungan sesama insan itu perlu ditangani bersama lah, *Insyaa-Allah*.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

YB. Permatang Pasir, saya nak sama-sama berkongsi maklumat mengenai dengan soalan daripada YB. Pulau Betong keganasan terhadap lelaki, YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji dok tengok saya. Saya ambil daripada keratan akhbar, Seri Delima surat khabar Berita Harian khamis 12 Mei, kelmarinlah, "Lelaki mangsa dera dilindungi" tajuk cantik, saya baca sedikit, "Rumah perlindungan sementara bagi lelaki yang berdepan dengan keganasan rumah tangga akan dibuka sekiranya wujud keperluan untuk membantu mangsa. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato' Seri Rohani Abd. Karim berkata, rumah perlindungan ini akan dibuka bila-bila masa sahaja sekiranya perlu dan pihaknya sudah bersedia menangani hal ini". Ini untuk orang lelaki yang duk kena pukul dengan bini, tak tau nak pergi mana, teriak sedih pergi cari rumah perlindungan, kena tibiai dan statistik PDRM menunjukkan ada peningkatan kes bagi keganasan mangsa lelaki iaitu sebanyak 1,270 kes lelaki menjadi mangsa keganasan rumah tangga yang dilaporkan pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 yang mencatatkan 1,262 kes. Jadi saya rasa di Pulau Pinang pun kita kena mengambil kira perkara ini sebab ini bukan sesuatu yang baru, jadi mungkin YB. Permatang Pasir boleh buat kajian yang mendalam, mungkin Majlis Agama Islam juga boleh menyediakan rumah rumah sebegitu mana lah tahu ada di kalangan kawan-kawan kita di sini yang nampak hebat tetapi di rumah sebenarnya mangsa, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Saya pun tak mustahil lah boleh berlaku..(gangguan) ada sungguhkah? Penderaan..... (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Laporan polis mengenai kajian statistik, jadi tak mustahil...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Jadi, adalah?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Ada Yang Berhormat, sebab ini adalah statistik daripada PDRM.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Kena belajar silat. Sebab itulah yang perlu kita tangani bersama dengan isu-isu begini bukan nak tengok siapa kuat siapa lemah tapi berkaitan dengan suasana keadaan yang boleh menghantui kehidupan manusia ini dalam hal-hal yang berkaitan dengan tak sepatutnya berlakulah. Dan cabaran yang dihadapi pada masa depan yang berkaitan perlu diambil perkiraan jugalah. Termasuk mempertengahan isu-isu seperti kemiskinan yang berterusan bagi rumah tangga di mana wanita juga merupakan sebagai ketua keluarga, dan juga menentang keganasan terhadap wanita, mengurangkan risiko daripada dijangkiti HIV dan AIDS dan serta meningkatkan tahap penglibatan wanita di dalam pasaran, apa-apa juga di dalam pelbagai bidang. Sebab kita nak angkat balik taraf wanita yang mana kita anggap kebanyakannya berkaitan dengan keganasan wanita ini, perlu kita tangani dan juga kita mesti ada satu perasaan dan kita perlu angkat taraf martabat mereka, perlu kita rasa sesuatu yang dapat dilaksanakan. Dan di samping itu juga, cabaran-cabaran yang perlu diatasi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Permatang Pasir, sedikit sahaja. Bercakap tentang isu keganasan rumah tangga ini, saya juga ingin memberi ulasan sedikit dan meminta pendapat daripada Permatang Pasir. Kebanyakan kejadian masalah di rumah tangga berlaku bukan sahaja disebabkan oleh masalah suami dan isteri, tetapi kadangkala juga atau seringkali berlaku disebabkan oleh penglibatan suami itu dengan satu.... (dengan izin) *extra marital affairs*. Di mana suami menjalinkan hubungan sulit dengan seorang lagi wanita tanpa pengetahuan isteri. Dan dewasa ini di Pulau Pinang, saya tidak ada rencana-rencana atau berita-berita tersebut sekarang di Dewan ini. Kita lihat kecenderungan kaum lelaki ini untuk mengadakan perhubungan sulit dengan wanita-wanita GRO terutamanya pekerja-pekerja asing ataupun perempuan Vietnam, Indonesia dan sebagainya. Jadi saya di Pulau Pinang kalau kita lihat di kawasan-kawasan tertentu, umpamanya kalau dikatakan di Pengkalan Kota, pada waktu pagi kita dapat lihat sekumpulan wanita-wanita daripada Vietnam ini menggunakan basikal dan mengayuh basikal ke tempat-tempat pekerjaan. Dan wanita-wanita yang sama ini kelihatan pada waktu malam juga kadangkala menjadi GRO. Saya ingin menjemput pendapat YB. Permatang Pasir, sama ada Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan melalui jabatan-jabatan tertentu harus mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif untuk membendung terutamanya bukan sahaja kemasukan pekerja asing tetapi juga kepada premis-premis yang digunakan sebagai tempat isitrehat, karaoke dan sebagainya yang sedikit sebanyak menyumbang kepada masalah-masalah rumah tangga yang berlaku. Saya minta Yang Berhormat untuk memberi pandangan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Kita pun terasa amat terkilan dan rasa sedih juga kalau apa itu benar-benar berlaku yang mengakibatkan kepada masalah keruntuhan akhlak, moral yang boleh mencetuskan fenomena dalam masyarakat khusus berkaitan dengan masalah rumah tangga perlu kita tangani dan kita mengharapkan pihak-pihak berkuasa khususnya boleh membuat pemantauan secara dekat bagaimana kita dapat membantu dan menghindarkan gejala-gejala yang tidak sihat ini boleh menular kepada

masyarakat yang kadangkala kita lihat mereka tidak ada kepekaan, perasaan dan mereka hanyalah mencari semata-mata keseronokan tetapi di samping itu mereka tidak melihat tentang kemudharatan yang lebih besar kepada apa yang telah mereka lakukan. Jadi sebab itu kita tangani hal-hal sedemikian perlu kita atasi di samping itu perlu juga kita ambil dan mengharap pihak-pihak berkuasa supaya dapat bertindak dengan secara lebih baik lagi.

Saya ada satu persoalan dulu tapi tidak dijawab, saya cari jawapan bertulis, salah satu soalan yang saya telah kemukakan kepada pihak Polis khususnya yang satu ketika ada satu kenyataan dilaksanakan bahawa kelab-kelab malam kononnya akan dibuat, memaklumkan bahawa kelab malam ini ada yang selamat dikunjungi, ada lesen, ada kebenaran, memaklumkan kepada pihak awam bahawa ini kelab malam ini selamat, boleh dikunjungi. Saya ada soalan sebab jawapan itu tak ada pada saya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, selamat dari segi apa itu? Tiada perempuan, tiada arak atau...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Cuma selamat disebut akan dikeluarkan satu macam kebenaran selamat dikunjungi sahaja. Itu dalam kenyataan itulah. Saya pun nak tahu juga dalam soalan-soalan tapi tidak diberi jawapan. Mungkin tiada jawapan. Jadi saya teruskan Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Cabaran-cabaran ini perlu diatasi bagi mencapai objektif dasar wanita iaitu menjamin perkongsian yang saksama di antara lelaki dan wanita di dalam pemilikan sumber dan maklumat di samping mendapatkan peluang dan faedah dari pembangunan dan untuk mengintegrasikan kaum wanita di dalam semua sektor pembangunan selaras dengan kemampuan dan keperluan mereka bagi tujuan meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan serta memastikan negeri kita ini berada di dalam keadaan aman dan makmur. Kita jangan ambil sikap sambil lewa kerana wanita juga boleh mengambil peranan besar dalam mengharungi dan berkaitan dengan penggunaan negeri kita di Pulau Pinang. Jangan ambil kesempatan kononnya di atas kata wanita ini lemah. Jadi ikut kita ambil, ikut suka kita nak buat apa pun, jadi jangan anggap buat macam itu kerana peranan wanita ini cukup penting. Jadi saya juga ingin mengenenahkan dan beberapa cadangan bagaimana kesaksamaan ini dan memperkasakan wanita sebab kita mengharapkan dan juga perlu untuk mencapai pembangunan sosial ekonomi juga dan termasuk dalam bidang politik. Sebab apa yang kita lihat bakat wanita semua peringkat kita harus perlu dimanfaatkan sepenuhnya dengan mewujudkan lebih banyak peluang lebih banyak wanita untuk turut serta dalam ekonomi dan meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan. Mungkin apabila sampai negara maju 2020 nanti. Kita mengharapkan supaya matlamat pasaran pekerjaan wanita ini boleh meningkat kepada 59%. Jadi itu dah sampai tahap itulah kita nak tengok. Dan persekitaran kerja yang lebih kondusif perlu diwujudkan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam kepelbagaian gender dalam kerja-kerja termasuk menggalakkan amalan kerja dan kehidupan yang seimbang, amalan kerja anjal serta bekerja dari rumah dalam sektor awam dan swasta di samping akses kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti untuk perkhidmatan penjagaan kanak-kanak. Sebab penjagaan wanita selain daripada wanita, dia ada juga ibu dan pengasuh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Cuma nak dapat penjelasan sedikit daripada Permatang Pasir, sebut soal wanita-wanita yang harus diberi pekerjaan, mengganggung. Untuk itu boleh atau tidak wanita-wanita yang tak bekerja, bekerja di kelab malam yang dimaksudkan selamat tadi. Kalau boleh katakan boleh, kalau tidak, katakan tidak. Kemudian dalam hal ini juga, saya faham bahawa kelab malam ini tak patut diwujudkan sama ada selamat atau tidak selamat. Kalau wujud, maknanya hasil pemberian lesen oleh Kerajaan Pakatan sekarang. Saya ulangi Dato' Timbalan Yang di-Pertua, sepatutnya kelab malam sama ada selamat, tidak selamat tak patut diwujudkan sebagai Yang di-Pertua Majlis tentu bersetuju, yang kebetulan, sekiranya wujud menggambarkan Kerajaan Pakatan yang mengeluarkan lesen. Oleh itu, ayuh wahai Permatang Pasir, di mana Permatang Pasir sekarang? Masih menyokong Pakatan atau bersama Harapan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh bin Man):

Itu lain soalan. Jadi Timbalan Yang di-Pertua, tadi Ahli Kawasan Machang Bubok pun saya dengar telah bangkit berkenaan dengan berkaitan dengan pusat-pusat hiburan ini, dan ada kaitanlah yang sehubungan itu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Ahli Kawasan Permatang Pasir. Saya seronok dengar Permatang Pasir membela wanita. Jadi saya dimaklumkan Timbalan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang ada 817 pusat hiburan keluarga, karaoke, pusat rumah urut yang telah diluluskan. Ini 817 rumah urut termasuk. Yang jadi masalah ini rumah urut ini sudah tradisional yang jadi rumah urut tapi kita tidak tahu urut kaki, urut badan atau urut apa. Masalah dia sekarang sebab pusat hiburan keluarga ini yang telah diberi kelulusan begitu berleluasa sekarang. Semua menjadi kita kata, *front* tulis pusat hiburan keluarga, di dalam macam-macam cerita. Berselindung di sebalik nama atau pun lesen pusat hiburan keluarga. Ini berbalik kepada sistem perlindungan kepada keluarga, terutama sekali anak muda, pelajar-pelajar dan sebagainya perlu dibuat pemantauan yang mana kita kata membawa kepada gejala sosial yang saya rasa sebagai Yang di-Pertua Majlis Agama Islam perlulah peka kepada masalah pusat-pusat hiburan keluarga, rumah urut dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Pandangan daripada Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Saya teruskan Timbalan Yang di-Pertua, saya tidak mahu sentuh hal wanita ini, walaupun ada lagi, jadi dengan masa ini saya teruskan lagilah sedikit sahaja,

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Teringin jugalah saya nak cakap pasal wanita ini. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Saya teringat tadi semasa perbahasan Ketua Pembangkang ada menyentuh tentang isu atau pun masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal. Atau pun wanita yang dicerai dan setelah mendapat perintah Mahkamah Syariah, tetapi perintah tersebut tidak dapat dikuatkuasakan disebabkan suami atau pun bekas suami tidak dapat dikesan ataupun bekas suami mungkin dalam penjara ataupun dalam pusat serenti dan pelbagai alasan. Jadi saya ingin tahu dan mungkin selaku Yang Berhormat, selaku Yang di-Pertua Majlis Agama Islam, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam menangani masalah-masalah sebegini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Jadi di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP), yang berkaitan dengan masalah yang telah dinyatakan tadi dan *Insyah-Allah* akan dirumus oleh pihak Ahli Kawasan Batu Maung. Dan kalau saya jawab nanti, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) tak boleh jawab pula, saya akan bantu sedikitlah. Satu lagi isu yang mungkin menjadi perhatian umumlah, yang saya rasa perlu juga saya ketengahkan berkaitan dengan pada 01 April 2015, orang tahu semua ini. Telah diperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang mana menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan sedia ada, sudah setahun, pejam celik dah setahun Kerajaan Persekutuan mengenakan GST, Kerajaan Pusat. Terdapat pelbagai isu yang dibahaskan oleh pelbagai pihak, antaranya ahli-ahli akademik termasuk juga pihak pembangkang, organisasi-organisasi awam dan swasta dan juga NGO-NGO yang lain. Walaupun setahun telah diperkenalkan kepada masyarakat, namun masih lagi ada, masih lagi banyak kekeliruan yang timbul di kalangan semua pihak. Antaranya adalah di kalangan peniaga terutamanya peniaga-peniaga kecil masih banyak peniaga yang tidak bersedia dengan GST. Seperti mana yang telah dinyatakan kalau menurut Timbalan Ketua Pengarah Perkestaman dan GST iaitu di bawah Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dalam satu sidang media 11 Mac 2016, baru sangatlah. Terdapat lebih 406,000 syarikat berdaftar GST. Sedangkan di Malaysia terdapat puluhan ribu lagi yang melebihi syarat untuk mendaftar, namun masih belum berdaftar dengan Jabatan Kastam. Makna ramai lagi yang ada ikut syarat-syarat dia di kalangan peniaga-peniaga ini belum lagi berdaftar dengan Jabatan Kastam. Sebab itu mengikut arahan daripada Timbalan Ketua Pengarah ini mengatakan Jabatan Kastam perlu melakukan tindakan dengan lebih drastik untuk memaksa peniaga-peniaga berdaftar dengan Jabatan Kastam. Ini kerana apabila peniaga tidak berdaftar dengan Jabatan Kastam, peniaga tidak dapat membuat tuntutan

semula cukai barang dan perkhidmatan yang dikenakan. Ini menyebabkan peniaga akan mengenakan cukai ini kepada pelanggan tanpa menurunkan harga barang. Pihak Jabatan Kastam perlu menyemak senarai syarikat yang berkelayakan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menentukan syarikat yang sepatutnya berdaftar. Selain daripada itu, pihak Kastam perlu sentiasa melakukan pemantauan harga barang supaya peniaga tidak melakukan kenaikan harga sewenang-wenangnya.

Sudah setahun dah, barang naik adakah juga berlaku kawalan? Ini yang menjadi persoalan kepada kita. Dan juga kalau kita tengok dalam apa yang dinyatakan, kutipan GST yang diperolehi bermula daripada 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015, adalah sebanyak RM27.1 bilion, tinggi itu. Jumlah ini setelah mengambil kira tuntutan kredit ke atas cukai 6% di peringkat input perniagaan bagi tempoh sembilan (9) bulan tahun lalu. Ini laporan daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan menurut Perdana Menteri, sejak pelaksanaan GST ini, kerajaan berjaya mengutip hasil melebihi RM51 bilion dan jumlah tersebut cukup signifikan dalam membantu menstabilkan kedudukan ekonomi negara. Kutipan cukai tahun 2014 hanyalah RM34.2 bilion. Ini merupakan peningkatan hasil yang tinggi daripada kerajaan. Berdasarkan kepada data tersebut, kutipan cukai adalah terlalu tinggi. Sepatutnya pihak Kerajaan Pusat mesti melaporkan secara terperinci kutipan setiap negeri dan ke mana ia disalurkan. Saya rasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun amat kesal bahawa pihak Kerajaan Persekutuan telah meminggirkan Pulau Pinang dalam Bajet 2016. Tidak ada satu pun projek untuk mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang yang diluluskan sedangkan Y.A.B Perdana Menteri, ini saya ingin dapatkan kepastian kepada pihak yang berkenaanlah. Sedangkan Y.A.B Perdana Menteri telah berjanji membantu mangsa-mangsa banjir kilat di Pulau Pinang semasa sambutan Hari Raya Haji. Semua permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditolak termasuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang sebanyak RM200 juta yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Perlu diingat bahawa Pulau Pinang adalah sebahagian daripada Malaysia dan membayar cukai sekurang-kurangnya RM6.3 bilion setahun, adalah tidak munsubah Pulau Pinang dianaktirikan dengan kutipan GST yang cukup besar itu, kita mengharapkan Pulau Pinang juga mesti mendapat perhatian. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang ini saya tak payah sebut nama, sebab Menteri. Kesan GST kepada inflasi daripada awalnya adalah meningkat sebanyak 1.1% namun kadar inflasi secara keseluruhan tahun 2015 telah menurun kepada 2.1%...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Ahli Kawasan Permatang Pasir. Pembetulan bila Permatang Pasir menyebut tadi Pulau Pinang dianaktirikan. Saya ada laporan dikemukakan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU) Negeri Pulau Pinang bahawa senarai projek baru Rancangan Malaysia Ke-11 bagi Negeri Pulau Pinang, jumlahnya RM177,673,660.00. Dan senarai projek sambungan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi Negeri Pulau Pinang bernilai RM594,810,606.00. Saya tak tahulah anak tiri dapat banyak ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man):

Sebab itu saya nak tanya kepastian. Ini bila ada jawapan, ada maklumatlah sama ada menepati. Itulah tidak apa, ada jawapan. Kemudian saya sambung, Dato' Timbalan di-Pertua, kadar inflasi ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan setiap negeri di Malaysia. Bagi negeri dengan tahap perbandaran tinggi, seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor dan Selangor, kadar inflasi adalah 2.5%, namun negeri dengan tahap perbandaran sederhana adalah 1.8%. Manakala negeri dengan tahap perbandaran rendah adalah 1.4% dan berdasarkan kepada laporan tersebut, kadar inflasi yang dikatakan menurun agak memeranjatkan kerana jika dilihat kepada realiti semua harga barang, adalah meningkat. Harga barang naik, berdasarkan laporan keseluruhan indeks harga menurun, antaranya indeks harga pengguna bagi restoran dan hotel, ini jumlah yang disebut. Bagi harga pengguna restoran dan hotel 2014 adalah 4.7 telah menurun kepada 4.0 sedangkan mana-mana restoran yang kita masuki di Pulau Pinang, harganya telah meningkat. Yang paling ketara ialah indeks harga pengguna, pengangkutan tahun 2014 adalah 4.9 telah menjadi 4.4 pada tahun 2015. Jadi macam mana indeks harga ini dikira, saya pun tak tahulah macam mana. Sedangkan kalau kita lihat tambang komuter, tambang LRT, tambang teksi, semuanya meningkat. Jadi kita haruslah yang kena ambil kiralah memang kita lihat ini tidak dapat dinafikan bahawa rakyat secara keseluruhannya terbeban dengan adanya GST ini setahun yang lalu. Pembelian bahan-bahan makanan meskipun tidak dikenakan GST sebagai contoh beras, tepung, gula, namun kos pengangkutan untuk membawa bahan-bahan ini dari kilang kepada pekedai juga akan dikenakan GST. Contoh lain pula, alat tulis dan pakaian sekolah juga dikenakan GST bagi setengah pekedai yang menjual

barangan persekolahan ini. Jadi awal tahun seperti mana saya juga ada jumpa juga di kalangan para waris bila awal tahun, kalau tengok awal tahun 2016 merupakan tahun yang paling getir bagi para ibu bapa yang mana perlu membelanjakan kira-kira 15% lebih tinggi untuk uniform sekolah serta alat-alat keperluan lain untuk keperluan persekolahan anak-anak. Walaupun ada juga bantuan-bantuan lain yang telah diberikan. Ramai di antara kita yang merungut tentang kenaikan ini, namun apalah daya kita untuk mengatasi perkara ini. Anak-anak memerlukan pakaian dan beg sekolah, dan juga keperluan-keperluan lain untuk menuntut ilmu sebab itu kena peka bila kenaikan harga barang akan menimbulkan keresahan dan membolehkan menyusahkan mereka yang sentiasa memerlukan supaya harga barang tidak dinaikkan.

Kenaikan kos sara hidup ini mahu tidak mahu kita sebagai rakyat terpaksa menelannya walaupun pahit, ini merupakan cabaran buat kita. Mujurlah juga hari itu ada penurunan harga minyak dunia. Sedikit sebanyak boleh membantu kitalah juga untuk menurunkan harga minyak petrol dan diesel. Setidak-tidaknya kita tidak terbeban dan juga dengan kenaikan harga minyak petrol apabila kalau tidak ada penurunan harga minyak di peringkat global.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangilah rakyat ibarat sudah jatuh ditimpa tangga. Mula-mula GST, dah sesak nafas sudah. Kemudian nilai ringgit pula jatuh, ini kita tidak ambil kira lagi tentang masalah *1Malaysia Development Berhad* (1MDB). Ini yang terbaru lagi berkaitan dengan Tabung Haji pula. Jadi tahun 2016 ini merupakan tahun cabaran besar bagi kita. Persoalannya bagaimana kita mampu untuk menangani permasalahan ini terutamanya kewujudan GST yang menaikkan harga barang secara menyeluruh. Itu yang timbulnya tentang apa yang dikatakan kena dua (2) kerja ini. Apakah mampu untuk kita semua, saya ada cadangan, apakah mampu untuk kita semua harungi detik-detik mendatang untuk kita menempuh kenaikan harga barang sedangkan kita semua terhimpit dengan pendapatan yang semakin mengecil nilainya. Kita mungkin akan kembali ke zaman 50-an dan 60-an yang mana banyak keperluan asasi kita terutamanya makanan datangnya daripada ekonomi sara diri, sudah sampai masanya untuk kita kembali bertani kerana saya sentuh bertani sebab kawasan saya adalah kawasan jelapang padi yang mana banyak sudah dibangunkan dengan kawasan padi tadi dengan bangunan-bangunan. Yang ini pun, kita pun rasa senak jugalah sebab sebahagian daripada pendapatan ialah hasil daripada bertani. Jadi sudah hampir masanya untuk kita kembali bertani kerana pertanian telah dibuktikan secara jangka panjang mampu melahirkan keadaan ekonomi jangka panjang yang mampan dan ampuh sebagai contoh, macam Negara Belanda, Perancis, banyak memiliki ekonomi berasaskan pertanian, dan sehingga kini ekonomi mereka stabil dan tidak mengalami masalah kenaikan harga barang yang signifikan. Kita boleh mula untuk memikirkan apakah cara alternatif untuk mengekang kenaikan kos sara diri ini. Semakin banyak kita lihat rakyat kita menjalankan perniagaan secara *online* untuk menambahkan pendapatan keluarga. Ini satu usaha yang murni dan baik kerana kemudahan internet kita telah berkembang pesat secara majoriti penduduk kita telah memiliki capaian internet yang menyeluruh dan baik. Perniagaan *online* ini sudah sememangnya dan mendapat sambutan yang baik daripada rakyat kerana memerlukan modal yang kecil serta mudah untuk diuruskan.

Kemudian fenomena baharu di mana kita dapat menyaksikan walaupun disebut tadi saya nak sentuh sebab ini kawasan saya Permatang Pasir, walaupun tempat-tempat lain tidak tahulah macam mana di kawasan saya ini, saya sendiri dapat menyaksikan gerai-gerai kecil mula memenuhi persisiran jalan-jalan, depan masjid, ada ruang-ruanglah dan ruang-ruang kawasan yang agak boleh diguna pakai di situ dijadikan tempat mulanya mereka berniaga secara kecil-kecilan. Ini juga merupakan salah satu faedah untuk menangani kenaikan harga barang disebabkan oleh GST dengan bermodalkan sedikit bahan mentah dan juga kemahiran memasak ramai di antara yang telah menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan ini untuk menambahkan pendapatan keluarga. Secara tidak langsung memupuk semangat kemahiran berniaga yang selama ini kita tidak pernah fikirkan untuk menjadi seorang peniaga meskipun perniagaan yang kita lakukan secara sambilan namun ia setidak-tidaknya memberikan kita ilmu perniagaan serta kemahuan untuk bersaing dan ilmu untuk memasarkan produk kita.

Saya hendak ingin ringkaskan Dato' Timbalan Speaker, untuk menangani GST bukanlah satu perkara yang mudah kita perlu sama-sama berganding bahu dan berganding mengembelengkan tenaga untuk menanganinya secara bermusyawarah mengharapkan sesuatu seperti durian runtuh daripada Kerajaan Persekutuan memang mustahil. Oleh yang demikian kita perlu merubah nasib kita sendiri untuk terus maju ke hadapan. Usaha kita yang kecil ini untuk meningkat taraf ekonomi keluarga mungkin tidak berhasil dalam masa yang singkat ia perlu komitmen berterusan serta jati diri yang tinggi untuk terus maju ke hadapan dalam keadaan ekonomi yang sentiasa tidak menentu sekarang ini. Dato' Timbalan yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya. Tidak ada.....(gangguan). Hari Isnin...(ketawa). Silakan, tidak ada. Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana tiada pembahas maka Dewan ditangguhkan sehingga hari Isnin 16.05.2016 bermula jam 9.30 pagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau hari Isnin macam ini nanti dia kena gulung ikut peraturan dan sekiranya tidak berucap saya rasa mungkin kita kena minta bahawa semua Ahli EXCO untuk bersiap sedia dan menggulung kalau tidak ada orang berucap .So kita harap tidak berulang nak berikan masa yang cukup untuk semua. Baik terima kasih

Dewan ditangguhkan pada jam 6.40 petang.